

118

115

JILID II

HARI RABU

BIL. 3

21, DISEMBER, 1983



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KEENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA

SECOND SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING

ISSN 0304-1697



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM**

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KEDUA
SECOND SESSION**

**MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

RANG UNDANG-UNDANG TAKSIRAN (NEGERI-NEGERI MALAYSIA BARAT) (PEMAKAIAN), 1983 (BACAAN KALI YANG KETIGA)	3
USUL UNTUK MELULUSKAN ANGGARAN PEMBANGUNAN 1984	3
PEMILIHAN SENATOR	65
PENANGGUHAN	67

**LAPORAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI,
PULAU PINANG YANG KEENAM,
MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGGAL YANG KEDUA.**

RABU, 21HB. DISEMBER, 1983

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim, P.S.M., D.M.P.N., J.M.N.)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Saari bin Yusuff)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Encik Mohd. Shariff bin Hj. Omar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki, K.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Hj. Omar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh, P.K.T., A.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Yusof bin Salleh)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Md. Isa bin Hj. Ramli)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

ABSENT:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, A.M.N., P.K.T., P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)

TURUT HADIR:

Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.35 pagi.

Tuan Speaker:

Dewan dibuka untuk perbahasan.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini kini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk tujuan menimbangkan Rang Undang-undang ini sefasal demi sefasal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal 1, Fasal 2, tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dewan bersidang semula

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Taksiran (Negeri-negeri Malaysia Barat) (Pemakaian), 1983, telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

6. USUL-USUL

(A) Usul oleh Y.A.B. Ketua Menteri:

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak enam puluh lapan juta lima puluh tiga ribu lima ratus dua puluh ringgit (\$68,053,520.00) yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan 1984, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 13, Tahun 1983, dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan 1984 itu”.

Tuan Speaker, usul ini bertujuan meminta kuasa Dewan Undangan Negeri meluluskan perbelanjaan yang berjumlah enam puluh lapan juta lima puluh tiga ribu lima ratus dua puluh ringgit (\$68,053,520.00) bagi tahun 1984 mengikut kehendak Seksyen 4(1) Akta Pembangunan, 1966, seperti terpakai kepada Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 9 Akta yang smaa.

Tuan Speaker, pada tahun 1984, Kerajaan Negeri bercadang membelanjakan sebanyak enam puluh lapan juta lima puluh tiga ribu lima ratus dua puluh ringgit (\$68,053,520.00) melalui Kumpulanwang Pembangunan dan punca-punca Kumpulanwang ini adalah ditunjukkan di Risalah Bilangan 13 Tahun 1983. Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendapati bahawa dari jumlah perbelanjaan yang dicadangkan, empat puluh juta sembilan ratus tiga puluh tiga ribu dua ratus lima puluh ringgit (\$40,933,250.00) adalah diperolehi melalui pinjaman daripada Kerajaan Pusat dan satu juta lapan ratus enam puluh sembilan ribu tiga ratus ringgit (\$1,869,300.00) diper-

olehi secara projek-projek imbuhan balik oleh Kerajaan Persekutuan, Sebanyak \$5.1 juta lagi adalah Pemberian Tahunan Kerajaan Persekutuan yang dikenali sebagai Pemberian berdasarkan "Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup" yang berkuatkuasa mulai tahun 1983. Perbelanjaan berjumlah dua puluh juta satu ratus lima puluh ribu sembilan ratus tujuh puluh ringgit (\$20,150,970.00) lagi akan dilakukan sebagai perbelanjaan secara langsung yang dibayar daripada punca-punca Negeri Pulau Pinang sendiri.

Tuan Speaker, Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 memperuntukkan kekurangan sebanyak empat juta lapan ratus sembilan puluh lapan ribu lima ratus enam puluh ringgit (\$4,898,560.00). Apabila kita menimbangkan kekurangan yang dicadangkan ini dalam keadaan anggaran perbelanjaan yang besar berjumlah enam puluh lapan juta lima puluh tiga ribu lima ratus dua puluh ringgit (\$68,053,520.00) untuk pembangunan pada tahun depan, Ahli-ahli Yang Berhormat akan menghargai bahawa Kerajaan Negeri adalah berkeyakinan bahawa kita akan dapat mengekalkan kepesatan dan meneruskan usaha-usaha pembangunan kita dalam tahun 1984 dan kita akan berjaya untuk mengawal perbelanjaan peruntukan-peruntukan wang ini mengikut cara yang akan membolehkan kita memperolehi faedah yang maksima untuk setiap ringgit yang dibelanjakan.

Tuan Speaker, bagi tahun-tahun yang akan datang kita harus mengkaji semula keseluruhan jumlah peruntukan Perbelanjaan Pembangunan seperti yang tertera dalam Risalah Bilangan 13 Tahun 1983 supaya kita dapat membentangkan satu Anggaran Pembangunan yang lebih realistik dan lebih selaras dengan kemampuan kita untuk menyediakan peruntukan wang kita sendiri dan juga mengikut arah-aliran semasa pembangunan. Sudah pasti dengan menjelangnya tahun 1984, Pejabat Kewangan Negeri mestilah mengadakan kawalan yang rapi ke atas butiran-butiran per-

belanjaan yang sekarang dibentangkan kepada Dewan untuk diluluskan.

Seperti yang saya sebutkan dahulu, rakyat kita mestilah sedar bahawa kita perlu mengurangkan perbelanjaan bagi Anggaran Pembangunan berdasarkan sumber-sumber kewangan yang ada pada kita, yakni kita hendaklah "memotong baju mengikut badan sendiri". Walaupun demikian, Kerajaan berazam untuk mengekalkan tempo pembangunan dalam negeri ini dan sungguhpun Rang Undang-undang Perbekalan kita adalah ketat, apabila perlu, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengeluarkan peruntukan daripada Baki Hasil Am untuk mencapai tujuan ini.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas sokongan yang telah diberi kepada Negeri Pulau Pinang terhadap permohonan kita mendapatkan pinjaman-pinjaman di masa-masa yang lepas. Ahli-ahli Yang Berhormat patutlah menyedari hakikat bahawa kerjasama yang erat di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan telah membolehkan kita menghasilkan berbagai-bagai projek pembangunan di Negeri ini.

Tuan Speaker, program yang paling penting sekali untuk pembangunan Kerajaan masih lagi dalam bidang perumahan dan program kita untuk menyediakan perumahan murah perlu diselaraskan dengan program perumahan Kerajaan Persekutuan. Kita mempunyai harapan untuk mencapai program perumahan murah yang lebih berkesan melalui kerjasama yang erat yang telah terjalin di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 101, Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1984 memperuntukkan sejumlah empat puluh lapan juta sembilan ratus lapan puluh tiga ribu dua ratus sembilan puluh ringgit (\$48,983,290.00) dan sebanyak dua puluh juta empat ratus sembilan puluh tiga ribu dua ratus dua

puluh ringgit (\$20,493,220.00) dari jumlah ini akan dibelanjakan untuk pelaksanaan rancangan-rancangan perumahan murah yang akan dibiayai secara pinjaman Kera-jaan Persekutuan. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, 12 projek perumahan yang mengandungi dua ribu tiga ratus sembilan puluh empat (2,394) unit sedang berada di berbagai peringkat pembinaannya dan 6 projek lagi yang mengandungi dua ribu satu ratus tujuh puluh lima (2,175) unit adalah masih dalam peringkat perancangan. Sementara itu, Kerajaan telahpun mengemukakan satu senarai mengandungi 16 projek perumahan berjumlah tujuh ribu lima puluh enam (7,056) unit yang berharga \$176.4 juta kepada Kerajaan Persekutuan untuk pertimbangan dan kelulusannya di bawah kajian semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Peruntukan selanjutnya sebanyak enam juta tiga ratus empat puluh ribu ringgit (\$6,340,000.00) telah juga disediakan secara pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk pembangunannya.

Memandangkan pemulihan ekonomi akibat kemerosotan agak perlahan, maka projek perumahan hendaklah diteruskan sebagai teras aktiviti sektor pembinaan kita. Lantaran itu, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya menimbangkan sewajarnya permohonan kita untuk menambah projek-perumahan dan dimasukkan ke dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Sebagai tambahan, dengan pelaksanaan projek perumahan yang akan dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan oleh sektor swasta, kita berharap akan dapat membina lebih banyak unit-unit perumahan untuk memenuhi permintaan perumahan oleh rakyat kita yang kian bertambah.

Tuan Speaker, peruntukan sebanyak empat belas juta satu ratus ribu ringgit (\$14,100,000.00) yang diperolehi secara pinjaman telah disediakan di bawah Mak-

sud Pembangunan 101, dan Butiran 45 untuk Bekalan Air Sekim Mengkuang yang diangka siap pada tahun 1984. Penyiapan projek yang besar ini oleh Pihak Berkuasa Air akan dapat menjamin bekalan air yang mencukupi dalam negeri ini bagi 10 tahun yang akan datang. Lain-lain butiran di bawah Maksud 101 adalah diperuntukkan sejumlah lapan juta lima puluh ribu tujuh puluh ringgit (\$8,050,070.00).

Tuan Speaker, di bawah Butiran 19 peruntukan berjumlah \$3 juta telah disediakan untuk "Reklamasi". Sebagaimana yang telah saya nyatakan dahulu dalam Dewan ini, di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan projek reklamasi di kawasan-kawasan laut Negeri ini bagi menubuhkan sebuah Bank Tanah bagi maksud projek-projek pembangunan dalam jangka masa yang lebih panjang. Kerajaan Negeri telah mengenalpasti kawasan pantai di Tanjong Tokong, di Pantai Timur Pulau Pinang dan di Pengkalan Weld ke Batu Maung dan di Middle Bank serta di Pantai Barat Seberang Perai dari Kuala Muda ke Butterworth dan dari Sungai Perai sehingga ke Sungai Jawi di Selatan sebagai kawasan yang berpotensi untuk reklamasi. Projek Reklamasi Tanah adalah satu projek jangka panjang dan dianggarkan dapat menyediakan kira-kira 8,000 ekar tanah di Negeri ini. Cadangan yang dikemukakan sekarang ialah untuk memulakan sektor yang baru ini dalam pembangunan ekonomi Negeri kita dalam tahun 1984.

Jumlah keseluruhan anggaran peruntukan pembangunan untuk Jabatan Pertanian ialah satu juta sembilan ratus lapan puluh satu ribu ringgit (\$1,981,000.00). Lima ratus ribu ringgit (\$500,000.00) daripada jumlah ini adalah dikhususkan untuk program pemuliharaan tanah rang, tiga ratus tiga puluh enam ribu ringgit (\$336,000.00) adalah diperuntukkan bagi Rancangan Percubaan Pertanian, Projek Memajukan Penanaman Sayur-sayuran, Memajukan Lain-lain Tanaman dan Memajukan Industri Orkid dan lima ratus ribu ringgit (\$500,000.00)

disediakan untuk projek Akuakultur di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab sepenuhnya mempertingkatkan dan memperbaiki projek-projek yang berasaskan pertanian (*agro-based*) serta kegiatan-kegiatan bagi mempertingkatkan lagi taraf penghidupan sejumlah lima puluh dua ribu lapan ratus (52,800) keluarga yang bergantung hidup kepada aktiviti-aktiviti pertanian. Keutamaan dan perhatian yang paling tinggi adalah diberikan kepada pemulihan semula tanah-tanah bendang yang terbiar sebelum penghujung tahun 1984. Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bahawa Kerajaan Persekutuan telah juga memperuntukkan sebanyak \$4.65 juta ringgit sebagai tambahan kepada peruntukan Kerajaan Negeri yang ada sekarang. Kita berharap bahawa Kerajaan Persekutuan melalui agensi-agensinya seperti PERDA akan memberikan sumbangan yang besar terhadap usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memulakan projek-projek akuakultur dalam Negeri ini pada tahun hadapan.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 103 — Butiran 51, Jabatan Parit dan Taliair, sejumlah satu juta lima ratus tiga puluh lima ribu ringgit (\$1,535,000.00) adalah diperuntukkan untuk projek Pencegahan Banjir dalam sektor pertanian; kerja-kerja utamanya ialah memperbaiki Ban Sungai Muda, Ban Mak Minah (Juru), Tebing-tebing Sungai Kreh dan 15 kerja-kerja kecil yang lain. Projek-projek ini akan memberi perlindungan kepada dua ribu dua ratus tiga puluh sembilan (2,239) hektar tanah-tanah bendang dan lima ribu satu ratus sembilan puluh tiga (5,193) hektar tanah-tanah pertanian dari banjir.

Tuan Speaker, pada tahun 1984, jumlah perbelanjaan yang dicadangkan untuk Jabatan Kerja Raya ialah sebanyak tujuh juta satu ratus enam puluh empat ribu lima ratus tujuh puluh ringgit (\$7,164,570.00) dan sebahagian besar daripadanya akan digunakan untuk memper-

baiki perkhidmatan kemudahan infra-struktur. Enam ratus ribu sepuluh ringgit (\$600,010.00) lagi akan dibelanjakan untuk projek-projek jalan negeri dan satu juta ringgit \$1,000,000.00) untuk projek jalan-jalan Negeri yang akan dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan. Projek ini adalah pembinaan jalan-jalan luar bandar yang memberi faedah langsung kepada penduduk-penduduk luar bandar di Negeri Pulau Pinang. Di samping itu, peruntukan sebanyak empat juta satu ratus empat puluh tiga ribu empat ratus lima puluh ringgit (\$4,143,450.00) di bawah Pecahan Kepala 15 adalah disediakan untuk memperbaiki jalan-jalan dan melibatkan 33 projek untuk memenuhi keperluan tambahan biasa lalu-lintas serta juga jangkaan tambahan lalu-lintas setelah siapnya Jambatan Pulau Pinang. Di bawah Butiran yang sama peruntukan sebanyak tiga ratus ribu ringgit (\$300,000.00) adalah disediakan untuk kerja-kerja pembaikan semula jalan-jalan. Rancangan-rancangan pembaikan ini meliputi kerja-kerja melebarkan dan menguatkan jalan-jalan dan jambatan-jambatan termasuk pembinaan pembetong-pembetong dan parit-parit konkrit di tepi jalan. Peruntukan sebanyak dua ratus enam puluh dua ribu lapan puluh ringgit (\$262,080.00) di bawah Butiran 27 pula disediakan untuk kuari di Penanti dari segi pembelian mesin dan lain-lain alat jentera bagi menambahkan alat-alatan yang sedia ada. Ini adalah mustahak untuk mengekalkan daya pengeluaran yang tinggi dan penambahan pengeluaran dan bahan-bahan kuari di Kuari Penanti.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 109, peruntukan sebanyak satu juta empat ratus tiga puluh ribu sepuluh ringgit (\$1,430,010.00) telah disediakan untuk Jabatan Haiwan Negeri. Pembahagian lembu, kerbau, kambing dan biri-biri di bawah sistem pawah akan diteruskan mengikut permintaan daripada penternak-penternak. Ketiga-tiga daerah di Seberang Perai akhirnya akan menikmati faedah dari Pusat-pusat Pengumpulan Susu. Penternak-penternak yang mengambil bahagian dalam

projek ini boleh terus membeli lembu-lembu kacukan tenusu dengan harga subsidi dari Kerajaan melalui Pusat Pengumpulan Susu.

Pemberian anak ayam di bawah "Projek Buku Hijau" akan diteruskan untuk membolehkan penternak-penternak yang miskin mendapatkan protin ternakan dalam makanan mereka. Sebagai satu usaha tambahan untuk menggalakkan penternak Bumiputra mengambil bahagian dalam penternakan ayam-itek di Negeri ini, satu sekim baru telah diperkenalkan dalam tahun 1983 di mana seseorang peserta yang dipilih diberi 200 ekor anak ayam daging dan 500 kilogram makanan ayam dan sekim ini akan diteruskan pada tahun depan (1984).

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 114, peruntukan sebanyak lima ratus lapan puluh satu ribu lapan ratus tiga puluh ringgit (\$581,830.00) telah disediakan untuk Jabatan Hutan. Dari jumlah ini, empat ratus tujuh puluh lapan ribu lima ratus tiga puluh ringgit (\$478,530.00) akan digunakan untuk projek di bawah Program Rekreasi dan Kawasan-kawasan Kajian Saintifik dan Aktiviti-aktiviti Hutan Simpanan Jabatan Hutan. Pada tahun 1984, Jabatan Hutan akan menganjurkan beberapa pameran dan pertunjukan seperti pameran perabot, serangga, pameran buku-buku dan risalah mengenai perhutanan dan lain-lain.

Muzium Perhutanan yang telah dibuka kepada orangramai dengan rasminya pada 4hb. Mei tahun ini, terbukti sangat popular kerana inilah satu-satunya projek seperti ini di Negara ini. Bahan-bahan pamerannya sungguh penuh dengan pendidikan dan penerangan yang menarik. Daya tarikan tambahan seperti tayangan-tayangan *slide* khas, pertunjukan-pertunjukan wayang gambar dan risalah-risalah yang akan diadakan di muzium ini.

Tuan Speaker, Kerajaan akan terus memajukan kemudahan-kemudahan re-

kreasi di Negeri ini. Pada tahun 1984, Jabatan Hutan akan melipatgandakan usaha-usahanya menyediakan lebih banyak tempat-tempat rekreasi serta juga memperbaiki tempat-tempat yang sedia ada. Projek Hutan Perkampungan akan diperluaskan hingga ke Bukit Panchor dan Hutan Simpan Pantai Aceh. Di bawah projek-projek Hutan Bandar, Jabatan Hutan akan memperkembangkan dan membekalkan benih anak-anak pokok serta juga memberi nasihat kepada orangramai sebagai satu langkah memastikan kejayaan "kempen Keindahan dan Kebersihan" di Negeri kita ini. Dengan penglibatan dan penyertaan orangramai menjaga kawasan-kawasan rekreasi supaya kemas dan bersih, kita yakin bahawa usaha-usaha kita itu akan memberi munafaat kepada masyarakat kita keseluruhannya.

Tuan Speaker, Jabatan Hal Ehwal Ugama di bawah Maksud Pembangunan 115 telah diperuntukkan sebanyak satu juta lima ribu ringgit (\$1,005,000.00) bagi tahun 1984, terutamanya untuk pembinaan Kompleks Hal Ehwal Ugama Islam Daerah di Kepala Batas dan Balik Pulau. Peruntukan sebanyak lima puluh ribu ringgit (\$50,000.00) di bawah Butiran 2 juga telah disediakan bagi pembinaan tempat melihat anak bulan di Pantai Aceh di Daerah Barat Daya Pulau Pinang. Bangunan yang dicadangkan ini akan dilengkapi dengan dewan sembahyang, tempat meneropong anak bulan dan lain-lain kemudahan di samping kerja-kerja pengindahan kawasan di sekelilingnya. Sebagai tambahan, satu Butiran baru iaitu Butiran 3 telah diwujudkan untuk maksud pembinaan, pembesaran dan pembaikan kepada mesjid-mesjid dan surau-sarau yang berharga di dalam lingkungan dua puluh ribu ringgit (\$20,000.00) hingga lima puluh ribu ringgit (\$50,000.00) sahaja. Kerja-kerja yang berharga kurang daripada dua puluh ribu ringgit (\$20,000.00) dan lebih daripada lima puluh ribu ringgit (\$50,000.00) akan terus dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, pada tahun 1984,

peruntukan sebanyak tiga ratus sembilan belas ribu lima ratus sepuluh ringgit (\$319,510.00) di bawah Maksud Pembangunan 116 telah disediakan untuk Kebun Bunga. Ini adalah untuk membolehkan Kebun Bunga meneruskan pelaksanaan tiga projek terbesarnya iaitu memperluaskan kawasannya, mengindah semula dan memperbaiki keindahan yang sedia ada seperti "*landscape*" dan memperbaiki kemudahan-kemudahan di sekitar kawasannya untuk keselesaan orang ramai dan kemudahan para saintis dan akademik.

Peruntukan sebanyak satu ratus dua puluh ribu ringgit (\$120,000.00) telah disediakan untuk memperbaiki Kemudahan Am di Kebun Bunga. Projek ini telah dirancang dan diusahakan dengan bantuan Jabatan Perancang Bandar dan Kampung. Matlamatnya ialah untuk memberi lebih banyak kemudahan dan pemandangan kepada alam semulajadi kepada orang ramai. Bagi tahun 1984, projek-projek yang akan dititikberatkan ialah Taman Mini Jepun, Taman Herba dan Taman Karang.

Tuan Speaker, saya telahpun menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap butir-butir utama perbelanjaan yang telah dicadangkan dalam Anggaran Belanjaan Pembangunan 1984 di mana huraian-huraiannya tertera dalam Kertas Bilangan 13 Tahun 1983. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan sekali lagi bahawa dalam tahun 1984 pejabat Kewangan Negeri akan mengadakan kawalan yang sangat ketat terhadap perbelanjaan bagi peruntukan-peruntukan yang disediakan supaya bukan sahaja kita akan mendapat faedah sepenuhnya daripada setiap sen yang dibelanjakan dan juga kerana kesulitan sumber-sumber kewangan Negeri sendiri. Kerajaan akan sentiasa mengkaji semula cadangan butiran-butiran perbelanjaan bagi pelbagai jabatan dan akan membuat penentuan berhubung dengan keutamaan-keutamaan mengenai setiap butiran yang dicadangkan sekarang ini selaras dengan jumlah wang yang ada.

Dengan pelaksanaan rancangan-rancangan dan projek-projek yang dicadangkan seperti yang dibentangkan dalam Dewan ini bersama-sama dengan usaha usaha sektor swasta, kita akan dapat mengekalkan kadar pertumbuhan yang sederhana dalam lingkungan 5% dalam tahun hadapan yang lebih mencabar. Pengembelian usaha-usaha kedua-dua sektor awam dan swasta selaras dengan konsep "Persyarikatan Malaysia dan Pensewastaan" adalah sungguh mustahak untuk pertumbuhan ekonomi kita yang berterusan.

Rakyat kita mestilah memahami kesukaran dari segi kewangan yang kita hadapi sekarang. Mereka mesti menghargai dengan sepenuhnya keazaman Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek yang telah dikenalpasti. Rakyat kita hendaklah pada setiap masa menyokong dan menyertai rancangan-rancangan Kerajaan untuk mengekalkan keamanan, keselamatan dan kesetabilan dalam masyarakat kita supaya pembangunan sosial ekonomi dapat dilaksanakan untuk memberikan faedah yang besar kepada semua.

Di pihaknya pula, Kerajaan akan menentukan supaya projek-projek yang telah dirancang akan dilaksanakan dengan cermat dan seperti yang dijadualkan untuk mendapatkan kesan maksima perbelanjaan yang besar yang telah dirancang untuk memperkuat sosio-ekonomi kita. Kita semua bolehlah mengharapka suatu tahun yang penuh dengan usaha untuk mempertingkatkan lagi ekonomi dan kesejahteraan Negeri dan rakyat yang tinggal di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kakitangan awam, pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan badan-badan berkanun atas usaha gigih yang telah mereka berikan untuk membantu kemajuan pentadbiran, sosial dan ekonomi yang sedang berlaku di Negeri ini. Saya yakin bahawa mereka akan terus memberikan perkhidmatan yang lebih

baik kepada Negeri ini untuk mengatasi cabaran-cabaran yang kita hadapi untuk memastikan supaya kemajuan dalam tahun-tahun lapan puluhan akan dikekalkan. Dengan kesetabilan masyarakat kita yang berterusan disebabkan perhubungan erat di antara rakyat dan Kerajaan, maka prospek pembangunan sosio-ekonomi di Negeri Pulau Pinang adalah cerah. Walau bagaimanapun, rakyat kita mestilah berazam untuk mengekalkan perpaduan dan keamanan Negara serta berusaha bersungguh-sungguh dan berdisiplin supaya peluang-peluang kita menjadi kenyataan.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Usul itu yang disampaikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan di samping itu saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 1984.

Tuan Speaker, Anggaran Pembangunan Tahun 1984 sebanyak \$68,053,520.00 yang dikemukakan oleh Ketua Menteri adalah satu perangkaan realistik dan munasabah, memandangkan Negeri kita masih dibelenggui oleh kemelesetan ekonomi sedunia dan kesan-kesan pemulihan ekonomi masih jauh daripada dirasai. Dengan keadaan demikian, saya adalah bersependapat dengan Ketua Menteri bahawa Pejabat Kewangan Negeri haruslah mengadakan kawalan yang sangat ketat terhadap perbelanjaan bagi peruntukan-peruntukan yang disediakan. Sungguhpun kekurangan berjumlah \$4,898,560.00 adalah kecil jika dibandingkan dengan Anggaran Pembangunan, saya yakin jumlah kekurangan ini masih boleh dikurangkan sekiranya Kerajaan benar-benar mengamalkan prinsip-prinsip jimat-cermat.

Daripada Anggaran Pembangunan berjumlah sebanyak \$68,053,520.00, \$5.1 juta adalah diperolehi melalui pemberian tahu-

nan Kerajaan Persekutuan. Pemberian tahunan ini cuma merupakan 7.5%. Pemberian tahunan ini adalah amat kecil dan haruslah ditambahkan melalui rundingan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Saya difahamkan Pemberian Tahunan yang diperuntukkan bagi lain-lain negeri adalah lebih banyak daripada yang diperuntukkan bagi Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, daripada Perbelanjaan Pembangunan yang berjumlah \$48,983,290.00, \$20,493,220.00 atau 41.8% akan dibelanjakan bagi rancangan-rancangan perumahan. Gambaran ini menunjukkan dengan jelasnya bahawa Kerajaan mengambil berat tentang hasrat rakyat miskin yang sangat-sangat memerlukan rumah sendiri. Kekurangan rumah adalah satu masalah sosio-ekonomi yang besar di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan haruslah bertindak dengan lebih giat lagi untuk mengatasi masalah sosio-ekonomi ini demi kepentingan dan faedah rakyat yang kurang mampu. Di sini, ingin saya merayu kepada Kerajaan membina lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah di kawasan-kawasan desa, terutama di kampung-kampung baru. Kebanyakan rakyat di kawasan desa adalah terdiri dari golongan yang kurang mampu. Tidak dinafikan rumah-rumah kos rendah adalah dibina di kawasan-kawasan desa tetapi bilangannya tidaklah mencukupi.

Tuan Speaker, di Dewan yang mulia ini, ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap keadaan ganjil yang wujud di Sekim Perumahan Kampong Valdor, Kampong Jawi dan Jalan Bukit Panchor di Nibong Tebal. Di sekim perumahan itu, terdapat beberapa banyak unit rumah kos rendah dibina lebih kurang 2 tahun yang lalu. Kebanyakan rumah itu telah diperuntukkan pada tahun 1981/1982, tetapi masih terdapat sebilangan rumah itu yang belum diperuntukkan dan masih ditinggalkan kosong. Apakah sebab-sebab munasabah rumah-rumah itu ditinggalkan kosong? Keadaan ini memang

pasti merugikan Kerajaan dari dua segi, iaitu Kerajaan tidak dapat mengutip bayaran ansuran dari rumah-rumah kosong itu dan Kerajaan terpaksa membayar penjaga bagi rumah-rumah kosong itu. Malahan, keadaan ini telah menjadi satu sindiran kepada Kerajaan yang dikatakan berusaha ke arah mengatasi masalah kekurangan rumah. Tuan Speaker, dalam masyarakat kita, ada orang yang tidak ada rumah tinggal, dan di sini, ada rumah di mana tidak ada orang tinggal. Kerajaan haruslah mengambil tindakan segera untuk memperuntukkan rumah-rumah kosong itu kepada pemohon-pemohon yang layak.

Tuan Speaker, anggaran peruntukan pembangunan bagi Jabatan Pertanian ialah \$1,981,000.00 atau cuma 4% dari jumlah Anggaran Pembangunan. Pada pandangan saya peruntukan ini adalah tidak memadai, memandangkan ekonomi Negeri kita pada keseluruhannya adalah berasaskan kepada pertanian. Pertimbangan yang lebih wajar haruslah diberi kepada bidang ini dan segala projek-projek pembangunan yang akan mempertingkatkan lagi taraf penghidupan 52,800 keluarga yang bergantung hidup kepada aktiviti-aktiviti pertanian patutlah dilaksanakan sepenuhnya.

Di Dewan yang mulia ini, ingin saya menarik perhatian tentang salah satu projek pembangunan yang amat penting bagi menggalakkan pertumbuhan pertanian di Seberang Perai Selatan. Ini ialah pembinaan Jambatan Batu Kawan/Bukit Tambun.

Tuan Speaker, di kawasan Batu Kawan/Bukit Tambun, boleh dikatakan lebih daripada 90% keluarga adalah bergantung hidup kepada aktiviti-aktiviti pertanian. Oleh yang demikian, permintaan rakyat untuk membina jambatan ini adalah sesuai dan tepat pada masa dan tempatnya.

Tuan Speaker, sebelum tahun 1982, pembinaan Jambatan Batu Kawan/Bukit Tambun telah diluluskan dan dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan selepas kajian mendalam telah dibuat. Sebelum tender

pembinaan jambatan itu dikeluarkan Y.A.B. Perdana Menteri mencadangkan jambatan ini digantikan dengan satu *barrage*. Lanjutan daripada itu, pelan-pelan baru dan anggaran baru disediakan dan dihantar kepada Kerajaan Persekutuan untuk tindakan selanjutnya diambil, tetapi malangnya, sehingga saat sekarang, sebarang berita tentang pembinaan *barrage* bagi kawasan Batu Kawan/Bukit Tambun masih belum diterima. Saya yakin sesuatu projek pembangunan yang diluluskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri haruslah diberi keutamaan. Di sini ingin saya menggesa Kerajaan Negeri menggunakan jasa baiknya untuk mendapat peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan *barrage* demi kepentingan dan faedah rakyat.

Tuan Speaker, Anggaran Pembangunan sebanyak \$14,100,000.00 yang diperuntukkan bagi Bekalan Air Sekim Mengkuang menggambarkan betapa seriusnya usaha Kerajaan untuk menyediakan bekalan air kepada rakyat Negeri Pulau Pinang bagi jangka masa panjang. Tidak dinafikan bekalan air adalah satu-satu kemudahan asas yang amat penting dalam kehidupan harian.

Sama pentingnya dengan sekim jangka masa panjang itu ialah mutu khidmat Pihak Berkuasa Air. Memandangkan peruntukan yang besar itu telah disalurkan kepada jabatan itu, adakah mutu khidmat Pihak Berkuasa Air telah ditinggikan setimpal dengan keyakinan dan kepercayaan penuh yang rakyat, terutamanya rakyat di kawasan Seberang Perai Selatan meletakkan kepadanya? Di kawasan Seberang Perai Selatan beberapa aspek kelemahan Pihak Berkuasa Air haruslah dikaji dan diperbaiki demi kepentingan dan faedah rakyat.

Tuan Speaker, satu aspek perkhidmatan Pihak Berkuasa Air yang mengecewakan rakyat di Seberang Perai Selatan ialah pemotongan air serta-merta bagi rumah yang menjalankan pengubahsuaian atau *renovation*. Kes-kes seperti ini telah banyak berlaku di Kampong Valdor dan Kampong

Jawi apabila sesuatu rumah diubahsuaikan dan keadaan ini diketahui oleh Pihak Berkuasa Air. Bekalan air akan dipotong dengan serta-merta atas alasan tuan punya tidak menyediakan sebuah tangki khas untuk maksud pengubahsuaian rumah. Tidak dinafikan keadaan ini akan menyusahkan tuan punya dan keluarganya. Memang benar tindakan Pihak Berkuasa Air untuk memotong bekalan air dengan serta-merta adalah berasaskan kepada Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Air tetapi masalah ini pun haruslah dikaji dari segi peri kemanusiaan. Pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Air haruslah dinasihatkan jangan terlalu berminat memotong air. Pada pandangan saya sebelum tindakan tegas diambil, Pihak Berkuasa Air sepatutnya memberi nasihat, notis atau amaran terlebih dahulu kepada tuan punya. Dengan cara demikian dan dengan tempoh masa seminggu dua diberi, saya percaya tuan punya akan menyediakan tangki yang dikehendaki dan mematuhi segala Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Air. Jika segala nasihat atau amaran tidak diindahkan oleh tuan punya yang berkenaan, haruslah Pihak Berkuasa Air bertindak, dan dipersalahkan oleh mana-mana satu pihak atas tindakan tegas yang diambilnya.

Tuan Speaker, bersabit dengan hal pengubahsuaian rumah, satu aspek tindakan yang selalu dilakukan oleh Pihak Berkuasa Air ialah penukaran tarif air dari Kod Satu kepada Kod Tiga. Tindakan ini tidak dapat kita salahkan tetapi apa yang menjadi ganjil ialah selepas rumah berkenaan telah siap diubahsuaikan dan Pihak Berkuasa Air telah diberitahu tentang hal ini, Pihak Berkuasa Air mengambil masa terlalu panjang — biasanya beberapa bulan atau tahun — untuk menukar balik tarif air kepada Kod Satu. Tindakan ini amat merugikan tuan punya dan adalah disyaki tindakan ini sengaja diambil agar Pihak Berkuasa Air akan dapat menambahkan pendapatannya. Keadaan ini mencerminkan mutu kerja Pihak Berkuasa Air adalah jauh daripada cekap dan amanah.

Tuan Speaker, satu perkara lagi terhadap Pihak Berkuasa Air yang telah menyenangkan rakyat Seberang Perai Selatan ialah bekalan air buat beberapa bulan kebelakangan ini didapati terputus berkali-kali tanpa notis atau pemberitahu kepada rakyat terlebih dahulu. Apabila keadaan ini timbul dan Pihak Berkuasa Air dihubungi, kebocoran paip air adalah diberi sebagai sebab utama bekalan air terputus. Adakah gambaran ini benar atau tepat? Bukankah ada masanya air terputus akibat kerja menanam paip baru atau menggantikan paip lama dengan paip baru? Mengapa pada masa itu rakyat tidak diberitahu terlebih dahulu? Mengapa Pihak Berkuasa Air berasa perlunya rakyat disusahpayahkan?

Tuan Speaker, buat beberapa tahun yang lalu Pegawai-pegawai Kerajaan adalah dikehendaki mengambil sumpah Khidmat Cemerlang tetapi kesalnya khidmat yang diberi oleh Pihak Berkuasa Air adalah jauh daripada khidmat cemerlang. Di sini Pihak Berkuasa Air haruslah ditegur agar dapat bersikap lebih positif terhadap perkhidmatan kepada rakyat kerana Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat dan bukan menyusahkan rakyat.

Dengan ini, Tuan Speaker, saya menyokong sekali lagi Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Usul Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984.

Tahun lalu semasa saya berucap di atas Anggaran Pembangunan, isi utama ucapan saya adalah bertujuan untuk menunjukkan kemampuan perlaksanaan pembangunan yang buruk oleh Kerajaan Negeri. Saya juga membangkitkan keraguan sama ada Kerajaan Negeri akan berupaya untuk mencapai anggaran pembangunan yang semakin rendah iaitu sebanyak

\$49,683,210.00 bagi tahun 1983 berpandukan dari pelaksanaan bagi pembangunan yang lalu untuk negeri ini.

Kajian Separuh Tahun bagi Anggaran Pembangunan 1983 bagi berbagai jabatan jelas menunjukkan ketidakupayaan Kerajaan Negeri untuk mencapai peratus yang tinggi bagi pelaksanaan Projek Pembangunan. Saya akan memberikan data pecahan akan pelaksanaan yang mengecewakan oleh Kerajaan Negeri bagi setengah-setengah jabatan bagi perbelanjaan pembangunan tahun ini.

	Anggaran Pembangunan	Jumlah Sebenar Yang dibelanjakan 30.6.83	Peratus Pencapaian
Pertanian	\$1,396,010.00	\$ 477,191.00	34.2%
Jab. Parit & Taliair	3,304,120.00	310,999.00	9.4%
Jabatan Kerja Raya	9,522,990.00	551,115.00	5.8%
Jabatan Haiwan	850,101.00	82,269.00	10.5%
Jabatan Hutan	351,300.00	57,404.00	16.3%
Kebun Bunga	366,500.00	59,880.00	16.3%
Hal Ehwal Ugama	1,150,000.00	—	—
	16,940,930.00	1,545,858.00	9.1%
	=====	=====	=====

Dari jumlah Anggaran Pembangunan sebanyak \$16,940,930.00 untuk tujuh jabatan yang dinyatakan di tahun 1983, Kerajaan Negeri dalam masa bulan bermula tahun ini hanya boleh membelanjakan sejumlah yang mengejutkan iaitu sejumlah \$1,545,858.00 atau hanya 9.1 peratus. Jika aliran perbelanjaan bagi setengah tahun kedua mengikut setengah tahun pertama harapan yang ada untuk dicapai oleh Kerajaan Negeri untuk tujuh jabatan tersebut akan hanya 20 peratus.

Adalah amat mengejutkan apabila Jabatan Kerja Raya yang tugas utamanya adalah untuk memperbaiki perkhidmatan asas infrastruktur dan penjagaan jalanraya hanya boleh menggunakan sejumlah

\$550,115.00 dari jumlah peruntukan sebanyak \$9 juta atau hanya 5.8 peratus kemampuan pelaksanaan di dalam setengah tahun yang pertama. Jabatan Parit dan Taliair juga tidak berbeza iaitu hanya \$310,999.00 dibelanjakan dari jumlah peruntukan sebanyak \$3,304,120.00.

Y.A.B. Ketua Menteri telah menyatakan di dalam ucapan Belanjawan tahun lalu bahawa Anggaran Pembangunan itu telah disediakan berasaskan pelaksanaan sebenar tahun lalu bagi berbagai jabatan dan agensi-agensi Kerajaan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan menggunakan peruntukan yang ada dan beliau menyatakan seterusnya bahawa peruntukan-peruntukan bagi Anggaran Pembangunan 1983 akan lebih menggambarkan secara realiti belanjawan dan pelaksanaan yang sebenar yang Kerajaan Negeri berupaya melakukan sepanjang 12 bulan tahun 1983. Berpandukan kepada angka-angka yang saya berikan ke atas penggunaan peruntukan oleh Jabatan-jabatan Negeri, adalah jelas bahawa jika apa yang dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri itu benar maka kemampuan pelaksanaan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri telah menurun dan jatuh semakin jauh.

Tuan Speaker, perumahan masih menjadi masalah yang besar yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri da.. walau pun terdapat pertambahan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984, peruntukan bagi projek perumahan kos rendah telah dikurangkan dengan jumlah \$5,713,920.00 dibandingkan peruntukan sebanyak \$27,207,140.00 bagi tahun 1983. Walaupun peruntukan bagi projek rumah kos rendah adalah yang paling banyak di bawah Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan yang mana berjumlah sebanyak 43.9 peratus atau 31.6 peratus bagi semua Anggaran Pembangunan sejumlah \$68,053,520.00 tetapi ianya masih juga tidak mampu untuk mengatasi masalah kemantapan kekurangan rumah kos rendah di dalam Negeri yang semakin buruk.

Y.A.B. Ketua Menteri telah menyata-

kan bahawa Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyediakan lebih banyak rumah kos rendah bagi golongan yang berpendapatan rendah dalam Negeri ini dan Kerajaan Negeri telah memilih kawasan-kawasan projek rumah kos rendah iaitu lebih kurang 21,000 unit rumah kos rendah yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak 15,000 unit untuk 5 tahun yang akan datang. Apa yang dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri itu hanyalah sebagai cakap sahaja oleh kerana memilih kawasan untuk projek rumah kos rendah adalah satu perkara tetapi pelaksanaan dan pembinaan yang sebenar dengan peruntukan yang ada, adalah satu perkara lain.

Apakah tujuan Kerajaan Negeri memohon untuk peruntukan sejumlah \$176.4 juta untuk membina 7,056 unit rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat sedangkan ianya belum tentu boleh didapati jumlah yang diminta. Memohon peruntukan yang lebih sahaja tidak mencukupi. Sesiapa juga boleh memohon, malah DAP juga boleh memohon untuk peruntukan yang lebih dan memilih kawasan untuk projek rumah kos rendah. Soalnya, Tuan Speaker, ialah sama ada kita boleh mendapatkan apa yang kita pinta dan adalah menjadi tugas Kerajaan Negeri, khususnya Y.A.B. Ketua Menteri, untuk memastikan apa yang kita minta akan kita dapati dan apa yang kita pilih akan menjadi kenyataan dan bukan hanya memohon dan menunggu serta mengharap yang baik sahaja.

Tuan Speaker, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak boleh dianggap sebagai membantu menyelesaikan masalah perumahan di dalam Negeri ini oleh kerana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang lebih menyebabkan banyak masalah oleh sebab projek pembangunan mereka tidak langsung membantu Kerajaan Negeri. Malah hakikat yang sebenarnya projek KOMTAR adalah di antara sebab yang menyebabkan keperluan untuk unit rumah kos rendah di

Negeri ini. Penempatan bagi anggaran sebanyak 4,023 orang yang terlibat dengan Projek KOMTAR masih belum diselesaikan.

Tuan Speaker, lagi satu aspek dalam masalah perumahan di Negeri ini ialah cara pemberian rumah pangsa kos rendah kepada pemohon-pemohon. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri dan Pengerusi Perumahan Negeri sedar bahawa terdapat perasaan keciwa yang meluas di antara pemohon-pemohon untuk yang betul-betul tulin dan layak, yang telah membuat permohonan untuk rumah pangsa kos rendah bertahun-tahun lamanya yang masih menunggu, sementara terdapat tuduhan bahawa ada pemohon-pemohon yang sudah mempunyai rumah dan harta mendapat rumah-rumah pangsa kos rendah tersebut?

Tuan Speaker, terdapat keraguan dan kesangsian mengenai rasuah dan penyelewengan oleh pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli politik pemerintah di dalam memperuntukkan rumah pangsa kos rendah. Surat palsu yang dianggapkan dari Pengerusi Perumahan Negeri bertarikh bulan lalu yang disebarkan untuk memberitahu pemohon-pemohon bahawa mereka telah berjaya di dalam permohonan mereka untuk mendapat unit-unit rumah pangsa kos rendah telah membuatkan keadaan semakin buruk dan menguatkan lagi tuduhan-tuduhan bahawa terdapat *hanky-panky* yang berlaku di dalam Kerajaan Negeri. Surat yang telah saya lihat sendiri itu hanya boleh dikirimkan oleh orang-orang yang bertugas di dalam Jabatan Perumahan Negeri ataupun orang-orang di dalam parti pemerintah, oleh kerana keterangan-keterangan seperti nama pemohon, alamat dan nombor pendaftaran satu-satu permohonan akan hanya boleh diketahui oleh mereka yang saya sebutkan tadi.

Walaupun tidak ada bukti yang nyata bersabit dengan tuduhan-tuduhan umum itu, Kerajaan Negeri mestilah mengadakan satu kajian untuk memastikan mereka-mereka yang telah berjaya mendapatkan unit rumah pangsa kos rendah tersebut

tidak mempunyai rumah atau harta-benda dan mengesahkan kecacatan Kerajaan yang perasuah dan mengembalikan kepercayaan orangramai terhadap Kerajaan Negeri.

Pemberian dan peruntukan unit rumah kos rendah di antara berbagai kaum juga telah menyebabkan ketegangan dan rasa keciwa di kalangan orangramai. Adalah tercatat bahawa dari jumlah 6,673 unit rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan Negeri di antara 1hb. Januari, 1978 hingga ke 30hb. Jun tahun ini, kaum Bumiputra telah diperuntukkan 3,262 unit dan kaum bukan Bumiputra telah diperuntukkan sebanyak 3,410 unit. Peruntukan yang begini adalah tidak adil dan tidak menggambarkan komposisi kaum di dalam Negeri ini di mana penduduk-penduduk bukan Bumiputra yang lebih 70% hanya diperuntukkan 51.1% sahaja sedangkan kaum Bumiputra yang penduduk-penduduknya berjumlah kurang dari 30 diperuntukkan sebanyak 48.9% unit rumah kos rendah di negeri ini. Saya menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya lebih adil dan dengan secepat mungkin segera membetulkan masalah ini untuk memastikan pemberian rumah kos rendah yang adil berpandukan komposisi kaum di dalam Negeri ini.

Tuan Speaker, bagi Anggaran Pembangunan 1984, sejumlah \$500,000.00 telah diperuntukkan di bawah Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan untuk tujuan pengambilan tanah. Pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri untuk projek pembangunannya dari orangramai telah banyak menyebabkan kekecohan dan rasa tidak puas hati dari orangramai. Orang-orang yang terlibat dalam pengambilan tanah sudah semestinya tidak puas hati oleh kerana Kerajaan Negeri telah menyalahgunakan Akta Pengambilan Tanah dengan merampas tanah golongan yang miskin untuk menolong golongan yang kaya. Kerajaan Negeri yang mana sepatutnya melindungi kepentingan orangramai telah membuat keuntungan dari tanah yang diambil dari orangramai.

Kerajaan Negeri mestilah memberi penjelasan kepada orangramai mengapa tanah mereka telah diambil untuk projek KOMTAR, mengapa Kerajaan Negeri telah menjual tanah yang telah diambil dari orangramai kepada pemaju swasta dengan harga \$7.75 juta untuk membina sebuah hotel di kawasan tersebut dan apa juga keuntungan yang didapati dari penjualan tanah tersebut mestilah dibahagikan mengikut penyesuaiannya kepada orang-orang yang tanah mereka telah diambil oleh pihak Kerajaan.

Seperti yang saya nyatakan dengan mendalam dalam ucapan saya semasa membahaskan Rang Undang-undang Bekalan, masalah orangramai yang terlibat di dalam projek KOMTAR masih belum diselesaikan. Terdapat orang-orang yang rumah dan tanah mereka diambil oleh Kerajaan Negeri berasa bimbang akan kehilangan terus apa yang mereka punyai itu dan akan mendapati diri mereka tanpa bumbung untuk berteduh. Mengapakah Kerajaan Negeri begitu bersikap acuh tak acuh terhadap keadaan masalah orang-orang yang terlibat ini hinggakan Kerajaan Negeri tidak memperdulikan dengan meneruskan rancangan untuk membuat keuntungan dari orang-orang yang terlibat itu? Y.A.B. Ketua Menteri telah mengolok-olokkan kenyataannya sendiri dengan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan terus berkhidmat kepada rakyat dengan sikap bersih, cekap dan amanah.

Tuan Speaker, kesemua tujuh jabatan yang saya sebutkan sebelumnya yang mempunyai rekod perlaksanaan pembangunan yang buruk bagi setengah tahun pertama tahun ini telah diberikan perbelanjaan bekalan yang bertambah bagi tahun 1984. Jabatan Parit dan Taliair pula bukan sahaja akan diberikan pertambahan sejumlah \$390,750.00 atau 7% untuk perbelanjaan bekalan tetapi peruntukan pembangunan juga telah ditambah dua kali ganda kepada \$6,088,310.00. Saya tidak faham dengan strategi Kerajaan. Mengapakah peruntukan

bagi Jabatan Parit dan Taliair telah ditambahkan bagi tahun ini, apabila kemampuan pelaksanaan Jabatan tersebut tahun ini adalah amat buruk dan apa yang telah diperuntukkan telah tidak digunakan dengan sepenuhnya? Y.A.B. Ketua Menteri di dalam ucapannya semasa membentangkan Rang Undang-undang Bekalan 1984, menyatakan bahawa Jabatan Parit dan Taliair hendaklah bukan sahaja melaksanakan projek-projek baru bagi tahun 1984 tetapi juga mesti membuat pembaikan-pembaikan besar dan memperbaiki sistem parit dan taliair untuk memastikan taraf (*standard*) yang tinggi untuk membawa kebaikan kepada masyarakat luar bandar. Saya tidak tahu bagaimana jabatan ini boleh mencapai apa yang dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dengan rekod-rekod pencapaian mereka melainkan Y.A.B. Ketua Menteri memerhatikan sendiri terhadap mereka.

Dari jumlah \$6,088,310.00 yang diperuntukkan kepada Jabatan Parit dan Taliair, 25.2% atau \$1,535,000.00 telah diasingkan untuk mencegah banjir di dalam Negeri ini dan memandangkan faktor bahawa keadaan banjir di Negeri ini semakin buruk, saya harap Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa Jabatan Parit dan Taliair akan menggunakan jumlah wang yang besar yang telah diperuntukkan untuk benar-benar memperbaiki akan keadaan banjir di dalam Negeri ini.

Jabatan Kerja Raya adalah salah satu jabatan yang memerlukan perhatian khas memandangkan rekod pelaksanaan yang buruk. Peruntukan pembangunan yang besar sejumlah \$7,164,570.00 yang diperuntukkan yang mana adalah peruntukan yang kedua tinggi selepas Pejabat Ketua Menteri dan Jabatan Setiausaha Kerajaan mestilah digunakan sepenuhnya untuk membaiki, menjaga dan memperbaiki infrastruktur di Negeri ini untuk faedah rakyat.

Tuan Speaker, kita mestilah mengutamakan perkara-perkara yang penting dan semua perbelanjaan Negeri mestilah membawa kebaikan dan faedah maksima

kepada orangramai. Semua perbelanjaan yang tidak perlu dan projek-projek mewah (*prestigious projects*) yang tidak membawa faedah kepada orangramai mestilah dihentikan dan yang mana dilaksanakan mestilah dikurangkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.40 pagi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, kita mesti mengutamakan perkara-perkara yang penting dan semua perbelanjaan Negeri mestilah memberi kebaikan dan faedah kepada orang ramai. Semua perbelanjaan yang tidak perlu dan projek-projek mewah dan *prestigious* yang tidak membawa faedah kepada orangramai mestilah dihentikan dan yang mana dilaksanakan mestilah dikurangkan. Projek-projek seperti padang golf di Bukit Jambul dan projek KOMTAR sepatutnya tidak dilaksanakan pada mulanya. Apakah faedah yang akan didapati dari padang golf Bukit Jambul kepada rakyat jelata yang tidak mempunyai bumbung untuk berteduh yang boleh mereka punyai sendiri? Membelanjakan sejumlah \$20.5 juta supaya sebahagian golongan *elite* dan kaya-raya dapat menikmati dengan bermain golf sedangkan orang ramai masih berteriak untuk mendapatkan unit rumah kos rendah adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak Kerajaan Negeri. Tanah dan wang tersebut adalah lebih baik jika ianya digunakan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah untuk mengurangkan masalah kekurangan rumah di Negeri ini.

Apakah faedah yang ada dan akan didapati oleh orang ramai daripada projek *prestigious* KOMTAR, Tuan Speaker? Kosong. Malah seperti yang dinyatakan dalam ucapan saya secara mendalam semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan sebelumnya telah menyebabkan kesusahan kepada orang-orang yang terlibat. Adalah dianggarkan seramai 4,230

orang telah dan akan terpaksa keluar daripada kediaman rumah mereka sendiri. Tuan Speaker, disebabkan apa? Adakah ianya disebabkan mereka mendapat faedah daripadanya? Tuan Speaker, jawapannya adalah tentu tidak. Mereka telah dipaksa keluar dari kediaman mereka sendiri oleh kerana Ketua Menteri — minta izin Tuan Speaker — mahu *save his face* dan beliau akan menggunakan segala macam taktik kotor untuk memastikan projek *brain-child* beliau iaitu KOMTAR tidak gagal.

Ketua Menteri menyatakan salah satu sebab mengapa projek KOMTAR tersebut dilaksanakan adalah bertujuan untuk memusatkan semua pejabat Kerajaan di dalam Negeri ini. Saya tidak fikir ini adalah sebabnya tetapi lebih merupakan satu dalih oleh kerana alasan untuk memusatkan semua jabatan Kerajaan Negeri di Negeri ini yang akan memenuhi 34 tingkat blok menara KOMTAR. Mengapakah Kerajaan Negeri tidak dapat memutuskan tentang ketinggian blok menara KOMTAR sehingga akhir ini? Faktor yang sebenarnya pada pandangan saya ialah pembelian ruang pejabat oleh Kerajaan ini adalah untuk menyelamatkan projek tersebut dari gagal oleh sebab sambutan yang buruk dari sektor swasta untuk ruang-ruang pejabat tersebut.

Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah \$29,180,790.00 untuk membeli ruang pejabat di KOMTAR dan \$7,764,560.00 untuk pengubahsuaian dan alat-alat pejabat dari wang pinjaman untuk menyelamatkan projek KOMTAR dari ongkos orangramai serta bil penjagaan tahunan sejumlah \$1,770,000.00 yang diperuntukkan di bawah Pejabat Ketua Menteri bagi tahun 1984. Saya telah katakan dahulu dan saya ulangi adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan memalukan oleh Ketua Menteri lebih-lebih lagi mengambil tanah dengan harga yang murah dari orangramai dan menjualkannya kepada pemaju swasta untuk membina sebuah hotel untuk mendapatkan keuntungan adalah tidak boleh dimaafkan.

Tuan Speaker, perbelanjaan yang tidak perlu seperti lawatan-lawatan sambil belajar keluar negeri mestilah dihentikan kerana apa faedahnya lawatan-lawatan ini kepada orangramai. Semua lawatan-lawatan ini adalah lawatan percutian semata-mata dan bertopengkan lawatan sambil belajar. Kerajaan membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit untuk lawatan-lawatan ini dan ada terdapat pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli politik parti pemerintah yang telah diberikan elaun tetapi masih juga menuntut kira-kira mereka dari lawatan-lawatan keluar negeri. Setengah-setengahnya selama lebih enam tahun dan jumlah kira-kira tuntutan yang masih belum dikira dan dibayar balik berjumlah lebih \$500,000.00. Tuan Speaker, Kerajaan mestilah memberhentikan semua pembaziran wang rakyat ini.

Tuan Speaker, Ketua Menteri telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan mengorak langkah untuk memajukan pelancongan untuk menguatkan ekonomi sektor pelancongan kita. Tuan Speaker, kenyataan ini adalah amat dialukan oleh kerana kita perlu mengadakan satu program utama untuk menarik para pelancong sama ada dari dalam atau luar negeri ke Negeri ini. Pulau Pinang tidak mempunyai sumber-sumber alam dan wang yang akan datang dari pelancongan adalah amat dialukan dan satu kebanggaan kepada pendapatan Negeri ini. Tuan Speaker, soal sekarang ialah bagaimanakah kita akan mengorak langkah ke arah memajukan pelancongan kerana tidak ada sebarang peruntukan di dalam belanjawan untuk memajukan pelancongan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil perhatian yang serious terhadap perkara ini.

Tuan Speaker, Ketua Menteri dulu telah menuduh kami dari DAP sebagai membangkitkan *issue-issue* lama atau cerita-cerita lama. Apa yang kami bangkitkan boleh jadi *issue* lama tetapi selama cerita lama yang tidak dapat membawa faedah kepada orangramai ini tidak diperbetulkan

oleh Kerajaan Negeri, kami akan terus membangkitkan *issue-issue* tersebut untuk memasukkannya ke dalam otak kepala Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, banyak perkara telah berlaku dalam masa 20 bulan selepas Pilihanraya Umum yang lalu. Parti Barisan Nasional iaitu Kerajaan UMNO telah menganggap kemenangan besar di dalam Pilihanraya Umum tahun lalu sebagai mandat untuk melakukan beberapa siri politik yang tidak adil dan hakisan hak-hak rakyat. Pengisytiharan dan pelaksanaan polisi satu bangsa, satu kebudayaan, satu pengisytiharan terbuka terhadap polisi asimilasi kebudayaan, melancarkan proses Islamisasi di dalam Negara ini dan diskriminasi terhadap pelajaran bahasa ibunda adalah sebahagian dari hak hakisan politik, pelajaran dan hak-hak kebudayaan orangramai. Kerajaan Negeri dan khasnya Ketua Menteri tidak hanya boleh inemberi perhatian mereka terhadap aspek pembangunan fizikal Negeri ini sahaja tanpa menyedari akan hakisan hak-hak rakyat.

Penolakan sekali gus akan memorandum kebudayaan yang telah diambil oleh 15 Persatuan Cina Kebangsaan di dalam Kongres Kebudayaan Cina Malaysia yang telah diadakan di Pulau Pinang pada 27hb. Mac tahun ini yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri mempertahankan pendekatan polisi kebudayaan berbilang bangsa berasas integrasi dan bukan asimilasi oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan di bawah Encik Anwar Ibrahim. Itu adalah satu *slap-in-the-face*, dengan izin Tuan Speaker, terhadap masyarakat Cina dan Ketua Menteri yang merasmikan sendiri kongres tersebut sebagai secara tidak langsung mengesahkan memorandum tersebut. Saya dengan tegasnya menggesa Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri dengan nama konsep berbilang bangsa supaya mempunyai semangat untuk mengambil peranan utama bagi membalikkan *trend* politik-politik yang bahaya dalam Negara ini dan benar-benar mempertahankan aspek-aspek kebudayaan dan ugama cara hidup rakyat Negara ini.

Tuan Speaker, satu perkara yang ingin saya bangkitkan sebelum saya mengakhiri ucapan saya ialah parti DAP telah mengutip 4,000 tandatangan dari orangramai di Seberang Perai meminta Kerajaan Pusat supaya membiayai perbelanjaan pembangunan Sekolah Chung Ling Cawangan Butterworth dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin di Bukit Mertajam. 4,000 tandatangan tersebut telah dihantar kepada Menteri Pelajaran, Datuk Sulaiman Daud. Walaupun pelajaran adalah di bawah Kerajaan Pusat tetapi sekurang-kurangnya yang Kerajaan Negeri boleh buat ialah mempunyai keberanian untuk membawa *petition* tandatangan beramai-ramai itu dan meminta Kerajaan Pusat untuk menanggung perbelanjaan pembinaan bangunan sekolah-sekolah tersebut untuk memastikan aspirasi rakyat Butterworth dan Bukit Mertajam itu akan dicapai.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Yusof bin Saleh):

Tuan Speaker, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1984 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Tuan Speaker, satu anggaran yang berjumlah sebanyak \$68,053,520.00 untuk mencerminkan satu petanda yang baik kepada keseluruhan rakyat Negeri Pulau Pinang bagi mendapat kemajuan pembangunan yang sangat-sangat diharapkan oleh keseluruhan rakyat selama ini.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah berjaya membentangkan satu Anggaran Pembangunan yang telah disusun dengan begitu lengkap dengan program-program yang meliputi keseluruhan aspek hidup rakyat dalam bidang pembangunan.

Dalam anggaran ini jelas kepada kita membuktikan betapa rapatnya hubungan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Buktinya satu peruntukan berjumlah \$40,933,260.00 adalah diperolehi melalui pinjaman dari Kerajaan Pusat. Begitulah juga dengan lain-lain peruntukan lagi yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Men-

teri dalam Anggaran Pembangunan 1984.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapannya telah beberapa kali menyebut tentang pengawasan yang rapi terhadap semua perbelanjaan supaya semua peruntukan yang telah ditentukan itu tercapai matlamatnya. Bagi mencapai hakikat ini dengan sepenuhnya terserahlah kepada pihak-pihak dan jabatan-jabatan yang berkenaan supaya lebih berhati-hati dalam melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh semangat dan dedikasi bagi menjamin pencapaian pembangunan yang sepenuhnya dinikmati oleh seluruh rakyat Pulau Pinang ini.

Kita haruslah ingat tiap-tiap tahun dalam Dewan yang mulia ini Anggaran Pembangunan yang berjumlah berpuluh-puluh juta ringgit telah diluluskan. Dengan ini perlulah kita toleh ke belakang untuk melihat sejauh manakah sudah kemajuan-kemajuan yang sudah dapat dicapai? Sebaliknya kita masih lagi terdengar di sanasini rakyat menyuara berkehendakkan pembangunan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Yang lebih mendukacitakan kita berhubung dengan penglulusan projek-projek kecil yang telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah selalunya terpaksa menunggu masa yang lama bagi mendapat kelulusan dari peringkat Negeri. Dengan ini selalunya sehingga hujung tahun baharulah projek-projek itu boleh dilaksanakan. Hasilnya rakyat menerima projek-projek yang tidak memuaskan disebabkan oleh masa yang begitu pendek untuk disiapkan. Saya berharap perkara ini tidak akan berulang lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Speaker, peruntukan sebanyak \$20,493,220.00 untuk rancangan perumahan murah sangatlah dialu-alukan. Ini menunjukkan Y.A.B. Ketua Menteri memang sedar betapa pentingnya masalah perumahan bagi rakyat Negeri Pulau Pinang pada masa ini. Dengan ini kita berharap Jabatan Perumahan Negeri akan dapat memainkan peranan dengan licin dan lebih berkesan

lagi bagi membantu Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah perumahan di Negeri Pulau Pinang ini. Penerangan-penerangan yang lebih jelas perlu disebarkan kepada seluruh rakyat di Negeri ini bagi mengelakkan salah faham dan tuduh-menuduh di antara rakyat dengan Kerajaan berhubung dengan pemberian rumah-rumah murah Kerajaan kepada rakyat sepertimana masa yang lalu.

Tuan Speaker, satu lagi kemajuan yang telah dirancang oleh Y.A.B. Ketua Menteri terhadap pembangunan di Pulau Pinang ini ialah berkenaan dengan projek reklamasi ataupun tebusguna tanah yang mana satu peruntukan sebanyak \$3 juta telah ditentukan. Projek ini adalah satu projek pembaharuan bagi mempertingkatkan lagi prestasi kemajuan pembangunan di Pulau Pinang. Langkah ini adalah satu langkah yang bijak bagi menuju ke arah yang lebih luas dalam bidang pembangunan oleh sebab tanah adalah satu perkara yang penting dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan dengan cara-cara ini juga akan dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Negeri dalam bidang memiliki tanah yang lebih luas jika dibandingkan dengan cara-cara pembelian tanah-tanah dari pihak swasta. Apa yang kita harapkan dalam bidang ini ialah satu pengagihan yang adil dan samarata akan dapat diatitkan oleh pihak Kerajaan kepada seluruh rakyat di Pulau Pinang ini bagi menikmati faedah pembangunan dari rancangan ini di atas kawasan yang seluas lebih kurang 8,000 ekar.

Tuan Speaker, dalam hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi prestasi dalam sektor pertanian khasnya bagi tanah-tanah sawah, maka sistem pengairan perlulah diubahsuai dengan segera oleh sebab kebanyakan sistem pengairan yang ada pada masa ini adalah sistem yang telah dilaksanakan sejak 20 ke 30 tahun yang lalu, ianya sudah tidak lagi sesuai dengan cara pertanian yang lebih moden pada masa ini. Selain daripada itu saya harap Jabatan Pertanian Negeri hendaklah berfikir dengan

lebih berkesan lagi supaya dapat mengawasi tentang pasaran hasil-hasil pertanian di Negeri itu terutama hasil sayur-sayuran dan ternakan yang diusahakan oleh petani-petani. Kita tidaklah boleh semata-mata menyerahkan perkara ini kepada pihak FAMA sahaja. Nampaknya sehingga hari ini FAMA masih belum boleh menyelesaikan masalah ini dengan sepenuhnya. Akibatnya akan melemahkan semangat petani-petani bagi meneruskan usaha-usaha mereka dalam bidang pertanian. Kehidupan mereka masih ditindas oleh orang-orang tengah yang terus membuat keuntungan di atas hasil usaha mereka.

Begitulah juga dengan golongan nelayan-nelayan. Haruslah diingat golongan inilah orang-orang yang benar-benar memerlukan pembelaan yang besar dari pihak Kerajaan bagi memperseimbangkan kedudukan ekonomi seluruh rakyat Negeri ini. Langkah Pejabat Kewangan mengetatkan kawalan terhadap belanjawan bagi peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah satu cara yang membolehkan kita mendapat faedah yang sepenuhnya daripada setiap sen yang dibelanjakan.

Tuan Speaker, seterusnya bagi mencapai hasrat Kerajaan dengan sepenuhnya terhadap pembangunan Pulau Pinang ini usaha kedua-dua sektor awam dan swasta selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia dan Penswastaan perlulah dibuka dengan seluas-luasnya demi untuk menjamin pertumbuhan ekonomi kita yang berterusan.

Tuan Speaker, akhir sekali apa yang membimbangkan kita ialah tentang sikap wakil-wakil parti pembangkang di Pulau Pinang ini yang sentiasa menunjukkan kebodohan dan kejahilan mereka dengan cara membuat gangguan dan memutarbelit segala kebenaran yang telah kita lakukan dengan tidak tentu arah di dalam Dewan setiap kali persidangan diadakan. Sedikit sebanyak keadaan ini akan menjejaskan rancangan-rancangan pembangunan Negeri ini. Akibatnya rakyat akan me-

nerima kerugian. Oleh itu saya harap pihak pembangkang akan sedar dan insaf di atas kebodohan dan kejahilan mereka itu.

Sekian, Tuan Speaker, saya sekali lagi menyokong penuh Anggaran Pembangunan 1984 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat):

Tuan Speaker, saya bangun menyokong rancangan Anggaran Pembangunan ini. Sebenarnya terdapat satu peruntukan yang besar untuk pembangunan Pulau Pinang, tetapi dalam kes Negeri Pulau Pinang, satu-satunya Negeri yang cepat membangun, kita memerlukan lebih banyak peruntukan, hanya punca kewangan adalah terhad. Untuk menentukan bahawa rakyat mendapat munafaat daripada projek pembangunan ini, kita seharusnya menentukan rancangan ini dijalankan dengan lancar dan serious.

Tuan Speaker, perumahan adalah satu masalah yang dialami oleh rakyat di Negeri Pulau Pinang. Beberapa tahun lalu, kita masih tidak dapat menyelesaikan masalah ini. Jikalau kita masih menggunakan sistem perumahan sekarang untuk menyelesaikan masalah ini, saya berasa sukar masalah ini akan dapat diselesaikan. Kita mesti memahami bahawa terdapat seramai 40,000 orang yang memohon untuk memiliki rumah-rumah kos rendah, dan dengan cara atau sistem yang digunakan sekarang, kita hanya dapat mengeluarkan lebihkurang 1,000 unit rumah-rumah tersebut setahun. Memandangkan masalah peruntukan wang yang terhad itu, kita mungkin tidak dapat menambah pengeluaran sebanyak 100% atau 200% setahun, iaitu membina lebih 1,000 atau 2,000 unit rumah-rumah kos rendah.

Tuan Speaker, untuk menyelesaikan masalah ini, kita patut mencari cara-cara lain, Kerajaan mempunyai banyak

rumah murah, termasuk harta-harta Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Saya syorkan kita menjualkan harta-harta tersebut kepada penghuni-penghuni sekarang. Ini hanya salah satu cadangan yang boleh dipertimbangkan. Hasil jualan tersebut akan membawa berjuta-juta ringgit kepada Kerajaan dan dengan wang yang diperolehi itu, kita boleh mendirikan rumah-rumah kos rendah tambahan untuk rakyat. Untuk menyelesaikan masalah kekurangan wang untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah, kita boleh mempertimbangkan cadangan berusaha sama dengan sektor swasta untuk kejayaan perumahan Pulau Pinang. Saya percaya dan yakin perkongsian begini akan membolehkan kita mendirikan banyak rumah-rumah yang lebih murah, kerana sektor swasta sebagai suatu pertubuhan yang mementingkan keuntungan adalah lebih cekap dan lebih berkebolehan dalam hal pengurusan.

Bagaimanapun, kita tidak menggalakkan atau mendorong sektor swasta untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah. Adakalanya, sektor swasta mengalami kesusahan mendirikan rumah-rumah tersebut kerana pelan-pelan perumahan yang mereka hantarkan sentiasa mengambil masa yang panjang untuk diberikan kelulusan. Sebarang pertangguhan akan menambahkan kos rumah kerana pengusaha-pengusaha swasta terpaksa membayar faedah bank yang lebih dari masa ke masa. Faedah bank yang dikenakan itu akan ditanggung oleh pembeli-pembeli rumah. Untuk mendorong dan menggalakkan sektor swasta mendirikan lebih banyak rumah-rumah kos murah, kita patut memberi perhatian utama terhadap pelan-pelan pembinaan mereka. Kita juga mesti ingat bahawa kelambatan kelulusan pelan tersebut, masa yang lama akan membangkitkan masalah rasuah di antara pihak-pihak berkenaan.

Sekianlah, terima kasih.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, saya bangun untuk

menyokong Usul Anggaran Pembangunan Tahun 1984 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pagi tadi.

Tuan Speaker, kita sama-sama dapat mendengar dan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Pembangkang di sebelah sana, Yang Berhormat dari Pengkalan Kota cuba bermain api, cuba menanamkan sentimen pada rakyat di Negeri ini. Beliau rasa dukacita dan keciwa dan saya berharap wakil daripada Pengkalan Kota ini hendaklah faham sebenar-benarnya dan janganlah cuba atau pura-pura untuk membela kebudayaan bangsa dan kebudayaan Negara di Negeri ini. Rakyat telah faham bahawa DAP sebenarnya takut kebudayaan kebangsaan ini dapat difahami oleh rakyat Negeri ini dan kebudayaan kebangsaan Negeri telahpun diterima oleh kesemua pihak. Begitu juga DAP tahu bahawa rakyat Negeri ini memahami dan menghayati nilai Islam di Negeri ini dan saya juga berasa amat dukacita di atas apa yang dibawa oleh Ahli dari Pengkalan Kota tadi.

Sebenarnya sekarang ialah perbahasan berkenaan dengan peruntukan pembangunan, tapi beliau cuba bermain api, satu hari nanti api ini akan membakar dirinya sendiri. Beliau suka membangkit-bangkitkan masalah kebudayaan negara. Saya suka hendak bagi tahu kepada DAP bahawa masalah kebudayaan Negara tidak ada tolak ansur, telah pun diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan dan diterima oleh rakyat di Negeri ini. Begitu juga dengan nilai-nilai Islam yang hendak diterapkan pada rakyat Negeri ini bahawa orang-orang Islam tidak pernah memaksa orang-orang yang bukan Islam untuk masuk Ugama Islam, tapi nilai-nilai Islam adalah patut dicontohi, nilai-nilai Islam ini adalah nilai-nilai yang baik dan sempurna untuk perpaduan rakyat Negeri ini. Sebab itulah DAP takut jika rakyat Negeri ini berpadu dan bersefahaman maka DAP tidak ada tempat di Negeri ini.

Tuan Speaker, saya berharap wakil pembangkang dapat memahami hasrat

Kerajaan yang mana hendak menyatupadukan rakyat kerana perpaduan ini dapat membangun dan memajukan masyarakat di Negeri ini khususnya Pulau Pinang di mana masyarakat atau penduduknya adalah berbilang kaum.

Tuan Speaker, usaha-usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah pembangunan dan kemajuan untuk mengurangkan masalah sosio-ekonomi serta berhasrat untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di Negeri ini adalah dialu-alukan walaupun tugas-tugas pembangunan sosio-ekonomi yang Kerajaan laksanakan adalah penuh dengan cabaran, lebih-lebih lagi memandangkan ke-melesetan ekonomi yang dunia hadapi sekarang ini. Saya sungguh berbangga dan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri dan kakitangannya di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu, yang sentiasa bekerja keras, tekun dan sabar untuk pembangunan dan kemajuan rakyat Negeri Pulau Pinang. Maka sesuaiilah dengan tema pada tahun ini "Pulau Pinang Terus Maju".

Tuan Speaker, saya ADUN Kubang Semang lagi sekali menyokong Anggaran Pembangunan Tahun 1984 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan ini. Kita patut berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan. Di sini saya dengan ikhlas mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana sebahagian besarnya peruntukan pembangunan Negeri ini adalah bergantung kepada bantuan Kerajaan Persekutuan. Ini membuktikan dengan nyata hubungan baik dan persefahaman di antara Kerajaan Negeri dengan nyata hubungan baik dan persefahaman di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dan kepercayaan pimpinan Kerajaan Persekutuan terhadap pimpinan Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, pembangunan pada saya bukannya membina bangunan-bangunan pencakar langit ataupun jambatan-jambatan raksaksa yang panjang. Pembangunan bermaksud menyelesaikan masalah dan

meningkatkan taraf hidup golongan rakyat di semua peringkat, bukannya pembangunan pencakar langit dan jambatan raksaksa yang tidak boleh menyelesaikan masalah rakyat.

Saya juga bersetuju dengan Y.A.B. Ketua Menteri Kerajaan Persekutuan hendaklah memberi peruntukan yang lebih kepada Negeri ini. Saya berharap kepada Kerajaan Pusat tidak teragak-agak untuk menambahkan bantuan kepada Negeri ini. Saya yakin dengan penambahan itu kita dapat mengekalkan kepesatan dan meneruskan usaha-usaha pembangunan di Negeri ini pada tahun 1984.

Sebagai seorang penyokong Kerajaan adalah diharapkan bahawa Anggaran Pembangunan Tahun 1984 yang berjumlah \$68,053,520.00 akan diluluskan dengan sebulat suara nanti. Jika terdapat bantahan atau bangkangan, maka kita dapat membuktikan dengan jelas dan nyata bahawa mereka adalah golongan yang tidak mahu melihat rakyat menikmati pembangunan/kemajuan dan kita dedahkan mereka itu kepada rakyat. Mereka itu adalah pura-pura hendak memaju dan membela nasib rakyat.

Tuan Speaker, justeru itu saya juga suka hendak mengingatkan sahabat-sahabat kita di sebelah sana — satu dah hilang — bahawa peruntukan pembangunan ini adalah untuk kemajuan pembangunan rakyat Negeri ini seluruhnya. Ini termasuklah rakyat dan kawasan yang diwakili oleh Ahli-ahli Parti Pembangkang. Jadi apalah makna dan apalah maksudnya hendak mempertikaikan perkara ini?

Tuan Speaker, manakala anggaran ini diluluskan nanti, saya mengharapkan supaya pengagihan yang saksama dan pengawasan dan pelaksanaan yang teliti dapat dijalankan agar semua perancangan yang menjadi harapan dan impian rakyat mencapai matlamat dan tujuannya. Jika sebaliknya maka terbuktiilah pepatah orang tua "10 Jong Masuk Anjing Bercawat Ekor".

Untuk menjayakan pembangunan dan

kemajuan bukannya tanggungjawab pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai sahaja. Ianya adalah tanggungjawab bersama seluruh rakyat di Negeri ini. Selain dari itu saya juga berseru kepada semua syarikat-syarikat swasta di dalam Negeri ini hendaklah juga bersama-sama berusaha dan memberi kerjasama yang baik berupa bantuan atau pinjaman, khidmat nasihat, mengeluarkan biasiswa dan bantuan teknikal dan profesional.

Tuan Speaker, haruslah disedarkan betapa pentingnya kejayaan pembangunan dan kemajuan ini. Pembangunan dan kemajuan yang positif kepada semua pihak dan golongan adalah penting terutama sekali terhadap masyarakat desa dan kegagalannya boleh menjejaskan segala sistem yang kita amalkan selama ini. Maka harapan dan matlamat Kerajaan juga akan terjejas. Oleh itu perhatian dan keutamaan hendaklah ditumpukan ke kawasan desa dengan jujur dan serious. Kegagalan pembangunan mereka ini boleh mencemar dan menggagalkan Dasar Ekonomi Baru yang ditaja oleh Kerajaan sendiri. Oleh itu Kerajaan haruslah berusaha mendedah dan mengenalpasti kemiskinan penduduk-penduduk desa serta menyiasat sama ada punca-punca kemiskinan itu disebabkan pelajaran ataupun kesihatan, dan tindakan positif hendaklah diambil.

Sektor pertanian, Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah di atas usaha gigih yang telah dilakukan untuk memulihkan tanah-tanah yang terbiar. Walaupun masih terdapat tempat-tempat yang belum dipulihkan lagi adalah diharapkan kepada Kerajaan supaya usaha pemulihan ini hendaklah diteruskan. Banyak sawah telah dipulihkan dan hasil serta kejayaan telah pun diperolehi.

Tuan Speaker, demi untuk melahirkan petani-petani yang berjaya dan usaha-usaha yang positif, Kerajaan hendaklah memodenkan petani-petani. Antara tindakan-tindakan yang perlu ialah:

- (a) mengubah bentuk ekonomi desa melalui pemberian kredit;

- (b) mengadakan saluran pemasaran dan menyusup masuk teknik-teknik moden;
- (c) mengujudkan semangat berdikari dan inisiatif di kalangan petani-petani desa;
- (d) mengadakan infrastruktur yang cukup di kawasan-kawasan desa; dan
- (e) mengawasi pertanian dan menjamin pemasarannya.

Tuan Speaker, pencemaran alam membahayakan kehidupan. Pencemaran alam boleh menimbulkan berbagai-bagai gejala yang tidak sihat bagi setiap benda hidup di alam ini. Udara adalah penting bagi setiap yang hidup bertambah segar dan sihat. Udara yang bersih akan menjadi cemar bila tidak dijaga dengan baik dan sempurna. Pencemaran udara seperti asap, habuk dan lain-lain terdapat di kawasan saya, Permatang Pauh, berdekatan Ampang Jajar akibat dari pembakaran sampah. Kalau di bandar Pulau Pinang terdapat asap kenderaan dan juga asap rokok dan habuk berterbangan di udara. Asap dan habuk boleh merosakkan setiap penghidupan di alam ini dan manusia akan menghadapi berbagai-bagai penyakit apabila menyedut asap dan habuk tersebut. Ia akan mendatangkan penyakit. Adalah difahamkan bahawa asap-asap itu mengandungi gas-gas beracun.

Tuan Speaker, apalah gunanya Kerajaan menghabiskan wang berjuta-juta ringgit mengadakan pembangunan dan kemajuan sedangkan rakyat tidak sihat dan tersiksa hidupnya. Begitu juga tumbuh-tumbuhan akan menjadi kurang subur dan tidak akan mengeluarkan hasil yang banyak akibat dari pencemaran udara ini. Haiwan dan ternakan juga menghadapi keadaan yang sama, dengan ini secara langsung akan mengakibatkan berbagai-bagai masalah dan kerugian dari sudut politik, ekonomi dan sosial khasnya.

Tuan Speaker, pencemaran darat pula adalah seperti pembuangan sampah-sarap yang tidak mengikut peraturan dan tidak sesuai dengan tempat pembuangannya.

Sampah-sarap ini akan mengeluarkan bau yang tidak enak. Contohnya seperti terdapat di Kawasan Kubang Semang berdekatan dengan Ampang Jajar, Permatang Pauh, kawasan yang saya wakili. Kuman-kuman dari sampah-sarap itu dibawa terbang ke udara dan akan disedut oleh manusia, misalnya. Bukankah ini merupakan satu masalah? Oleh itu, Tuan Speaker, dengan ikhlas saya memohon jasa baik Kerajaan Negeri supaya mengambil langkah-langkah yang positif bagi mengurangkan perkara ini.

Tuan Speaker, usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk keindahan dan kecantikan kawasan di Negeri ini adalah dialu-alukan dan adalah baik sekali untuk menarik pelancong-pelancong. Saya berpendapat perancangan menanam pokok-pokok yang teratur hendaklah dijalankan. Pokok-pokok yang hendak ditanam, itu mestilah ada kaitan dengan Negeri ini iaitu pokok-pokok tempatan seperti pokok keranji, berangan, pokok glugor, macang, pauh, pinang dan jangan lupa pula tanam pokok bertam. Kawasan pantai hendaklah diawasi, dijaga dan dibersihkan, sebab kita tidak mahu nama sahaja pantai bersih tetapi tidak bersih. Taman-taman rekreasi hendaklah diusahakan dan diperbaiki. Sebuah taman binatang ataupun taman burung-burung tempatan hendaklah diadakan di Negeri ini untuk menarik lagi pelancong-pelancong yang datang ke Negeri ini. Kebersihan bandar hendaklah ditekankan dan adalah mustahak, bukannya menggalakkan pelancong-pelancong datang ke Negeri ini untuk minum tuak. Ini pelancong-pelancong dari mana saya tak tahulah.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa jalan dari Lapangan Terbang Bayan Lepas ke Universiti Sains Malaysia juga boleh menarik perhatian pelancong-pelancong dan juga titi lintasan berdekatan dengan simpang ke lapangan terbang itu, tetapi telah bertahun-tahun masih belum siap. Kenapa dan mengapa begitu lambat? Ini membawa gambaran dan ukuran yang kurang baik

terhadap Negeri ini oleh pelancong-pelancong dan pembesar negara-negara asing yang datang melalui kapal terbang.

Tuan Speaker, Jawatankuasa Kemajuan Kampung juga memainkan peranan penting untuk membangunkan pembangunan dan kemajuan Negeri ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri hendaklah mempertingkatkan supaya mereka ini diberi kemudahan-kemudahan yang tertentu seperti rawatan hospital, keretapi diberi tempat yang baik dan sebagainya. Begitu juga pembayaran saguhati bolehlah dinaikkan daripada \$7.50 sebab \$7.50 adalah satu harga yang kecil jika dibandingkan sumbangan mereka terhadap pembangunan.

Adalah juga diharapkan kepada semua Ketua-ketua Jabatan yang bersangkutan dan berkaitan hendaklah hadir ke Mesyuarat Tindakan Daerah pada tiap-tiap kali Mesyuarat Tindakan Daerah diadakan iaitu sebulan sekali. Jangnalah mereka ini memandang ringan di atas mesyuarat tersebut kerana mesyuarat ini adalah untuk pembangunan daerah dan kawasan tersebut. Jadi apa yang kita dapati sekarang ini ialah menghantar wakil-wakil dan pegawai-pegawai rendah yang tidak boleh membuat keputusan. Ini amat mendukacitakan dan keadaan ini dapat mengabaikan dan dapat melambatkan pembangunan dan kemajuan yang mana Kerajaan sentiasa hendak memajukan Negeri ini dengan secepat mungkin. Dengan keadaan begini usaha-usaha untuk mempercepatkan pembangunan akan tergendala. Pegawai-pegawai rendah yang menghadiri Mesyuarat Tindakan Daerah itu tidak boleh membuat apa-apa penyelesaian dan tindakan. Jadi, Tuan Speaker, perkara ini saya harap dengan jasa baik Kerajaan Negeri dapat diselesaikan.

Akhirnya saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian yang lebih terhadap masyarakat desa.

Dengan itu saya menyokong anggaran yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong serta mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan untuk tahun 1984 yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pagi tadi di Dewan yang mulia ini.

Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi tahun 1984 menunjukkan tambahan sebanyak 37% jikalau dibandingkan dengan tahun 1983. Ini memang menerangkan dengan sendirinya Kerajaan tidak mengabaikan pembangunan di dalam Negeri sungguhpun menghadapi kemelesetan ekonomi. Yang amat menggirangkan adalah sebahagian besar anggaran akan digunakan untuk meninggikan mutu dan taraf kehidupan rakyat di luar bandar. Langkah ini akan menjamin supaya rakyat di kawasan luar bandar akan dapat sama-sama mencapai hasil pembangunan seperti rakyat di kawasan-kawasan yang lain.

Usaha Kerajaan untuk memajukan kehidupan rakyat di kawasan luar bandar telah mendatangkan hasil yang menggalakkan. Walaupun begitu, adalah perlu bagi Kerajaan mengkaji dari masa ke semasa cara amalan yang diambil dengan merujuk kepada pandangan dan keinginan rakyat supaya mendapat pencapaian yang lebih berkesan.

Tuan Speaker, di antara keperluan dan kehendak asas bagi rakyat di kawasan luar bandar adalah bekalan api dan air. Tidak dapat dinafikan bahawa setakat ini masih ada ramai rakyat yang tidak dapat menikmati keperluan asasi ini. Mengikut peraturan yang sedia ada, jika ingin mendapat bekalan letrik dan air terlebih dahulu mesti mempunyai petil nombor rumah dan kemudian mendapat kebenaran tuan tanah. Peraturan seperti ini memang telah menjejaskan usaha dan keinginan Kerajaan untuk meninggikan mutu kehidupan rakyat di

kawasan luar bandar oleh kerana peraturan yang tersebut akan menghalang sebahagian besar rakyat di kawasan luar bandar dari mendapatkan bekalan letrik dan air serta menyebabkan mereka kekal berada dalam keadaan hidup yang buruk. Tuan Speaker, Kerajaan perlu mengkaji semula keadaan seperti yang berlaku di Kampong Telok di kawasan Bukit Tengah untuk menjamin usaha Kerajaan tidak terhalang.

Kekurangan rumah kediaman merupakan satu masalah yang besar dalam Negeri ini. Bagaimanapun, susah hendak difahamkan kenapa masih banyak rumah yang telah disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga masih belum diperuntukkan kepada rakyat. Keadaan seperti ini adalah lebih serious dengan pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Mengikut pengaduan rakyat yang diterima, ada di antara pembeli-pembeli yang telah membuat bayaran ansuran selama dua tahun dan belum diserahkan rumah yang mereka berjaya diperuntukkan. Keadaan ini telah memberatkan beban kewangan rakyat yang berkenaan oleh kerana selain daripada membuat bayaran ansuran mereka itu juga dikehendaki membayar sewa bagi rumah di mana mereka tinggal pada masa sekarang. Dari segi pendapatan hasil, perkara ini boleh dianggap sebagai satu kerugian kepada Kerajaan. Tuan Speaker, saya menyeru Kerajaan agar memandang berat masalah tersebut dan mengambil tindakan untuk membaikinya.

Kekurangan rumah dan harga rumah yang tinggi dengan secara langsung menggalakkan pembinaan rumah haram. Di antara rumah-rumah haram ada yang dibina sebelum pelan diluluskan atau sebelum pelan dikemukakan dan ada juga yang didirikan atas tanah pertanian yang tidak dapat diluluskan walaupun pelan telah dikemukakan.

Tuan Speaker, dalam kawasan saya terdapat banyak rumah haram seperti jenis yang kedua. Rumah-rumah itu tidak mempunyai petil nombor dan oleh itu tidak

mendapat bekalan letrik dan air. Sebenarnya tanah-tanah itu sudah lama berhenti digunakan bagi tujuan pertanian. Perkara seperti ini bukan sahaja didapati berlaku di kawasan saya tetapi di seluruh Seberang Perai, dan setahu saya terdapat sebanyak 2,000 buah rumah telah terlibat dalam kes seperti ini, tetapi apa yang amat mendukacitakan kita ialah pihak yang berkenaan tidak mengambil perhatian yang lebih berat untuk mengatasi masalah ini walaupun saya telah berkali-kali membangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini. Jawapan yang saya dapati ialah pihak yang berkuasa sedang mengkaji dan menggubalkan dasar penyelesaian. Saya kesalkan bahawa perkara ini ditangguh-tangguhkan begitu lama. Untuk menentukan rancangan meninggalkan mutu kehidupan rakyat yang dijalankan oleh Kerajaan akan membawa faedah kepada semua rakyat, saya menyeru supaya pihak-pihak berkuasa yang berkenaan akan menimbang kes-kes tersebut mengikut *merit* masing-masing dan mempercepatkan penyelesaian masalah tersebut.

Tuan Speaker, satu lagi masalah yang dihadapi oleh rakyat di luar bandar ialah jalan. Walaupun sebilangan jalan telah ditarkan akan tetapi kebanyakan jalan adalah jalan tanah. Apabila jalan-jalan itu rosak apa yang selalu dilakukan adalah menampung dengan tanah merah ataupun serbuk batu, tetapi apabila hujan turun dengan lebat, tanah dan serbuk baru pun habis dihanyutkan oleh air hujan dan jalan-jalan itu kembali kepada keadaan yang asal. Saya berharap Kerajaan akan menambah peruntukan untuk mengetarkan jalan-jalan di kawasan luar bandar. Di samping itu Kerajaan mesti memastikan keadilan dalam pertimbangan, memberi keutamaan kepada satu-satu jalan tanah untuk ditarkan. Mengikut keadaan yang sedia ada, jalan tanah di setengah kawasan di mana penduduk tidak banyak sudah ditarkan dan jalan tanah di setengah kawasan yang berpenduduk padat tidak ditarkan. Penyelesaian seperti ini patut dibetulkan.

Tuan Speaker, masalah jalan juga ber-

laku di bandar khususnya di kawasan perumahan yang lama seperti Taman Chai Leng, Taman Sri Rambai, Taman Eng Seng dan sebagainya. Oleh kerana kurang penyelenggaraan jalan-jalan di situ berada di dalam keadaan yang buruk. Adalah diharapkan Kerajaan Negeri akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Speaker, selalu berlaku apabila sesuatu kawasan perumahan siap dibina dan penduduk-penduduk berpindah masuk akan tetapi kemudahan pasar tidak tersedia. Keadaan seperti ini selalu menggalakkan penjaja-penjaja masuk berniaga. Masalah ini bukan sahaja berlaku di kawasan perumahan swasta bahkan di kawasan perumahan Kerajaan seperti Bandar Seberang Jaya. Bila bilangan penjaja bertambah pun diikutilah masalah lalu-lintas dan kesihatan. Langkah penguatkuasa sungguhpun ada diambil oleh pihak yang berkenaan akan tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah ini dengan sempurna. Oleh kerana tidak ada kemudahan pasar, penduduk-penduduk terpaksa bergantung kepada penjaja-penjaja untuk mendapat keperluan sehari-hari.

Tuan Speaker, rakyat Pulau Pinang sungguh suka membeli daripada penjaja-penjaja. Ini sudah menjadi satu keistimewaan kehidupan rakyat Negeri ini. Saya bercadang Kerajaan menimbang kemungkinan memastikan peruntukan tapak penjaja di setengah kawasan perumahan yang besar mengikut bilangan unit rumah yang tertentu. Tapak penjaja itu akan diserahkan kepada pihak yang berkenaan bila siap dibina.

Tuan Speaker, sungguhpun Kerajaan sudah membelanjakan banyak wang untuk memulihkan tanah rang di Kuala Juru akan tetapi nampaknya kesan tidak memuaskan kerana petani-petani masih dapat menanam sekali setahun sahaja. Berasaskan kepada keadaan seperti ini adalah lebih berhasil jika Kerajaan menimbang menolong petani-petani yang berkenaan menanam tanaman yang lain seperti tebu, nenas, jagong dan

sebagainya.

Tuan Speaker, lampu-lampu jalan selain daripada memberi kemudahan kepada rakyat adalah juga alatan untuk mengelakkan kemalangan khasnya di persimpangan-persimpangan yang sibuk dan penting. Oleh kerana kekurangan lampu-lampu jalan, sudah kerap berlaku kemalangan di persimpangan seperti di Taman Chai Leng dan persimpangan Taman Siakap di Bandar Seberang Jaya. Dalam pertimbangan memperuntukkan lampu jalan, pihak yang berkuasa mesti mempunyai inisiatif dan memandang dari lebih awal lagi keperluan keadaan di satu-satu tempat dan jangan menunggu pengaduan diterima baru bertindak.

Tuan Speaker, akhir sekali lagi saya mohon menyokong Anggaran Pembangunan Tahun 1984.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Usul Anggaran Pembangunan Tahun 1984 dan juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri atas pencapaiannya dalam memberikan lebih banyak projek-projek pembangunan walaupun pada masa sekarang kita menghadapi masalah kemelesetan ekonomi.

Satu usaha Kerajaan Negeri yang perlu dan dapat kita semua sokong dan puji ialah dalam bidang perumahan kos rendah. Seperti dapat kita dengar dari Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita, rancangan perumahan kos rendah akan terus menjadi projek yang terbesar sekali yang akan diusahakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini dan juga pada tahun yang akan datang dan sebanyak \$20.5 juta telah dianggarkan untuk rancangan-rancangan rumah kos

rendah pada tahun yang akan datang. Di samping itu, Tuan Speaker, Kerajaan Negeri akan memohon satu pertambahan yang terbesar iaitu \$176.4 juta untuk membina 7,000 lebih unit kos rendah di bawah Kajian Semula Pertengahan Rancangan Malaysia Keempat. Ini dengan terangnya telah mencerminkan hasrat dan usaha Kerajaan Negeri untuk menemui keperluan dan desakan dari rakyat dan penduduk Negeri Pulau Pinang untuk mendapat lebih rumah-rumah kos rendah khususnya rakyat kita dari golongan pendapatan rendah.

Tuan Speaker, kita sedar — kita semua sedar — bahawa matlamat yang pertama Jabatan Perumahan Negeri kita ialah untuk membina bilangan unit rumah kos rendah yang terbanyak sekali di dalam masa yang singkat dan juga dengan apa peruntukan dan kewangan yang kita akan ada supaya menampung kekurangan rumah kos rendah dan juga *backlog*, dengan izin, yang kita hadapi. Akan tetapi, Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan hari ini untuk mengemukakan beberapa soalan tentang polisi atau rancangan perumahan yang kita sedang jalankan. Dalam usaha kita dan untuk membina lebih banyak unit rumah kos rendah, adakah atau tidak kita perlu mengkaji semula dari semasa ke semasa polisi dan strategi rancangan rumah kos rendah kita? Adakah mencukupi bahawa kita hanya cuba membina terbanyak sekali bilangan unit-unit rumah kos rendah? Adakah kita memberikan perhatian yang cukup kepada faktor-faktor sosio ekonomi yang lain? Adakah penduduk-penduduk dan rakyat kita di Pulau Pinang hanya memerlukan unit rumah kos rendah yang bertingkat-tingkat (*high-rise flats*)?

Tuan Speaker, adakah lokasi atau situasi projek-projek perumahan kos rendah kita sempurna dan sesuai? Saya rasa, Tuan Speaker, tepatlah dengan masa sekarang kita mengkaji semula dan mengadakan satu pelan yang lebih lengkap (*comprehensive*) yang mana kita mengambil perhatian atas semua faktor-faktor sosio ekonomi khususnya pada masa sekarang. Seperti disebutkan

tadi, Kerajaan Negeri kita akan terus memohon di bawah Kajian Semula Pertengahan Rancangan Malaysia Keempat peruntukan dari Kerajaan Pusat untuk membina 7,056 unit kos rendah lagi. Tuan Speaker, pada masa sekarang, nampaknya faktor yang pertama yang menentukan lokasi atau di mana sesuatu rancangan perumahan akan diletakkan ialah tertakluk kepada di mana ada kesediaan tanah atau dengan izin, *the availability of land*. Rancangan-rancangan perumahan pada masa sekarang nampaknya terletak secara *ad hoc*. Adakah faktor seperti mengadakan atau kesediaan kemudahan-kemudahan seperti kemudahan bersekolah, kemudahan rekreasi dan kemudahan pengangkutan awam diberi perhatian?

Tuan Speaker, di Negeri Pulau Pinang kita mengadakan dua buah pusat yang baru iaitu di Seberang Jaya dan Bandar Bayan Baru. Kedua-dua kawasan ini adalah pusat pembangunan yang baru yang mana sekolah-sekolah telah dirancang dan akan diperolehi kemudahan-kemudahan seperti sekolah, kemudahan-kemudahan seperti kemudahan sukan dan rekreasi, tempat membeli-belah, kawasan atau pusat-pusat penjaja dan yang mana juga ada didapati pengangkutan awam. Bolehkah kita atau bolehkah Jabatan Perumahan Negeri membina lebih atau mengadakan rancangan-rancangan rumah kos rendah yang lebih di dalam atau berdekatan dengan kedua-dua pusat atau kedua-dua bandar yang baru ini? Pada masa sekarang saya faham bahawa Pejabat Perumahan Negeri hanya mempunyai satu rancangan rumah kos rendah di kawasan Seberang Jaya dan tidak ada apa-apa rancangan juga di kawasan Bandar Bayan Baru. Kita faham, Tuan Speaker, bahawa pembangunan kedua-dua pusat atau kawasan ini adalah usaha dan juga di bawah kuatkuasa P.D.C. atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Akan tetapi, Tuan Speaker, rumah-rumah dan flat-flat yang dibina pada masa sekarang oleh P.D.C. adalah berharga \$40,000.00 ke atas yang mana saya rasa rakyat kita dari golongan berpendapatan rendah tidak mampu membelinya.

Selain dari itu, Pejabat Perumahan Negeri juga biasa mengambil tanah dari pihak swasta untuk rancangan-rancangan perumahannya dan saya rasa Pejabat Perumahan Negeri boleh juga membuat demikian dengan tanah-tanah di dalam atau berdekatan dengan pusat-pusat baru seperti Seberang Jaya dan Bandar Bayan Baru. Saya rasa dengan mengadakan atau mendirikan rancangan perumahan kos rendah di kedua-dua kawasan ini kita boleh dapat menggunakan dengan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang telah disediakan atau akan disediakan di dalam kedua-dua kawasan ini.

Tuan Speaker, nampaknya kebanyakan rancangan-rancangan rumah kos rendah baru yang telah dirancang dan yang akan dirancang ialah rumah-rumah pangsa yang bertingkat tinggi (*high-rise flats*). Adakah ini kehendak rakyat kita? Adakah kesemua penduduk-penduduk di Pulau Pinang dari golongan berpendapatan rendah hanya menghendaki rumah-rumah pangsa yang bertingkat tinggi? Tidak bolehkah kita memberi perhatian dan membina juga unit-unit yang bercorak lain seperti rumah kluster kos rendah? Kita juga faham bahawa dalam kegunaan dengan maksimumnya Kerajaan kita perlu merancang membina rumah pangsa yang bertingkat tinggi (*high-rise flats*) khususnya di dalam kawasan perbandaran, akan tetapi saya rasa sedikit sebanyak perhatian mesti juga diberi kepada kehendak penduduk atau rakyat kita. Mengikut perhatian (*observation*) saya sendiri, ada juga ramai orang yang berkehendakkan rumah-rumah kluster atau rumah-rumah pangsa yang bertingkat tinggi. Kebanyakan keluarga ini adalah dari golongan yang berpendapatan rendah. Mereka ada melibatkan diri dalam perusahaan-perusahaan kecil (*small cottage industries*) semacam membuat kotak-kotak kertas, *joss papers* dan lain-lain, dan mereka ini tidak boleh meneruskan atau menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini di dalam rumah-rumah pangsa dan ini akan bermakna bahawa mereka akan kehilangan cara pendapatan yang sangat perlu untuk membantu pendapatan mereka.

Jadi, di sini saya ingin mengambil kesempatan juga membangkitkan masalah dan juga pengalaman saya berkenaan satu kawasan di dalam Kawasan Bagan Jermal iaitu kawasan saya. Kawasan ini, Tuan Speaker, ialah Kawasan Rumah Hijau di Kawasan Mak Mandin. Seperti kita semua sedar, Tuan Speaker, Rumah Hijau ini adalah satu kumpulan rumah-rumah papan yang telah dibina lebih 10 tahun dahulu untuk menempatkan semula penduduk-penduduk dan setinggan-setinggan di Kawasan Perumahan Mak Mandin. Semua penduduk-penduduknya adalah dari golongan pendapatan rendah dan pada hari ini keadaan di kawasan Rumah Hijau ini boleh dikatakan adalah dalam keadaan yang buruk dan selepas beberapa rayuan kepada pihak Kerajaan, syabaslah hari ini kita dapati ada satu rancangan rumah pangsa yang baru di kawasan Rumah Hijau, Mak Mandin. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas pembinaan sebuah rancangan rumah kos rendah yang baru di kawasan ini.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, adakah ucapan anda panjang lagi?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Saya ingat barangkali boleh mengambil sedikit masa lagi.

Pada mulanya, Tuan Speaker, harapan saya ialah dengan projek yang baru dan moden ini, projek yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang sempurna, maka dapat kita selesaikan masalah-masalah penduduk-penduduk di kawasan Rumah Hijau. Akan tetapi pada masa sekarang saya telah menerima sungutan-sungutan dari penduduk-penduduk di sana yang mana setengah-setengah mereka tidak suka berpindah dari Rumah Hijau yang berada dalam keadaan yang buruk ke rumah-rumah pangsa yang sedang disediakan yang mempunyai keadaan dan kemudahan yang lebih sempurna. Mengapakah mereka bertindak atau berasa semacam itu? Kebanya-

kan mereka seperti saya sebutkan tadi adalah terlibat dalam perusahaan-perusahaan kecil dan mereka takut bahawa dengan berpindah ke rumah-rumah pangsa, mereka akan kehilangan cara pendapatan mereka dan juga penduduk-penduduk di kawasan Rumah Hijau ini menganggapkan bahawa walaupun keadaan di Rumah Hijau tidak begitu baik dan dalam keadaan yang buruk, tetapi mereka masih hendak hidup dalam keadaan yang tidak sempurna itu. Di sini saya bangkitkan masalah ini sebagai satu contoh yang mana saya harap pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian sedikit sebanyak atas apa yang dikehendaki oleh rakyat atau penduduk-penduduk kita.

Tuan Speaker, dari masalah perumahan, sekarang saya ingin menyentuh sedikit sebanyak atas masalah banjir dan pamaritan khususnya di kawasan Butterworth. Saya telah seringkali membangkitkan masalah pamaritan dan banjir di kawasan Butterworth di dalam Dewan yang mulia ini. Pada masa dan tahun-tahun yang lepas, tiap-tiap kali Dewan ini bersidang, saya juga telah menyentuh atas masalah ini melalui soalan dan juga dalam masa perbahasan dengan harapan, Tuan Speaker, saya dapat menegaskan bahawa masalah pamaritan dan juga banjir di Butterworth adalah satu masalah yang besar dan penting. Hari ini saya hanya ingin menyentuh atau menyebutkan bahawa masalah ini semakin lama semakin bertambah teruk. Pembangunan yang pesat dan yang begitu hebat yang sedang dijalankan di daerah atau kawasan Butterworth telah mengakibatkan masalah ini bertambah buruk. Jadi saya rasa masalah ini dapat kita selesaikan oleh sebab Pelan Induk Pamaritan telah diselesaikan, telah disediakan dan telah diterima oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai dan juga oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan dan seperti kita semua sedar pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai telah juga membelanjakan sebanyak \$1.22 juta dari tabung Majlis Perbandaran Seberang Perai sendiri untuk kerja rekabentuk bagi menjalankan Pelan Induk Pamaritan ini. Pelan ini, Tuan Speaker, telah sedia dan menunggu masa untuk di-

laksanakan, tetapi malangnya tahun demi tahun kita tidak dapat peruntukan dari Kerajaan untuk melaksanakan projek ini.

Tuan Speaker, pada tahun yang akan datang kita akan mengadakan kajian semula pertengahan Rancangan Malaysia Keempat dan di sini saya ingin mengambil peluang atau kesempatan untuk merayu kepada Kerajaan Negeri untuk menyuruh atau mendapat peruntukan dari Kerajaan Pusat bagi menjalankan Pelan Induk Pamaritan ini supaya dengan selesainya masalah pamaritan ini penduduk-penduduk di Butterworth tidak lagi perlu menghadapi masalah banjir.

Tuan Speaker, dari banjir saya pergi kepada masalah-masalah jalan yang tidak bertaraf di taman-taman perumahan yang lama. Tuan Speaker, masalah ini telah juga dibangkitkan beberapa kali dalam masa yang lepas bukan hanya oleh saya sendiri tetapi juga oleh beberapa orang dari rakan-rakan saya.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.13 tengahari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.40 petang.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Terima kasih, Datuk Speaker.

Sepertimana yang saya nyatakan awal tadi, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh atas masalah jalan-jalan yang *sub-standard* atau yang tidak bertaraf di taman-taman perumahan yang lama. Tuan Speaker, saya rasa pihak Kerajaan telah sedar atas masalah jalan-jalan yang tidak bertaraf yang dari sejak masa dahulu sehingga masa sekarang tidak pernah diperbaiki atau diselenggarakan sekali pun oleh sebab jalan-jalan yang lama atau *sub-standard* ini belum lagi diambil alih oleh pihak

yang bertanggungjawab. Saya rasa saya telah seringkali membangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini dan masalah ini juga telah dibangkitkan beberapa kali oleh rakan-rakan saya. Pada masa dahulu, saya juga biasa memohon pihak Kerajaan untuk menetapkan satu peruntukan atau geran tahunan bagi mengatasi masalah ini secara peringkat demi peringkat dan saya rasa gembira kali ini oleh sebab dalam ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tadi telah menunjukkan bahawa di bawah Anggaran Pembangunan sebanyak \$300,000.00 telah disediakan.

Tuan Speaker, satu peruntukan sebanyak \$300,000.00 adalah disediakan untuk kerja-kerja pembaikan semula jalan-jalan dan saya harap jalan-jalan ini adalah termasuk jalan-jalan yang *sub-standard*. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak mencerminkan satu peruntukan yang besar dan peruntukan ini tidak boleh sekali gus mengatasi masalah jalan-jalan yang *sub-standard* ini di dalam atau di seluruh Negeri kita. Akan tetapi saya rasa ini adalah satu langkah yang baik. Saya rasa ini juga adalah satu langkah yang pertama dalam mencari solusi atau penyelesaian masalah ini. Saya harap peruntukan seperti ini akan diteruskan tiap-tiap tahun supaya satu masa yang tidak diambil alih oleh pihak Kerajaan Negeri boleh diselesaikan peringkat demi peringkat.

Tuan Speaker, begitulah ucapan saya dalam perbahasan ini dan lagi sekali saya menyokong usul Anggaran Pembangunan.

Sekianlah, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):

Yang Berhormat Tuan Speaker, sukacita saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini bagi menyokong Usul atau cadangan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri berkenaan Anggaran Pembangunan 1984 yang dibentangkan di persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari ini. Dalam pada itu, saya

juga ingin mengambil bahagian untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat lainnya dalam membahaskan Anggaran Pembanguann 1984 yang berjumlah sebanyak \$68,053,520.00 sebagaimana yang dicadangkan itu.

Sementara itu adalah menjadi harapan saya agar wang sebanyak yang dicadangkan itu dapat dipergunakan sepenuhnya bagi tujuan-tujuan sepertimana yang ditetapkan untuk faedah rakyat jelata di Negeri ini. Lanjutan dari itu inginlah saya membuat beberapa tegoran yang membina terhadap kelamahan-kelemahan yang terdapat di beberapa Jabatan dan Badan-badan Berkanun Kerajaan yang dapat dilihat sekiranya diikuti perkembangannya sejak kebelakangan ini. Saya berharap sangat dengan apa yang hendak disuarakan ini janganlah disalah anggap oleh pihak-pihak yang terlibat sepertimana yang berlaku pada persidangan hari semalam di Dewan ini apabila saya membuat tegoran dalam ucapan saya berkenaan dengan kelemahan pegawai-pegawai Jabatan Parit dan Taliair dalam melaksanakan gerak kerja mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi penjelasan-penjelasan dan bukti-bukti yang saya sebutkan kelmarin berkenaan Jabatan Parit & Taliair di Dewan ini. Sungguhpun Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersangkutan telah memberikan jawapan berkenaan dengan apa yang dipersoalkan oleh saya, saya khuatir sebagai wakil yang dipilih oleh rakyat semestinya orang yang bertanggungjawab dan kami bukan datang ke Dewan ini untuk membuat tuduhan-tuduhan. Maksud saya ialah untuk menyuarakan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh rakyat semata-mata dengan tujuan membetulkan kelemahan dalam pentadbiran.

Dengan izin, Tuan Speaker, saya akan membaca satu surat arahan dari Pengarah Parit dan Taliair Negeri Pulau Pinang kepada Jurutera Parit dan Taliair, Seberang Perai, berkenaan dengan permohonan ubah syarat kegunaan tanah.

“Jurutera Parit dan Taliair,
Seberang Perai.

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa ulasan-ulasan Jabatan ini adalah seperti berikut:-

Permohonan ini untuk ubah syarat kegunaan tanah kepada bangunan serta mengeluarkan daripada tanah bukit lot 492 ke 495, Bukit Empat, Seberang Perai Selatan.

- (i) Pelan-pelan ukur yang menunjukkan alignment yang sebenarnya sungai itu dari sempadan lot dan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini untuk ulasan selanjutnya. Ukuran itu hendaklah termasuk 200 kaki hulu dan hilir sungai;
- ii) pelan-pelan muka keratan lintang dan muka keratan bujur sungai serta tiap-tiap 100 kaki juga hendaklah diambil dan dikemukakan ke Jabatan ini. Sebarang pembinaan seperti rumah atau pagar yang sedia ada hendaklah ditunjukkan di dalam pelan itu.
- iii) semua pelan-pelan ukur hendaklah ditandatangani oleh seorang Juru Ukur yang berlesen;
- iv) Semua muka keratan sungai hendaklah menunjukkan keadaan yang sebenarnya sungai itu; dan
- v) pelan-pelan *contour* kawasan ini juga hendaklah dikemukakan kepada jabatan ini.”

Yang Berhormat Tuan Speaker, syarat-syarat ini saya ingat tidak berapa perlu kalau pegawainya keluar dari pejabat dan pergi menyaksikan kawasan yang dipohonkan. Saya ingat masalah ini boleh diselesaikan dengan secepat mungkin. Jadi saya harap Jabatan Parit dan Taliair boleh berubah sikap untuk menolong pihak swasta memperbangunkan kawasan-kawasan di

luar bandar. Kawasan yang saya sebutkan tadi adalah kawasan di Pekan Sungai Bakap (*at the main road opposite Sekolah Chung Hwa*).

Jadi saya haraplah perkara-perkara macam ini boleh diselesaikan dengan secepat mungkin. Sampai hari ini ubah syarat di kawasan itu tidak dapat diselesaikan. Permohonan itu dibuat pada tahun 1981. Jadi saya haraplah ahli Exco yang memegang portfolio itu boleh memberi satu garis panduan untuk kerja bagi Jabatan Parit dan Taliair.

Lagi satu perkara, Yang Berhormat Tuan Speaker yang saya ikuti ialah langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Air sebagai satu agensi Kerajaan. Sejak akhir-akhir ini amatlah mendukacitakan sekali khususnya di Daerah Seberang Perai Selatan. Ini disebabkan tindakan yang diambil sedikitpun tidak mencerminkan perasaan simpati dengan keadaan hidup kalangan masyarakat miskin dan berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya sokong penuh dengan apa yang disuarakan oleh rakan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Tambun, malahan pihak Berkuasa Air juga dilaporkan telah memberi amaran keras kepada jiran-jiran yang tinggal sebelah menyebelah dengan rumah-rumah yang kena tarik balik meter bekalan air. Dalam amaran itu, jika didapati ada jiran yang membekalkan air kepada orang yang meter air itu ditarik balik maka Pihak Berkuasa Air dengan tidak ragu-ragu lagi akan memotong bekalan air mereka pula. Demikianlah antara bentuk amaran yang ditegaskan oleh kakitangan Pihak Berkuasa Air.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin tahu kenapakah kakitangan Pihak Berkuasa Air di Daerah Seberang Perai Selatan begitu marah kepada para penggunaanya dan inikah cara atau dasar yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Air di mana lebih banyak menekan dari memberi layanan

yang baik. Dalam mesyuarat-mesyuarat atau majlis-majlis dailog yang diadakan dari masa ke semasa khasnya Mesyuarat Tindakan Pembangunan Daerah, Pihak Berkuasa Air mungkin menganggapnya sebagai tidak begitu penting. Itulah sebabnya Pihak Berkuasa Air hanya mengarahkan pegawai-pegawai rendahnya untuk menghadiri majlis-majlis tersebut di mana kalau timbul soalan-soalan yang ada hubungan dengan projek atau tanggungjawab Pihak Berkuasa Air, pegawai-pegawai ini tidak dapat memberi jawapan dengan baik, kadangkala kala tidak dapat menjawab atau memberi penjelasan. Oleh itu dicadangkan bahawa adalah lebih baik lagi jika di Daerah Seberang Perai Selatan Pihak Berkuasa Air menempatkan seorang Jurutera dan ini dijangka mungkin dapat mengatasi apa-apa masalah yang ada.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bekalan air awam (*stand-pipe*) bagi memenuhi keperluan awam khasnya di kalangan mereka yang hidup miskin dan berpendapatan rendah didapati tidaklah mencukupi, di mana ada tempat-tempat atau kawasan-kawasan yang tidak ada langsung paip awam dan ada pula tempat-tempat atau kawasan-kawasan di mana paip awam ini tidak lagi menjadi begitu perlu kepada orang ramai. Ini disebabkan kebanyakan rumah-rumah di satu-satu kawasan itu telah mendapat bekalan air di rumah masing-masing. Tuan Speaker, persoalan ini timbul bilajnana diminta kepada Pihak Berkuasa Air melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung di satu-satu tempat atau kawasan untuk mendapatkan bekalan paip awam ini daripada kawasan yang banyak yang tidak diperlukan kepada satu kawasan yang amat memerlukan di mana tindakan tidak diambil oleh Pihak Berkuasa Air sama ada boleh atau sebaliknya. Demikian juga halnya walaupun diberi jaminan yang segala perbelanjaan akan ditanggung oleh ADUN tetapi agak sukar untuk mendapatkan jawapan dari Setiausaha Kerajaan Negeri. Oleh itu saya berharap agar perkara-perkara begini dapat dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan. Kelulusan segera patut di-

berikan demi kepentingan masyarakat miskin yang tidak dapat menikmati kemudahan ini dengan perbelanjaan sendiri.

Tuan Speaker, terdapat ramai *plumber* sama ada bumiputra atau bukan bumiputra yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Air untuk menjalankan kerja-kerja kontrak kecil. Sementara itu dari apa yang difahamkan sebilangan besar dari *plumber* ini adalah kalangan pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Air yang telah bersara. Apa yang kerap berlaku pada masa ini ialah bilamana tawaran kerja dikeluarkan kepada seorang *plumber* biasanya kerja-kerja itu tidak dijalankan sendiri oleh kerana ketiadaan pengalaman. Berikutan dari itu setiap tawaran kerja-kerja kontrak yang berjaya diperolehi itu akan diserahkan pula kepada orang-orang tengah atau dialibabakan. Walaupun ramai dari *plumber* ini terdiri daripada kakitangan Pihak Berkuasa Air yang telah bersara serta memegang lesen dengan Pihak Berkuasa Air, tetapi oleh kerana ketiadaan pengalaman kerja mereka telah menyerahkan pula kerja itu kepada orang lain, maka selalunya ini telah menimbulkan berbagai masalah. Contohnya ialah kerja-kerja tidak dapat disiapkan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Air. Apabila tindakan hendak diambil ke atas mereka selalunya dikatakan kerja-kerja ini dijalankan oleh orang lain, bukan mereka. Inilah antara kekecohan yang selalu berlaku.

Oleh itu adalah diharapkan Pihak Berkuasa Air dapat memberi nasihat kepada *plumber* yang dimaksudkan supaya dapat memahami dengan kerja-kerja yang bakal dijalankan. Jika tidak tahu membuat kerja-kerja kontrak janganlah hendak menjadi *plumber* yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Air. Dengan cara begini maka adalah diharapkan dapat mengelakkan apa yang sedang berlaku dari berterusan. Pada kesimpulannya bolehlah dikatakan yang kedudukan Pihak Berkuasa Air di Daerah Seberang Perai Selatan adalah begitu serious di pandangan mata orang ramai sehingga boleh berlakunya cara-cara kerja

yang dijalankan selama ini. Sebaliknya jika keadaan tersebut dibiarkan tanpa sebarang langkah segera diambil ke arah membetulkannya adalah ditakuti akan juga mencemarkan nama baik Pihak Berkuasa Air sebagai sebuah agensi Kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membuat peruntukan wang sebanyak \$7,164,570.00 kepada Jabatan Kerja Raya untuk menyelenggarakan kerja-kerja serta memperbaiki jalan-jalan serta parit-parit di bawah tanggungjawabnya yang didapati rosak. Harapan saya agar kerja-kerja yang akan dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya benar-benar akan meninggalkan kesan baik sepadan dengan peruntukan yang disediakan. Sementara itu dukacita dinyatakan bahawa kerja-kerja yang dijalankan dalam membuat *side-table* atau tepi jalan kaki lima di sepanjang jalanraya atau jalan Negeri di bawah pentadbiran Jabatan Kerja Raya khususnya di daerah Seberang Perai Selatan didapati amatlah tidak memuaskan.

Sebagai contoh, wang banyak dibelanjakan tapi kerja-kerja dikira kurang memberi keuntungan. Ini disebabkan pemborong yang dipilih atau yang mendapat tawaran kerja dengan Jabatan Kerja Raya dalam membekal, menambun serta meratakan tanah merah di *side-table* jalan didapati tidak menjalankan kerja-kerja tersebut dengan sepenuhnya serta memuaskan. Pemborong-pemborong tersebut tidak menjalankan kerja-kerja tersebut dengan sepenuhnya serta memuaskan. Pemborong-pemborong tersebut tidak menjalankan kerja mereka dengan betul. Sebaliknya didapati melonggok tanah mereka di tepi jalan, kemudian menggunakan traktor sahaja meratakan tanah merah itu di *side-table* atau kaki lima jalan tanpa memperkecapi betul-betul lebih menyebabkan *side-table* atau kaki lima jalanraya atau jalan Negeri menjadi lembut, berlumpur dan berlopak-lopak serta mengandungi air. Keadaan ini akan menjadi lebih buruk lagi apabila tiba musim hujan.

Kerapnya pula tanah merah itu akan hanyut ke parit-parit yang terdapat di tepi-tepi jalan dan kadangkala selain dari hanyut ke dalam parit, tanah merah ini akan melimpah pula ke jalanraya membuat keadaan jalan akan menjadi licin dan kotor. Sementara itu akan bertaburan pula bila menjadi kering oleh kepanasan matahari dan ekor dari itu telah mengakibatkan berlakunya beberapa kemalangan di jalanraya, di mana ada antaranya yang cedera parah hingga menyebabkan nyawa terkorban.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kalaulah kita membuat tinjauan serta mengkaji terhadap kerja-kerja yang dijalankan seperti yang saya sebutkan tadi di negeri-negeri lain kita dapati kerja-kerja yang dijalankan adalah lebih besar dari apa yang dijalankan di Negeri kita, khususnya di Seberang Perai Selatan. Di negeri-negeri lain sebelum kerja-kerja yang sama hendak dijalankan, terlebih dahulu rumput-rumpai yang terdapat di *side-table* jalan itu dibuang, selepas itu tanah dikorek serta diratakan. Kemudian barulah tanah-tanah merah yang dibekalkan oleh pemborong dilabur atau ditabur serta diperkejakkan dengan *loader*. Dengan cara ini keadaan *side-table* jalan akan menjadi kuat dan tahan pula dengan tidak berlopak walaupun di musim hujan dan boleh dilalui oleh kenderaan-kenderaan seperti motokar, lori, bas dan lain-lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, jika di lain-lain negeri kerja-kerja sepertimana disebutkan itu dapat dijalankan dengan sempurna serta kemas dan boleh tahan, kenapa di Negeri kita Pulau Pinang tidak boleh, sedangkan di negeri kita ataupun negeri-negeri lain kerja-kerja begini adalah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya? Jadi pada kesimpulannya bolehlah dikatakan oleh ketiadaan peraturan yang baik serta pengawasan Jabatan Kerja Raya terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh pemborong sudah tentu para pemborong akan mengambil kesempatan melaksanakan kerja-kerja seperti "melepaskan batuk ditangga" sahaja. Jadi dengan suasana ini dapatlah disimpul-

kan bahawa peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan lebih banyak dipersia-siakan sahaja. Itulah sebabnya segala parit di tepi jalan banyak ditimbuni oleh tanah merah. Itulah sebabnya bila musim hujan didapati tepi jalan akan menjadi lembut, berlumpur serta berlopak dengan mengandungi air. Diharapkan pihak yang terlibat akan mengambil perhatian atas apa yang saya tegaskan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, soal pembangunan di daerah Seberang Perai didapati ketinggalan dalam semua bidangnya. Nampak sekali kurang diberi perhatian yang serious oleh Kerajaan Negeri. Lebih tepat lagi disuarakan di sini soal pembangunan di daerah ini sengaja dilambatkan ataupun sengaja ditinggalkan, tidak pula sepertimana daerah-daerah lain yang diberi perhatian serta dipesatkan pula dengan berbagai pembangunan termasuk rancangan perumahan awam kos rendah dan perusahaannya. Oleh itu pihak Kerajaan Negeri dalam melaksanakan rancangan pembangunan patutlah sekali memberikan perhatian serta pertimbangan yang sewajarnya dan mengutamakan pembangunan di daerah Seberang Perai Selatan. Apa yang disuarakan ini adalah untuk membolehkan semua golongan mengecapi faedah untuk masyarakat berbagai keturunan di daerah ini yang begitu dahagakan kemajuan pembangunan yang dilancarkan oleh Kerajaan selama ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, lanjutan daripada persoalan pembangunan ini maka sukacitalah saya menarik perhatian Kerajaan Negeri di Dewan yang mulia ini, sungguh pun di daerah Seberang Perai Selatan terdapat para penduduk yang menjalankan berbagai jenis perusahaan warisan dalam menampung keperluan hidup hari-hari seperti menjalankan perusahaan tanaman padi dua kali setahun, kemudahan yang ada tidak mencukupi. Dalam perusahaan tangkapan ikan pula, selalunya diancam oleh nelayan pukut tunda dan Apollo. Lain-lain jenis perusahaan ialah getah, kelapa, kelapa sawit, nenas, cocoa

serta lain-lain tanaman jangka pendek. Walau bagaimanapun, hasil pendapatan dari perusahaan yang dijalankan ini tidaklah dapat memenuhi hasrat ramai penduduk di daerah ini dalam mempertingkatkan serta menyelaraskan dengan kehendak matlamat Dasar Ekonomi Baru. Untuk tujuan ini serta memandangkan kepada keadaan yang terdapat di daerah Seberang Perai Selatan buat masa ini sepertimana yang saya sebutkan pada awal tadi serta ditambah pula dengan bilangan penduduk yang seramai lebih kurang 75,000 orang yang didapati menghadapi berbagai-bagai masalah hidup yang begitu rumit maka adalah menjadi harapan bagi seluruh masyarakat di dalam daerah ini semoga pihak Kerajaan Negeri dalam menyusun strategi pembangunan ekonominya akan dapatlah pula memberikan perhatian serious ke arah Seberang Perai Selatan sebagai usaha mengatasi masalah yang sedang dihadapi itu.

Dalam usaha-usaha ini tumpuan yang lebih hendaklah diberi oleh Kerajaan Negeri dengan menetapkan satu kawasan khas, dilengkapi dengan berbagai kemudahan yang perlu untuk kegiatan perusahaan ringan. Dengan adanya satu kawasan yang dikhususkan untuk perusahaan kegiatan ringan ini, sudah tentu ianya akan berkembang dengan pesat menurut perkembangan ekonomi tempatan. Dengan disediakan satu kawasan khas untuk industri ringan yang dilengkapi dengan berbagai kemudahan yang diperlukan serta ditambah pula oleh galakan dan dorongan yang baik sudah tentu ianya bukan sahaja dapat menarik minat pemodal atau pelabur-pelabur dari luar, malahan akan dapat menambatkan pemodal atau pelabur-pelabur tempatan yang selain dari dapat memperkembangkan punca-punca ekonomi dengan jayanya, ianya juga akan dapat melahirkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam memenuhi keperluan penduduk-penduduk tempatan yang tidak mempunyai pekerjaan, khasnya di kalangan belia dan beliawanis. Oleh sebab ujudnya sebagai perusahaan ringan di daerah ini ekoran dari langkah-langkah baik Kerajaan, ianya sudah pasti selain daripada dapat

membuka banyak peluang pekerjaan maka dengan cara tidak langsung dapat juga meningkatkan penghijrahan belia-belia ke daerah ini dan lain-lain tempat dan negeri termasuk Singapura untuk tujuan mencari pekerjaan.

Sebagai salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam menarik minat lebih ramai lagi para pelancong dari dalam dan luar negeri untuk melawat atau melancong ke negeri ini, maka patutlah diberi tumpuan dengan memperindahkan lagi serta menyediakan kemudahan secukupnya di pusat-pusat pelancongan yang ada sekarang dan di samping itu mengujudkan lebih banyak lagi tempat-tempat atau pusat-pusat pelancongan yang baru. Dengan adanya pusat-pusat pelancongan yang serba lengkap serta keindahan semulajadi atau telah dibina itu sudah tentu akan mendorong lebih ramai lagi para pelancong untuk melawat ke Negeri ini dan ini akan memberi satu peluang yang baik dari segi perkembangan ekonomi dalam negeri.

Untuk melaksanakan hasrat ini memang terdapat banyak tempat-tempat di Negeri ini yang boleh menjadi pusat pelancongan. Antaranya termasuk kawasan Pulau Aman yang sedikit sebanyak mempunyai tempat-tempat kesan sejarah. Bagi Pulau Aman yang mempunyai dua buah pulau yang besar dicadangkan sebuah daripadanya yang kini tidak mempunyai penghuni dijadikan sebagai tempat peranganan seperti mengadakan *Mini Disneyland*, *country club*, *golf club* serta rumah riha (*rest house*) yang lengkap dengan segala kemudahan. Pihak Kerajaan Negeri atau swasta bolehlah menjayakan pembinaan bagi tujuan tersebut untuk menarik para pelancong, sama ada untuk berihah atau melihat keindahan alam semulajadi di sekitar kawasan atau melihat atau melawat kesan-kesan sejarah di pulau itu. Di samping itu dapatlah menikmati kehidupan dari laut atau bersukaria dengan mandi-manda atau bersiar-siar dengan bot bagi melihat keindahan alam sekeliling. Maka penduduk-penduduk di pulau itu juga

boleh menjalankan suatu perusahaan kraf-tangan dan lain-lain yang boleh dijualkan kepada para pelancong dalam usaha menambahkan pendapatan. Perkhidmatan bot yang serba lengkap dari Pulau Pinang, Butterworth atau Bukit Tambun hendaklah disediakan bagi tujuan ini. Segala usaha ke arah itu jika dapat ditumpukan sudah pasti akan memberi sumber ekonomi kepada semua pihak yang terlibat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kegiatan sukan atau kebudayaan serta lain-lain aktiviti sosial adalah merupakan sebahagian dari hidup sehari-hari sebilangan besar rakyat di Negeri ini. Di samping itu pihak Kerajaan sentiasa menyediakan berbagai-bagai kemudahan dan bantuan sebagai galakan. Ini dapat dibayangkan betapa pentingnya aktiviti-aktiviti tersebut, sehingga mendapat dorongan serta galakan baik dari Kerajaan. Memandangkan kepada betapa perlunya kegiatan sukan dan kebudayaan di kalangan rakyat maka telah tibalah masanya pihak Kerajaan Negeri dapat membina sebuah Dewan Pelbagai-guna yang serba lengkap di daerah Seberang Perai Selatan bertempat di Jawi. Dengan pembinaan sebuah Dewan Pelbagai-guna serta lain-lain aktiviti, maka sudah tentu segala kegiatan di peringkat daerah ini dapat dijalankan di Dewan yang bakal dibina itu.

Tuan Speaker, selama ini segala kegiatan yang telah disebutkan tidak dapat dipertingkatkan oleh ketiadaan sebuah Dewan yang menjadi harapan selama ini. Harapan rakyat di daerah Seberang Perai Selatan begitu tinggi sekali kepada Kerajaan Negeri. Semoga dapatlah memberikan sesuatu pertimbangan yang sewajarnya dalam perkara ini.

Tuan Speaker, sekian diucapkan, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Usul Anggaran Pembangunan

tahun 1984 yang dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan saya juga suka mengambil bahagian dalam perbahasan.

\$68 juta lebih yang telah dianggarkan diperuntukkan untuk pembangunan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1984 adalah satu angka yang besar sekali. Daripada jumlah itu kita sedia maklum bahawa pihak perumahan telah diberi peruntukan lebih-kurang \$20 juta yang bermakna bahawa peruntukan ini untuk perumahan adalah 1/3 daripada peruntukan Anggaran Pembangunan untuk tahun 1984. Di Negeri Pulau Pinang kita semua sedia maklum bahawa perumahan adalah satu masalah yang utama sekali di Negeri kita. Sungguhpun masalah ini adalah masalah yang penting tetapi saya suka mengucap tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan Negeri yang telah menjalankan projek-projek pembinaan rumah kos rendah dengan pesatnya, tetapi ada satu bidang yang saya ingat kurang memuaskan, iaitu perkhidmatan (*service*) kepada ruang-ruang atau tempat-tempat awam di kompleks rumah-rumah pangsa kos rendah adalah tidak memuaskan. Sungguhpun Kerajaan Negeri telah mengutip bayaran perkhidmatan tiap-tiap bulan dan juga hasil pintu daripada penghuni-penghuni rumah tetapi perkhidmatan seperti mencuci parit, longkang dan ruang-ruang awam seperti di *corridor* tidaklah memuaskan. Perkara ini berlaku apabila saya melawat ke Taman Free School dan Taman Tun Sardon. Saya harap pihak pentadbiran perumahan akan mengambil tindakan dan perhatian yang berat. Oleh kerana pelawat-pelawat rasmi daripada negeri-negeri lain di negeri Malaysia selalu datang ke Negeri Pulau Pinang untuk melawat ke projek-projek rumah pangsa kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu, Tuan Speaker, saya berasa sukacita didapati bahawa Kerajaan Negeri telah meminta daripada Kerajaan Pusat dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Keempat untuk mendapat 16 projek perumahan lagi di mana 7,056 unit rumah kos rendah akan

dibina dengan harapan mendapatkan peruntukan sebanyak \$176.4 juta. Dengan ini, saya harap salah satu projek perumahan kos rendah akan dibina di kawasan pilihan-raya Sungai Nibong di kawasan saya kerana penduduk-penduduk di kawasan saya adalah dari golongan yang berpendapatan rendah dan sangat memerlukan rumah kos rendah.

Selain daripada itu, Tuan Speaker, kita juga tahu bahawa tunggakan bayaran kepada Kerajaan Negeri oleh penghuni-penghuni di rumah kos rendah adalah lebih-kurang \$2 juta dan saya harap pihak pentadbiran perumahan bolehlah mengambil berat dengan mencari sebab-sebab tunggakan itu telah dinaikkan kepada \$2 juta, dan juga mengambil langkah-langkah yang bolehlah merendahkan atau menghapuskan dan dapat mengutip balik semua tunggakan.

Saya ingat, Tuan Speaker, selain daripada rumah pangsa kos rendah, Kerajaan Negeri hendaklah membina atau mengadakan rumah peralihan (*transitional housing*) untuk rakyat yang tidak mampu membayar sewa bulanan di rumah pangsa kos rendah sebab kita mendapat tahu pada masa sekarang satu bulan seorang penghuni rumah pangsa Kerajaan hendaklah membayar lebih-kurang \$150.00 ke atas. Ada ramai penduduk-penduduk Negeri Pulau Pinang yang tidak mampu membayar kadar seperti itu dan saya harap kepada Kerajaan Negeri bolehlah membina rumah-rumah peralihan untuk mereka dan juga untuk rakyat yang terlibat dalam keadaan kebakaran, banjir atau projek-projek Kerajaan, yang mana saya ingat sewaan yang dikenakan adalah rendah daripada sewa atau bayaran untuk rumah pangsa. Ini bolehlah menjadi satu langkah sementara untuk menghadapi masalah perumahan.

Tuan Speaker, dalam Anggaran Pembangunan tahun 1984 kami dapati bahawa pihak Jabatan Kerja Raya telah diperuntukkan \$7.1 juta dan saya harap dengan peruntukan sebesar itu pihak Jabatan Kerja Raya bolehlah menjaga keadaan jalan-jalan dan

parit-parit yang kita ada sekarang dengan sempurna. Saya dapati bahawa di beberapa tempat di kawasan saya khasnya di Jalan Tengah berlaku banjir bila hujan lebat kerana di tempat tersebut kita tidak nampak longkang yang sempurna. Dan juga oleh kerana banjir keadaan jalan itu selalu rosak dan berlubang-lubang dan kemalangan jalanraya selalu berlaku.

Satu tempat lagi ialah di Lorong Sungai Dua terdapat pengenapan semula di mana saya dapati parit-parit dan jalan di sana telah lama, rosak dan pecah. Sungguhpun permohonan diberikan kepada pihak berkenaan untuk membaiki keadaan tetapi malangnya hingga sekarang belum diselesaikan. Di satu pembinaan jalan yang baru iaitu melalui Relau, Sungai Nibong Kecil, kita dapati di jalan masuk ke mesjid Sungai Nibong Kecil belum lagi ditarkan. Ini telah mengakibatkan penunggang motosikal yang menaiki dan masuk ke tapak surau atau mesjid mendapat kesusahan. Saya harap pihak berkenaan akan mengambil langkah untuk membaikinya.

Tuan Speaker, lagi satu tempat di mana saya ingat, penjagaan oleh Jabatan Kerja Raya adalah, berkurangan ialah di persiaran Sungai Dua. Banjir selalu berlaku lebih-kurang setinggi 4 kaki dengan melibatkan lebih-kurang 10 buah rumah yang berada di tempat tersebut. Ini disebabkan sebatang sungai di sana tidaklah cukup untuk mengangkut air daripada Universiti Sains Malaysia dan lain-lain tempat berdekatan yang mana sungai itu telah menjadi kecil dan tidak diperdalam atau diperbesarkan beberapa tahun sudah. *Culvert* yang digunakan di bawah jalan itu ialah "*closed culvert*" yang selalu ditutup atau diganggu oleh sampah-sarap dan pokok-pokok kecil. Sungguhpun saya telah membangkitkan perkara ini beberapa kali, sampai hari ini belumlah dapat diselesaikan. Pihak Jabatan Parit dan Taliair telah menolak perkara ini kepada pihak Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya menolak kepada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang; Majlis Perbandaran Pulau Pinang pun tolak balik

kepada pihak Jabatan Parit dan Taliair. Saya harap Kerajaan Negeri bolehlah mengambil satu keputusan yang muktamad.

Tuan Speaker, jalan-jalan di beberapa buah taman perumahan swasta khususnya di Minden Heights dan juga di Taman Century, Pantai Jerejak, dan lain-lain belum diambil alih oleh Kerajaan. Oleh itu keadaan jalan-jalan di kawasan-kawasan itu adalah sangat buruk dan saya harap pihak berkenaan boleh mengambil tindakan untuk mengambil alih jalan-jalan tersebut supaya masalah jalan-jalan ini bolehlah dibaiki.

Dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Keempat, saya suka sebutkan di sini bahawa projek jalan tepi pantai mestilah dipohon lagi sekali daripada Kerajaan Pusat kerana projek ini nampaknya adalah satu projek yang perlu dan bukan satu projek mewah (*luxury project*) sebab apabila jambatan Pulau Pinang yang dijangka siap dibina dalam tempoh satu tahun lagi, iaitu pada bulan Januari tahun 1985, memang kenderaan-kenderaan atau pengguna-pengguna jambatan ini akan bertambah. Kesesakan trafik akan bertambah berkali-kali ganda. Di sini saya suka merayu kepada Kerajaan Pusat supaya melanjutkan projek ini.

Tuan Speaker, berkenaan dengan Kebun Bunga, kita dapati Kebun Bunga di Waterfall Garden adalah amat lawa dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana dalam tahun 1984 ada beberapa projek yang akan dititik beratkan iaitu Taman Mini Jepun, Taman Herba dan Taman Karang yang akan menarik pelancong-pelancong yang akan melawat ke Negeri Pulau Pinang. Tetapi malangnya pentadbiran dan pengurusan selanjutnya projek-projek tersebut tidak dijalankan dengan sempurna. Kebun Bunga dan lain-lain taman rekreasi adalah sangat penting dan pentadbiran serta pengurusan selanjutnya juga sangat mustahak supaya projek-projek yang dijalankan tidak menjadi rosak. Saya harap Kerajaan akan menubuhkan satu Jabatan Taman-taman Tapak Rekreasi dan

jabatan ini patutlah diketuai oleh seorang yang pakar dalam bidang *horticulture* atau seorang *horticulturist* yang mana *horticulturist* ini boleh mencadang dan membuatkan *landscaping* yang amat cantik sekali dan pada satu hari Negeri Pulau Pinang bolehlah dipanggilkan sebuah Negeri yang menjadi *Garden City* di Utara Malaysia atau seperti itu.

Jadi saya harap perkara-perkara yang saya telah bangkitkan dapatlah diambil tindakan dan lagi sekali saya suka menyokong usul Anggaran Pembangunan tahun 1984.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Haji Shafie):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun menyokong Anggaran Pembangunan 1984 yang mana telah diperuntukkan sebanyak \$68,053,220.00 yang dianggarkan untuk pembangunan dalam tahun 1984 dan ini saya rasa adalah disusun dengan begitu rapi dan baik. Apa yang diharapkan ialah peruntukan kekurangan sebanyak \$4,890,560.00 yang dicadangkan itu adalah tidak menyulitkan keadaan kerana anggaran perbelanjaan yang besar jumlahnya telah ditunjukkan. Dengan keadaan demikian, saya rasa Yang Berhormat wakil-wakil rakyat dalam Dewan ini tidak akan merasai curiga dengan anggaran pembangunan yang dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bagi Negeri ini. Apa yang sangat diharapkan oleh rakyat ialah supaya Kerajaan dapat memenuhi kehendak-kehendak mereka.

Selain daripada rancangan-rancangan yang telah disusun dan dipesatkan, apa yang telah dirungutkan oleh rakyat janganlah pula difikirkan perkara kecil, kerana rakyat akan lebih berbesar hati dan berterima kasih kepada Kerajaan jika kehendak-kehendak mereka dipenuhi sebagaimana rancangan rumah yang dicadangkan akan dibangunkan. Begitu juga tiap-tiap satu yang akan dicadangkan itu hendaklah dipenuhi oleh pihak Kerajaan.

Menyentuh berkenaan dengan banjir, banjir ini telah berlaku tidak mengikut kebiasaan lagi kerana kita tahu bahawa kalau mengikut lazimnya di dalam mana-mana negeri pantai timur, banjir selalunya berlaku dengan kenaikan air sungai, tetapi dalam Negeri Pulau Pinang banjir berlaku disebabkan banyak rancangan-rancangan pembangunan. Jadi banjir ini tidak lagi selalu berlaku di kampung dan di tepi sungai, tetapi selalu berlaku di dalam pekan-pekan dan di kampung-kampung yang berdekatan dengan pekan.

Beberapa bulan yang lalu banjir yang besar telah menyebabkan kawasan Butterworth ditenggelami oleh air dan mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang begitu lama. Saya rasalah itu patutlah bagi pihak berkenaan mengambil tindakan segera.

Juga sebagaimana kita tahu jalan-jalan di dalam rancangan-rancangan perumahan telah dibina hampir 10 atau 15 tahun yang lalu. Jalan-jalan ini ada yang telah diserahkan kepada Kerajaan dan barangkali ada juga setengah-setengah telahpun diserahkan kepada badan-badan Kerajaan. Jalan-jalan yang belum diserahkan patut juga diambil kira oleh Kerajaan oleh kerana di sini banyak jalan-jalan baru yang tidak dipelihara dan dijagai dan jalan-jalan ini telahpun rosak sama sekali, yang mana saya berpendapat kalau diperhatikan semacam jalan-jalan yang telah tidak dapat digunakan lagi. Ini adalah rungutan-rungutan yang timbul daripada penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan yang berkenaan.

Berkenaan masalah-masalah pihak Berkuasa Air yang telahpun mengorek dan menanam paip besar daripada lubuk meriam ke Kem Sungai Lembu berbagai-bagai kerosakan jalanraya telah berlaku. Jalannya tinggi rendah serta berlubang-lubang dalam walaupun ditampung pada setiap masa, tetapi kadangkala tampungan sementara ini adalah merupakan batu ataupun tanah sahaja. Saya berharap sekiranya jalan-jalan ini telahpun siap kerja-kerja menanam paip-paip besar patutlah disegerakan dan ke-

dudukan parit-parit itu hendaklah rata. Kadangkala kita dapati bahawa keadaan kampung itu tinggi daripada parit dan kadangkala kita jumpa bahawa keadaan jalan itu rendah daripada parit, dan keadaan ini selalu berlaku banjir sekarang ini. Kalaupun datang hujan yang begitu lebat maka keadaan kampung akan tenggelam dan akan juga lambat surut kerana parit-parit tidak ada lagi. Saya berterima kasih kepada satu pihak yang tidak saya kenali yang telah berusaha manakala kampung-kampung di Padang Menora ditenggelami air, maka pihak yang berkenaan telah membawa pam besar dan mengepam air itu keluar dari kampung melalui sebatang jalan. Saya ucapkan terima kasih kerana ini adalah satu perhatian yang sangat berat oleh pihak Kerajaan yang sungguh-sungguh memberi perhatian kepada rakyat.

Saya berharap kejadian ini akan menjadi satu contoh dan tauladan dalam memberi apa juga yang dikehendaki oleh rakyat. Saya berharap perkara ini akan dapat diselesaikan dengan cepat. Saya rasa perkara berkenaan menanam paip-paip besar ini tidaklah lama lagi harus akan selesai dan hari ini saya ingat tidaklah banyak lagi paip-paip yang belum ditanam. Apa yang menyulitkan ialah barangkali banyak tempat-tempat yang akan dipotong jalan dan seharusnya perkara ini juga akan menyulitkan lagi lalu-lintas.

Berkenaan dengan ban-ban yang disebutkan tadi akan dibaiki di Sungai Muda atau di bahagian Sungai Minah, Juru, ada juga ban di Sungai Kulim yang belum dibaiki lagi dan ada satu jalan Kerajaan atau jalan JKR yang baru dibuat dalam 5 — 6 tahun ini yang telahpun runtuh kerana kederasan air Sungai Kulim. Hari ini kabel berkenaan dengan api L.L.N. dan sebagainya telahpun hampir putus walaupun berbagai ikhtiar telah dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya termasuk kerja-kerja memacak kayu dan sebagainya. Saya rasa tidak mencukupi dengan memacak kayu begitu sahaja tetapi hendaklah kalau boleh sungai itu dipotong dan dilencong sedikit

ke arah lain supaya dibetulkan sungai ini. Ini saya rasa bolehlah menyelamatkan jalan besar itu daripada runtuh ke dalam sungai. Saya juga minta supaya ianya mendapat perhatian dan kalau dapat dibaiki dengan secepat mungkin yang boleh.

Lagi satu perkara ialah rancangan-rancangan perumahan yang mana hari ini telah dibincangkan begitu panjang lebar dan banyak rumah telah dibangunkan. Di sini saya mengambil kesempatan kerana dalam pembangunan perumahan yang akan diduduki oleh penduduk-penduduk dalam satu kawasan maka patutlah juga diperuntukkan bagi penganut-penganut Islam satu tempat yang agak mencukupi untuk mendirikan rumah ibadat sama ada pembangunan ini dilakukan oleh Pihak Kerajaan ataupun dilakukan oleh pihak swasta atau pun mana-mana badan. Ini adalah mengikut bilangan penduduk-penduduk Islam di dalam kawasan itu sekiranya di kawasan ini belum ada tempat-tempat ibadat. Dan begitu juga di kawasan-kawasan yang besar patutlah diperuntukkan tanah yang lebih besar daripada madrasah. Sama ada harus didirikan mesjid bergantunglah kepada Jabatan Agama.

Selain daripada itu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah memasukkan peruntukan sebanyak \$20,000.00 hingga \$50,000.00 untuk membesarkan mesjid dan surau. Sebagai Ketua Menteri di Negeri Pulau Pinang, ini sudah sewajibnya. Ingatan ini sangat baik dan saya harap dapat dijalankan pada tiap-tiap masa.

Maka dengan itu saya tidaklah hendak memanjangkan ucapan, saya menyokong di atas rancangan pembangunan yang telah pun dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Sekian, terima kasih, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, saya bangun dengan ini

ingin membahaskan Anggaran Pembangunan Negeri pada tahun 1984. Saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya.

Tuan Speaker, mengikut Anggaran Pembangunan tahun 1984, dari tahun 1981 ke 1985, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan \$438,748,060.00 untuk pembangunan 6 buah jabatan. Dari peruntukan itu peruntukan bagi Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Setiausaha Kerajaan dan Jabatan Kerja Raya telah mengambil 90%. Jabatan Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan akan mendapat \$348,225,070.00 dari peruntukan \$438,748,060.00 dan Jabatan Kerja Raya diperuntukkan \$88,977,590.00. Dari angka di atas kita dapati pada setengah tahun 1984 Kerajaan Negeri telah mengeluarkan \$231,539,882.00 dari jumlah anggaran peruntukan \$438,748,060.00 iaitu untuk pembangunan Pulau Pinang dalam 4 tahun. Dari peruntukan ini sejumlah \$247,208,178.00 akan digunakan pada tahun terakhir iaitu tahun 1985.

Tuan Speaker, pelaksanaan pelan pembangunan Negeri adalah sangat lambat. Kerajaan patut mempercepatkan pembangunan yang tertinggal supaya rakyat akan mendapat faedahnya. Tuan Speaker, saya akan berbincang tentang peruntukan bagi Jabatan Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Jabatan Kerja Raya. Peruntukan bagi kedua-dua jabatan ini merupakan 90% daripada peruntukan pembangunan Negeri. Menurut muka surat 195, anggaran peruntukan bagi Jabatan Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan adalah \$348,255,070.00. Di antaranya \$1,000 juta (lebihkurang 27%) peruntukan oleh jabatan ini akan digunakan untuk pembangunan rumah-rumah, tetapi jika semua dapat dijalankan dengan licin Kerajaan hanya dapat mengeluarkan peruntukan \$31,228,197.00 (30%) sahaja untuk pembangunan-pembangunan rumah kos rendah.

Tuan Speaker, saya percaya ini adalah sebahagian dari projek binaan rumah-rumah

murah oleh Kerajaan yang telah gagal. Masalah kekurangan rumah adalah paling rumit di Negeri Pulau Pinang jikalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Harga tanah di Pulau Pinang adalah yang mahal sekali dalam Malaysia dan ini adalah sebab yang utama mengapa pemaju-pemaju rumah swasta tidak dapat membina rumah-rumah murah di Pulau Pinang. Rakyat lapisan tengah dan bawah yang ingin membeli sebuah rumah pangsa dengan dua buah bilik tidur dan sebuah bilik tetamu mestilah membayar lebihkurang \$75,000.00. Kadangkala mereka perlu membayar lagi duit kopi, sebab itulah rumah murah yang dibina oleh pemaju rumah swasta tidak diperolehi oleh orang dari lapisan tengah dan bawah. Untuk sebuah rumah yang berharga \$75,000.00, bank cuma dapat memberi wang pinjaman sehingga \$52,000.00 (70%) sahaja. Pembeli mesti membayar \$23,000.00 (30%) kepada pemaju rumah sebelum rumah itu siap dibina. Untuk sebahagian rakyat yang berpendapatan rendah, mereka mungkin tidak dapat mengumpul wang yang begitu banyak sepanjang hidup mereka, bagi mereka-mereka yang mampu membayar wang pertaruhan sebanyak \$23,000.00 dan kemudiannya meminjam wang sebanyak \$52,000.00 dari bank dan membayar balik secara ansuran, mereka mestilah membayar lebihkurang sebanyak \$625.00 setiap bulan selama 15 tahun. Selain daripada bayaran ansuran ini perbelanjaan kehidupan setiap hari untuk seisi keluarga akan memakan beratus ringgit juga. Seorang pekerja yang berpendapatan biasa bagaimana dapat menanggungnya?

Tuan Speaker, harga rumah di Pulau Pinang telah naik dengan pesat dalam masa 10 tahun yang lalu. Salah satu dari sebab-sebabnya ialah pembinaan KOMTAR. Harga tanah untuk KOMTAR ialah sekurang-kurangnya \$250.00 bagi setiap kaki persergi. Pemaju rumah swasta pun mengambil harga ini sebagai rujukan untuk menjual rumah-rumah yang dibina oleh mereka. Saya harap Kerajaan bolehlah cepat-cepat membina lagi banyak rumah-rumah kos rendah untuk faedah rakyat dari lapisan tengah dan bawah.

Tuan Speaker, mengikut Anggaran Pembangunan tahun 1984, muka surat 201 dan 202, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak \$88,977,590.00 (18%) untuk pembangunan Jabatan Kerja Raya. Dalam empat tahun jabatan ini telah menggunakan \$26,602,264.00 dari \$88,977,590.00. Ini juga cuma akan tercapai jika tidak ada apa-apa halangan pada tahun hadapan. Nampaknya 70% dari peruntukan bagi Jabatan Kerja Raya tidak akan digunakan. Mengikut muka surat 201 dan 202 peruntukan sebanyak \$20,056,009.00 akan digunakan untuk membina jambatan-jambatan dan jalan-jalan, tetapi sehingga tahun hadapan peruntukan yang dikeluarkan hanya \$8,998,715.00 (45% sahaja) dan bagi peruntukan sebanyak \$11,058,195.00 tidak disentuh langsung. Ini menyebabkan banyak jalan-jalan dan jambatan-jambatan yang rosak tidak dapat dibaiki. Jalan-jalan kampung dan lain-lain jalan persendirian (*private roads*) tidak diambil alih oleh Kerajaan. Nasib baiklah saya dapat meminta banyak peruntukan dari Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.B. Datuk Dr. Neo Yee Pan, untuk membaiki dan membina jalan-jalan di kawasan saya.

Dua tahun dulu Ahli Exco bagi bahagian Jabatan Kerja Raya bila menjawab soalan yang ditanya oleh saya pernah membayangkan Kerajaan akan mengambil alih semua jalan-jalan kampung dan jalan-jalan persendirian, tetapi dukacita sehingga hari ini tidak satu pun jalan tersebut dalam kawasan saya diambil alih.

Tuan Speaker, muka surat 201 untuk projek 31 berkenaan dengan membaiki rumah pekerja, peruntukan projek ini ialah \$3,700,000.00. Jabatan Kerja Raya mempunyai bilangan pekerja yang paling banyak, semuanya 1,620 orang dan kebanyakannya adalah buruh. Sehingga tahun 1983, Kerajaan hanya dapat mengeluarkan peruntukan sebanyak \$229,345.00 (2% sahaja). Saya rasa Kerajaan patut mengeluarkan lebih banyak wang untuk membaiki rumah bagi pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah seperti pekerja-pekerja di Jabatan Kerja Raya, di

Taman Bunga dan lain-lain.

Tuan Speaker, satu pembangunan yang lain oleh Jabatan Kerja Raya ialah Jalan Bukit Bendera di mana peruntukan sebanyak \$19 juta akan digunakan untuk pembinaan jalan ini tetapi dari tahun 1981 hingga akhir tahun 1984 Kerajaan Negeri cuma dapat mengeluarkan \$700,000.00 sahaja untuk pembinaan jalan ini.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat, ucapan anda panjang lagikah?

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Ya, panjang lagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.05 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.40 petang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, di sini saya hendak mengingatkan pihak yang berkenaan bahawa jalan yang dibina oleh Jabatan Kerja Raya di atas Bukit Bendera ini belum ditarkan, tetapi banyak orang telah menggunakannya untuk naik ke Bukit Bendera.

Ini telah mengancam keselamatan orang-orang yang menggunakan jalan ini untuk mendaki bukit baru-baru ini. Banyak penunggang motosikal yang menggunakan jalan ke Bukit Bendera. Saya harap pihak berkenaan akan mengambil berat tentang masalah tersebut dan mengambil tindakan supaya keselamatan orang yang berjalan kaki dan keselamatan pelancong-pelancong akan terjamin.

Tuan Speaker, saya cadangkan Kerajaan Negeri menghalang penunggang motosikal menaiki Bukit Bendera. Di sini saya merayu supaya Kerajaan Negeri dapat menyiapkan jalan ini dengan seberapa cepat

yang mungkin supaya Bukit Bendera dapat menarik lebih banyak pelancong-pelancong dan Negeri Pulau Pinang akan bertambah maju.

Tuan Speaker, dari Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hingga ke 1985, hanya \$744,240.00 diperuntukkan bagi Jabatan Pertanian (1.5% sahaja). Peruntukan yang berkurangan itu memang disesalkan dan tidak mematuhi Rancangan Buku Hijau yang selalu diutamakan oleh Kerajaan Pusat. Berkenaan dengan perkara ini saya hendaklah menyentuh atas Taman Thean Teik yang merupakan salah satu tanah pertanian yang terluas sekali di dalam Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, terlebih dahulu ingin saya menyampaikan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan saya kepada Ahli Exco Kawasan Bertam kerana pada masa beliau menjawat jawatan Pemangku Ketua Menteri, telah timbul pertikaian di antara penduduk-penduduk Taman Thean Teik dan pemaju Syarikat Perumahan Farlim yang mungkin menjadi satu perkara serious. Kes ini telah diselesaikan dan disempurnakan atas jasa baik dan kerjasama beliau.

Tuan Speaker, pada 30hb. Oktober, pemaju perumahan Syarikat Perumahan Farlim telah mengirimkan sepucuk surat kepada penduduk Khaw Kwee Sneah mengharapkan beliau meroboh kandang ayam pada atau sebelum 7hb. November. Memandangkan soal gantirugi masih belum diselesaikan, Encik Khaw Kwee Sneah enggan berpindah dan beliau telah berhubung dengan saya pada 7hb. November. Dalam sehari dua kemudiannya, saya pun berbincang perkara ini dengan Pemangku Ketua Menteri merangkap Ahli Exco Kawasan Bertam. Melalui kerjasama dan bantuan beliau perkara ini ditangguhkan sehingga Ketua Menteri balik ke tanah air dari luar negeri. Di samping itu saya adalah dikehendaki oleh Pemangku Ketua Menteri memberi satu surat jaminan bahawa Khaw Kwee Sneah akan menerima formula pe-

nyelesaian Ketua Menteri bila tiba masanya nanti. Bersama-sama dengan ini Pemangku Ketua Menteri pun ada memberi jaminan bahawa dalam tempoh masa Ketua Menteri berada di luar negeri, si pemaju perumahan Syarikat Perumahan Farlim tidak akan memulakan pekerjaan pembinaannya. Dengan cara yang demikian, pertikaian *serious* yang saya sebutkan tadi telah diselesaikan bagi Taman Thean Teik di mana Puan Tan Swee Kee telah ditembak pada tahun lalu. Oleh yang demikian di Dewan yang mulia ini, ingin saya sampaikan tahniah dan penghargaan saya kepada Ahli Exco dari Kawasan Bertam sekali lagi.

Tuan Speaker, ingin saya menyeru kepada Dewan ini terus mengambil berat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di Taman Thean Teik dan mencari satu formula yang munasabah dan adil untuk menyelesaikan masalah ini disebabkan pertikaian di antara pemaju perumahan Syarikat Farlim dan penduduk-penduduk di Taman Thean Teik mengganggu keselamatan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, menurut maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Pertanian, Yang Berhormat Datuk Dr. Goh Cheng Teik, di Taman Thean Teik yang seluas 375 ekar itu, terdapat 40 keluarga petani sayur-sayuran dan buah-buahan, 100 kandang babi yang mengandungi lebih daripada 10,000 ekor babi dan 58 kandang ayam yang mengandungi lebih daripada 30,000 ekor ayam. Ada sebanyak 511 rumah dengan 750 keluarga yang bilangan penduduk lebihkurang hampir 8,000 orang. Perangkaan rasmi ini menyebabkan Taman Thean Teik sebagai tapak tanaman dan ternakan utama di dalam Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, perkara Taman Thean Teik tidak bersangkutan dengan Perbelanjaan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Perkara ini saya boleh tunjuk di dalam

pertanian. Perangkaan rasmi ini menyebabkan Taman Thean Teik sebagai tapak tanaman dan ternakan utama di Negeri Pulau Pinang dan membekalkan banyak babi, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang tetapi boleh dikatakan Taman Thean Teik ialah pembekal makanan yang penting rakyat Negeri Pulau Pinang. Pada masa sekarang penduduk-penduduk di Taman Thean Teik menghadapi masalah pemindahan lanjutan daripada Sekim Perumahan yang dimajukan di situ. Kesan-kesan *serious* bukan sahaja merangkumi soal tempat tinggal rakyat Taman Thean Teik, tetapi terdapat juga masalah tanaman dan ternakan. Rakyat Pulau Pinang akan mengalami kekurangan bekalan babi, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan pada satu masa nanti.

Tuan Speaker, tidak dinafikan dengan kawasan pertanian Taman Thean Teik diubah syarat menjadi kawasan perumahan, maka tapak tanaman dan tenaga akan semakin berkurangan, sudah pasti kekurangan sebilangan besar babi, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan mengakibatkan harga-harga melambung tinggi. Tuan Speaker, pada saat sekarang rakyat tidak dapat membeli sayur-sayuran berharga 25 sen atau 30 sen sekati kerana harga sayur-sayuran pada saat sekarang adalah lebih \$1.00 sekati. Tuan Speaker, rakyat dari lapisan bawahan tidak akan dapat menikmati buah-buah seperti durian, rambutan, manggis dan lain-lain kerana harga buah-buahan ini adalah terlalu mahal jika dibandingkan dengan harga masa dahulu. Tuan Speaker, ini adalah disebabkan tapak-tapak pertanian telah diubah syarat menjadi tapak perumahan. Tuan Speaker, tidak ada rakyat yang membantah pembangunan termasuk rakyat di Taman Thean Teik tetapi semasa Kerajaan meluluskan kawasan pertanian diubah syarat menjadi kawasan perumahan, ia harus memberi pertimbangan yang wajar terhadap kesan-kesan sampingan buruk yang mungkin akan timbul. Harga barangan pertanian akan terus melambung tinggi sehingga membebankan rakyat.

Satu jalan keluar ialah melibatkan

kepadatan rumah dengan tujuan membina lebih banyak rumah pada tapak tanah yang tertentu. Kepadatan rumah seekar bagi Taman Thean Teik adalah lebih kurang 60 unit rumah pangsa atau 13 buah rumah kediaman. Kediaman seperti ini tidak cukup tinggi. Sekiranya kepadatan rumah seekar ditinggikan sehingga antara 100 atau 120 unit rumah pangsa atau antara 5 atau 16 lebih rumah kediaman, saya percaya penggunaan tanah akan dikurangkan dan sebaliknya pemaju rumah Syarikat Perumahan akan mencapai jumlah bilangan rumah-rumah yang mereka ingin membina. Kelebihan tanah yang diselamatkan akan membolehkan rakyat Thean Teik terus menanam atau menternak.

Tuan Speaker, saya yakin dengan meninggikan rumah di Taman Thean Teik, tanah bagi tanam-tanaman dan ternakan akan kurang digunakan bagi membina rumah-rumah. Cara penyelesaian ini boleh ditimbulkan dan dijalankan. Ia akan memberi berbagai-bagai faedah terutamanya ia akan mengurangkan kerugian rakyat di Taman Thean Teik. Kedua, ia akan mengelakkan keadaan kekurangan tanah yang mungkin mengganggu bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan. Ketiga, pemaju rumah Syarikat Farlim akan mencapai jumlah bilangan rumah yang ingin dibina. Adalah diharapkan Kerajaan Negeri akan menimbangkan dengan mendalam pandangan saya.

Tuan Speaker, pada masa lawatan rasmi Timbalan Menteri Pertanian, Y.B. Datuk Dr. Goh Cheng Teik, ke Taman Thean Teik pada 10hb. Disember, beliau telah berjanji pada penduduk di Taman Thean Teik bahawa beliau akan meminta tanah Kerajaan daripada Y.A.B. Ketua Menteri untuk menanam sayur-sayuran dan lain-lain supaya kehidupan mereka bolehlah terjamin. Saya harap Y.A.B. Ketua Menteri boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia ini adakah Timbalan Menteri Pertanian, Y.B. Datuk Dr. Goh Cheng Teik, telah berbincang dengan Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan dengan perkara ini?

Tuan Speaker, kesimpulan saya ialah matlamat rancangan pembangunan tahun 1984 tidak akan dapat dicapai. Oleh yang demikian ia haruslah dikaji semula dengan mendalam. Saya berpendapat anggaran perbelanjaan dan anggaran pembangunan tidak boleh dipisahkan kerana hubungan rapat di antara kedua-dua perkara ini. Semua rancangan projek-projek pembangunan Kerajaan haruslah diambilkira, Tuan Speaker, tetapi rancangan 5 tahun Negeri Pulau Pinang tanpa sebarang gangguan cuma akan mencapai lebih kurang 49%. Matlamatnya pada penghujung tahun 1984. Sekiranya rancangan ini mengalami sebarang gangguan mungkin 45% pun tidak akan dicapai.

Anggaran perbelanjaan bagi tempoh tahun 1981 hingga 1984 adalah semakin bertambah. Anggaran perbelanjaan bagi tahun 1984 dan 1983 ialah \$77,526,450.00 dan \$65,650,000.00, masing-masing menunjukkan kenaikan 18% atau sebanyak \$11,876,450.00. Oleh yang demikian, cukai rakyat bagi tahun 1984 ditambahkan sebanyak \$11,293,520.00. Jika dibandingkan dengan tahun 1983 rancangan pembangunan didapati berjalan perlahan, perbelanjaan bertambah dan rakyat dibebankan dengan cukai-cukai yang berat. Ini adalah perkara luar biasa.

Tuan Speaker, mengapakah matlamat rancangan pembangunan tidak dapat dicapai? Peruntukan perbelanjaan bagi tahun depan ialah sebanyak \$49,010,700.00. Darpada perangkaan ini gaji dan upahan elaun dibayar perkhidmatan dan bekalan telah menggunakan sebanyak \$42,701,910.00 atau 87% peruntukan perbelanjaan ini. Tuan Speaker, ini adalah keadaan ganjil. Kerajaan sepatutnya tidak boleh membenarkan penyelewengan ini berterusan. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab perlulah kita mengkaji semula rancangan dan melihat sejauh mana perbelanjaan harus dijimatkan. Bilangan pekerja bagi setiap jabatan harus diubah-suaikan kerana dari segi pentadbiran kelihatan pekerja akan menambahkan perbelanjaan dan memburukkan mutu dan

kesesakan kerja. Sungguhpun ini bukan sebab utama matlamat pembangunan tidak dapat dicapai, tetapi ini masih menjadi salah satu sebab yang penting. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri haruslah membuat satu kajian semula dengan tujuan mengelakkan pembaziran wang rakyat dan menambahkan cukai rakyat.

Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong Usul Anggaran Pembangunan tahun 1984.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian bersama-sama dengan rakan-rakan saya dalam membahaskan Anggaran Pembangunan tahun 1984 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Tuan Speaker, anggaran pembangunan yang telah dibentangkan dalam Dewan ini adalah merupakan sebagai satu anggaran pembangunan yang akan memberi faedah kepada seluruh rakyat di Negeri Pulau Pinang. Saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan yang telah mengambil perhatian berat di dalam beberapa perkara mengenai pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang dan juga di atas pandangan-pandangan ataupun rancangan-rancangan yang telah dibentangkan dalam anggaran pembangunan yang baru dibentangkan untuk mendapat kelulusan Dewan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam menyentuh Anggaran Pembangunan tahun 1984 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, saya ingin menyentuh beberapa perkara sebagai menyambung ucapan yang telah dibuat oleh rakan-rakan saya tadi.

Pertama sekali ialah mengenai parit-parit yang telah saya beri tajuk sebagai

“Parit-parit Tidak Bertuan”. Ini adalah istilah yang baru. Yang Berhormat Tuan Speaker, masalah parit tidak bertuan mungkin bukan sahaja terdapat di Seberang Perai Selatan, malah ada lagi di daerah-daerah yang lain. Saya katakan parit tidak bertuan disebabkan ianya melibatkan masalah banjir di mana apabila hujan turun parit ini bertakung dengan air penuh dan tidak dapat mengalir dengan baik; dan apabila kita mengemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan umpamanya kita bawa dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, maka terdapatlah di antara jabatan-jabatan berkaitan menolak sepertimana kata rakan-rakan saya dari Sungai Pinang tadi.

Kalau kita minta pihak Jabatan Kerja Raya untuk mengorek parit ini, pihak Jabatan Kerja Raya kata bukan dalam bidang kuasanya ataupun bukan di dalam bidang tanggungjawab Jabatan Kerja Raya. Kemudian kita minta kepada Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Parit dan Taliair juga jawapannya sama. Bila kita minta pada Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Perbandaran Seberang Perai juga memberi jawapan yang sama bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai hanya dapat menyelenggarakan parit-parit simen sahaja. Selain dari itu kita juga meminta kepada Jabatan Anti Malaria dan jawapannya pula ialah mereka cuma sembur nyamuk sahaja. Jadi inilah masalahnya. Sepertimana kata Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap tadi, kawasan Nibong Tebal sentiasa menghadapi masalah banjir disebabkan parit-parit yang tidak ada tuan.

Oleh yang demikian, melalui Dewan ini, saya berharap supaya Pihak Kerajaan akan dapat menyelesaikan masalah parit-parit ini, mudah-mudahan ianya akan mempunyai tuan. Dengan adanya tuan punyanya dapatlah parit ini dijaga dan diselenggarakan dengan baik dan dapat kita menghadapi masalah banjir yang sentiasa berlaku di kawasan Nibong Tebal.

Di kawasan Nibong Tebal, sekiranya kita datang dari Selatan dan sampai di Sim-

pang Permatang Keling, kita dapati di kiri-kanan jalan ini (jalan Persekutuan) tidak ada parit. Apabila sampai di Butterworth sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh salah seorang dari Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, pada satu ketika kita terpaksa menunggu beberapa jam untuk menyeberang ke Pulau Pinang oleh kerana banjir.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kawasan-kawasan perkampungan yang sentiasa menjadi mangsa banjir akibat parit-parit yang tidak bertuan ini adalah kawasan dalam pekan Nibong Tebal iaitu di antara *gate* keretapi membawa ke Utara di kawasan Kampong Thong Hai membawa ke Jalan Victoria dan mengakibatkan beberapa kampung yang lain lagi. Jadi inilah harapan saya untuk menyampaikan hasrat atau pun masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan Nibong Tebal.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya berharap melalui penyampaian di Dewan ini selepas parit ini dapat dimiliki oleh mana-mana jabatan, tindakan segera hendaklah diambil bagi mendalamkan parit-parit ini supaya masalah banjir dapat diatasi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah mengenai kawasan di Seberang Perai Selatan. Jumlah penduduk di kawasan Seberang Perai Selatan adalah lebih dari 75,000 orang. Di kawasan-kawasan ini boleh dikatakan didiami oleh penduduk-penduduk yang mempunyai berbagai punca pendapatan, termasuk golongan petani, golongan nelayan, golongan penoreh getah, pengait kelapa sawit dan lain-lain kerja. Kawasan ini adalah satu kawasan yang mana penduduknya terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan bolehlah dianggap kawasan yang termiskin sekali di Negeri Pulau Pinang. Anggaran pembangunan ini mempunyai matlamat bukan sahaja bagi merancang untuk memperbaiki keadaan ataupun menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang tetapi juga bagi memperbaiki atau menyusun semula masyarakat di

dalam berbagai-bagai bidang supaya mereka dapat diperseimbangkan dengan masyarakat di kawasan-kawasan bandar. Oleh yang demikian, saya suka menambah atau menguatkan lagi seruan yang dibuat oleh rakan saya dari Sungai Bakap iaitu kawasan perindustrian ataupun perusahaan-perusahaan kecil hendaklah diwujudkan di Seberang Perai Selatan.

Kalau tidak silap ingatan saya, Y.A.B. Ketua Menteri telahpun biasa melahirkan ucapannya di dalam Dewan ini bahawa Kerajaan mempunyai hasrat untuk mengadakan perindustrian-perindustrian kecil di kawasan Seberang Perai Selatan. Kita percaya dengan hasrat yang dilahirkan oleh Kerajaan semoga dengan adanya kawasan perindustrian perusahaan-perusahaan di Kawasan Seberang Perai Selatan akan dapat mengatasi masalah pengangguran yang semakin bertambah di Daerah Seberang Perai Selatan dan supaya penduduk-penduduk di kawasan ini tidak berhijrah ke kawasan-kawasan yang lain. Jadi saya percaya kawasan Seberang Perai Selatan juga boleh mengadakan kawasan perindustrian dan juga mengatasi masalah pengangguran. Dengan jalan ini kita akan dapat membangunkan atau memperbaiki keadaan ekonomi rakyat yang tidak begitu bernasib baik ataupun tidak mempunyai pekerjaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam anggaran pembangunan yang telah kita bahaskan di Dewan ini, kita percaya tentulah banyak projek-projek dan rancangan-rancangan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Di antaranya ialah projek-projek kemudahan asas dan jalan yang menggunakan tanah merah dan sebagainya. Lesen bagi mengeluarkan tanah merah ataupun bagi mengeluarkan tanah bukit untuk menjalankan projek-projek memperbaiki jalan-jalan tanah dan sebagainya sedang menghadapi satu masalah. Saya percaya masalah ini bukan sahaja timbul di daerah Seberang Perai Selatan malahan juga di daerah-daerah lain. Oleh kerana lesen mengeluarkan tanah merah ini sangat terhad, di Daerah Seberang Perai Selatan hanya seorang atau dua

orang sahaja yang mendapat lesen mengeluarkan tanah merah. Jadi dengan cara yang demikian akan memberi peluang ataupun keuntungan kepada satu golongan yang akan mengambil kesempatan hasil daripada penahanan lesen bagi mengeluarkan tanah merah ini.

Kalau kita bandingkan pada tahun lalu tanah merah dapat kita beli dengan harga \$18.00 hingga \$20.00 bagi satu lori, tetapi sekarang telah meningkat \$40.00 bagi satu lori daripada kawasan Sungai Bakap membawa ke kawasan Sungai Acheh dan juga ke kawasan-kawasan yang lain, mungkin di kawasan yang lebih jauh lebih mahal lagi. Jadi melalui Dewan ini saya berharap dan merayu kepada pihak Kerajaan supaya mengambil tindakan bagi membolehkan ataupun mengeluarkan lesen ini lebih banyak kepada tuan-tuan punya tanah ataupun pengusaha-pengusaha yang akan mengeluarkan tanah merah. Jadi dengan cara demikian kenaikan harga tanah merah tidak akan berlaku. Sekiranya tindakan ini tidak diambil oleh pihak Kerajaan sudah tentu bukan sahaja rakyat akan menerima akibat daripada kenaikan harga tetapi Kerajaan juga terpaksa belanja dengan begitu banyak memandangkan kenaikan harga tanah merah yang begitu tinggi sekarang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, satu perkara yang saya ingin sentuh dalam Anggaran Pembangunan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pagi tadi iaitu saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih atas usaha-usaha yang akan dijalankan oleh Kerajaan bagi memenuhi hasrat rakyat yang tidak mampu membeli rumah kos tinggi dengan mengadakan rancangan untuk membina rumah-rumah kos rendah. Anggaran sebanyak \$20,493,220.00 akan dibelanjakan mengikut program yang telah dirancang dalam Anggaran Pembangunan tahun 1984.

Dalam pembahagian projek-projek ini Kerajaan hendaklah memberi pertimbangan yang adil kepada semua kawasan ADUN

lebih-lebih lagi ADUN Sungai Acheh yang mana mendapat peruntukan projek rumah kos rendah yang terlalu kecil bilangannya — lebihkurang 120 unit kalau dibanding dengan kawasan Sungai Bakap yang mendapat 500 unit lebih. Jadi saya berharap kepada Jawatankuasa atau pengerusi berkenaan supaya memberi pertimbangan yang serious dalam perkara pembahagian ataupun pembinaan projek-projek rumah kos rendah di kawasan ADUN oleh kerana di kawasan pilihanraya Sungai Acheh masih lagi ada tanah yang boleh dibina rumah, umpamanya di kawasan Bukit Panchor dan di tapak bekas Pejabat Daerah yang lama. Selain dari itu, rancangan yang begitu baik yang sedang dijalankan oleh Kerajaan hendaklah dikawal dan dapat dipelihara taraf ataupun mutu perkhidmatannya.

Dalam soalan saya kelmarin saya telah timbulkan iaitu pertanyaan mengenai berapa unit rancangan-rancangan yang masih belum diberi lagi dan jawapan telahpun diberi. Kita telah membuat kajian kelewatan Kerajaan memberi rumah-rumah yang telah siap dibina kepada pemohon-pemohon yang berjaya oleh sebab ini akan mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan balik yang mana peluang untuk mendapatkan balik kos yang telah kita belanjakan akan lambat kita perolehi, dan dalam mengatasi masalah ataupun krisis yang sedang berlaku ini, Kerajaan hendaklah juga mengkaji balik sistem secara komputer yang telah digunakan untuk memilih peserta-peserta kerana komputer ini, kalau sekiranya borang itu mempunyai maklumat-maklumat palsu komputer akan tunjukkan sebagai betul. Oleh itu adalah perlu dibentuk satu Jawatankuasa untuk mengkaji sesudah komputer itu mengeluarkan nama-nama yang telah berjaya untuk mengelakkan penyelewengan dari berlaku. Kebanyakan orang yang telah menerima rumah-rumah kos rendah didapati tidak layak menerimanya kerana mereka ini adalah terdiri daripada golongan-golongan yang berpendapatan tinggi dan memiliki harta dan rumah di kawasan-kawasan yang lain, tetapi ini amat sukar di kesan oleh

komputer. Kalau melalui Jawatankuasa mengikut sistem lama yang dijalankan oleh Jawatankuasa Perumahan, saya percaya Jawatankuasa ini akan dapat membantu Pengerusi yang berkenaan bagi menghadapi masalah ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekiranya masalah ini dapat diatasi oleh Jawatankuasa Perumahan, maka kita akan dapat menghapuskan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat yang mana ada setengah dari mereka berpendapat bahawa mereka lebih layak diperuntukkan rumah kos rendah. Misalnya Si A dengan Si B, Si B telah dipilih tetapi Si A adalah lebih layak dan patut menerima rumah ini kerana beliau tidak mempunyai rumah dan tinggal di rumah sewa, tidak memiliki tanah, tidak memiliki kereta besar, lori dan sebagainya. Di sini kita perlu beri rumah kepada Si A.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada menyentuh mengenai rumah kos rendah tadi saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai rancangan ataupun usaha untuk membangunkan kawasan-kawasan luarbandar khususnya di Seberang Perai Selatan dan juga di lain-lain daerah Negeri Pulau Pinang yang perlu dibangunkan untuk memberi faedah kepada keseluruhannya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan ini supaya memberi perhatian yang lebih *serious* mengenai pasar awam di Nibong Tebal. Saya telah beberapa kali bangkitkan mengenai pasar awam di Nibong Tebal di Dewan ini tetapi sehingga ke hari ini pasar awam ini belum lagi berubah dan kita telah membaca satu kenyataan dalam suratkhbar mengenai tarikh pasar awam ini dibina iaitu sejak beberapa puluh tahun yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menarik perhatian perkara ini bukanlah kerana berkehendakkan sebuah pasar yang begitu besar, cantik dan sebagainya di Nibong Tebal. Tidak, yang sebenarnya pasar awam yang ada tidak dapat memenuhi

keperluan rakyat di Nibong Tebal seperti mana yang saya sebutkan tadi. Jadi memandangkan dari segi ekonomi oleh kerana keadaan pasar awam yang tidak begitu baik yang tidak dapat memenuhi kehendak penduduk-penduduk yang ada di daerah Seberang Perai Selatan kebanyakan penduduk-penduduk di Nibong Tebal telah pergi ke Parit Buntar untuk membeli belah. Jadi kalau kita kira dari segi ekonomi tentulah merugikan, sedangkan kita mempunyai ramai penjaja-penjaja dan penjual sayur dan sebagainya banyak di daerah Seberang Perai Selatan.

Selain daripada memperbaiki pasar awam ini untuk memenuhi keperluan penduduk-penduduk di daerah ini, saya juga meminta bahawa dalam rancangan pembangunan 1984 yang akan dilaksanakan nanti, Kerajaan Negeri juga dapat menimbang menyediakan tempat-tempat untuk penjaja kecil di daerah Nibong Tebal oleh kerana penjaja-penjaja kecil di daerah Nibong Tebal sentiasa menghadapi masalah berpindah dari satu tempat ke satu tempat. Saya telah mendengar ura-ura bahawa tempat mereka menumpang berniaga ataupun berjaja sekarang ini akan dipindahkan ke kawasan lain. Kita tidak mahu penjaja-penjaja lari ke tempat lain oleh sebab pekan Nibong Tebal akan menjadi pekan mati akhirnya. Oleh itu, saya minta pertimbangan oleh Kerajaan supaya dapat memperbaiki keadaan ini dan dapat menyelesaikan masalah yang sedang dan akan dihadapi oleh penduduk-penduduk di Seberang Perai Selatan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam Anggaran Pembangunan tahun 1984 yang telah dibentangkan di Dewan ini pagi tadi, kita dapat lihat bahawa Kerajaan Negeri mempunyai hasrat yang begitu tinggi bagi memenuhi keperluan bekalan api dan letrik kepada penduduk-penduduk di kawasan luarbandar. Di bawah Perbekalan 101 Bilangan 3, peruntukan yang telah diuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi permulaan tahun 1981 hingga 1985 anggaran bantuan untuk menyambung

bekalan letrik ke kawasan-kawasan luarbandar yang berjumlah \$400,000.00 telah dipinda menjadi \$425,000.00. Setakat ini rancangan-rancangan telahpun dilaksanakan dan bakinya berjumlah \$251,305.00. Yang Berhormat Tuan Speaker, anggaran bagi membekalkan letrik di kawasan-kawasan luarbandar pada tahun 1984 berjumlah sebanyak \$50,000.00.

Di dalam kawasan saya ada satu kawasan yang belum lagi mendapat bekalan letrik iaitu Kampung Victoria yang merupakan satu perkampungan yang baru didiami oleh hampir 55 buah rumah. Penduduk di kawasan ini telah membuat permohonan untuk mendapat bekalan letrik sejak tahun 1980, 1981 dan 1982 dan sehingga sekarang ini belum lagi mendapat bekalan itu walaupun \$47,000.00 telah dibelanjakan oleh Pihak Lembaga Letrik Negara/Cawangan Nibong Tebal. Kalau \$50,000.00 diperuntukkan untuk bekalan letrik kepada kawasan luarbandar bagi kawasan Sungai Acheh/Kawasan Victoria ini, bakinya ialah \$3,000.00.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan ini supaya peruntukan ini dapat dikaji semula ataupun ditambah memandangkan keperluan untuk membekal letrik ke kawasan-kawasan di luar bandar masih lagi banyak. Saya bimbang kalau dalam dua tahun lagi baki \$250,305.00 ini mungkin tak habis, dan kita tentulah tidak akan mendapat tambahan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada itu saya ingin menarik perhatian kepada Kepala P.107, muka surat 201, Bilangan 26 mengenai Jalan-jalan Kerajaan Negeri (P/N) (yang saya fahamkan sebagai Persekutuan dan Negeri) anggaran yang diperuntukkan sepanjang Rancangan Malaysia Keempat berjumlah \$32,014,890.00. Setakat ini banyak rancangan dan projek telahpun dilaksanakan dan daripada peruntukan \$32 juta ini kalau kita lihat baki untuk menyiapkan ialah \$17,520,207.00.

Anggaran yang akan dibelanjakan dalam tahun 1984 berjumlah lebihkurang \$7 juta. Ini adalah anggaran yang telah termasuk dalam anggaran pembangunan yang akan dilaksanakan bagi tahun 1984.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita tidak tahu mengapa pihak Jabatan Kerja Raya tidak dapat menjalankan kerja-kerja bagi menyiapkan projek-projek yang telah disediakan. Mungkin apa yang saya fahamkan ialah jabatan yang berkenaan kekurangan pekerja-pekerja ataupun kakitangan.

Apabila kita kemukakan untuk mendapatkan jalan-jalan kampung, membaiki jalan-jalan dan sebagainya mereka nyatakan bahawa peruntukan tidak ada atau tidak cukup. Tapi apa yang kita lihat sekarang? Kewangan tidak menjadi masalah dalam rancangan untuk membaiki jalan-jalan raya ataupun membuat jalan-jalan kampung.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada tahun sudah kawasan Seberang Perai Selatan telah mendapat peruntukan untuk membaiki jalan sepanjang tiga batu. Jadi kami ada tiga ADUN iaitu ADUN Bukit Tambun, ADUN Sungai Bakap dan ADUN Sungai Acheh. Kita bagi dekat seorang sebatu sedangkan di kawasan-kawasan kita masih banyak jalan-jalan yang jarang benar diambil perhatian oleh pihak Jabatan Kerja Raya, umpamanya jalan masuk ke kawasan Sungai Acheh. Kalau kita masuk ke jalan tersebut, sampai sahaja ke simpang masuk Simpang Tiga, masuk ke Tanjung Berembang pergi ke Sungai Acheh, pergi ke Sungai Bakau, jalanraya tidak begitu baik. Lebih-lebih lagi apabila sebuah sekolah menengah yang telah siap akan memulakan pengajiannya pada tahun 1984. Jadi jalannya adalah amat sempit dan mungkin memberi kesusahan kepada murid-murid untuk berulang alik ke sekolah. Ini akan membawa akibat yang buruk dan merbahaya kepada murid-murid sekolah nanti.

Jadi saya berharap di sini dari jumlah \$7 juta ini dapat diberi lebih banyak kepada Seberang Perai Selatan kerana keadaan

jalan-jalannya tidak begitu baik, umpama Jalan Bukit Panchor. Kalau kita lihat, nasib baik Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri datang ke kawasan Bukit Panchor dulu untuk merasmikan rumah kos rendah. Jadi jalan itu dapat diperbaiki secara segera dan selepas itu jalan itu rosak balik oleh kerana keadaannya tergesa-gesa seperti mana rakan saya yang lain kata. Jadi apabila jalan itu dibuat secara tergesa-gesa tentulah ianya tidak dapat memuaskan dan tidak dapat menjalankan kerja-kerja dengan begitu baik. Kalau Pengerusi yang berkenaan dapat melawat kawasan itu ia dapat lihat jalan itu sekarang ini masih tidak begitu baik dan saya percaya Yang Berhormat Pengerusi yang berkenaan telahpun membuat lawatan ke sana. Beliau telahpun melihat keadaan jalan-jalan di kawasan itu dan mudah-mudahan daripada peruntukan \$7 juta lebih ini akan dapat disalurkan ke kawasan Seberang Perai Selatan.

Selain daripada itu, Tuan Speaker, saya ingin menyentuh mengenai jalan-jalan kampung. Tadi saya telah bercakap mengenai jalan-jalan yang rosak, tetapi dalam usaha Kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar termasuklah jalan-jalan kampung yang menjadi kemudahan-kemudahan asas bagi penduduk-penduduk di luar bandar untuk membawa sedikit sebanyak hasil pengeluaran mereka. Keadaan jalan di sana boleh dikatakan berselut atau berlumpur kerana kalau tidak ditambun dengan tanah merah terlebih dahulu tidak boleh kita membuat jalan kampung yang bertar iaitu jalan yang seluas 7 kaki. Jadi kawasan saya ini ialah satu kawasan yang paling sikit bilangan jalan-jalan tar. Kalau pihak Pegawai Kemajuan Negeri boleh membuat satu kajian bersama-sama dengan Pengerusi-pengerusi yang berkenaan di kawasan-kawasan ini dapatlah kita mengatasi masalah-masalah ini.

Selain daripada itu, jalan-jalan yang dibuat bukan jalan kampung, bukan jalan 7 kaki tetapi jalan yang diiktiraf oleh Jabatan Kerja Raya sebagai jalan besar yang dirancang. Ada tiga batang jalan di Seberang

Perai Selatan yang belum ditar — telah dibuat tetapi belum lagi ditar. Jalan yang pertama ialah Jalan Victoria, yang kedua Jalan Trans-Kerian dan yang ketiga Jalan Paya Kemian. Jalan-jalan ini telah lama dibina tetapi masih tanah merah. Itulah nasib penduduk-penduduk di kawasan luarbandar. Jalan-jalan tanah merah yang dibuat ini bila musim hujan ianya becak ataupun kata orang kampung “lecah” dan apabila musim kemarau ianya akan berdebu. Kami ketigatiga ADUN selalu dikunjungi oleh penduduk-penduduk di kawasan berkenaan dan bila hujan mereka jemput kita datang melihat; begitu juga bila panas terik, musim debu, mereka juga menjemput kita tengok, habis rumah-rumah mereka diterbangi oleh habuk-habuk tanah merah. Jadi melalui Dewan ini, saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya memberi pertimbangan di atas tiga batang jalan ini kalau boleh ditarkanlah dengan anggaran yang telah diperuntukkan dalam rancangan pembangunan yang berjumlah \$7 juta lebih ini.

Selain daripada itu, Tuan Speaker, ada jalan-jalan yang dirancang dalam tahun 1981 yang mana papantandanya (*signboard*) telahpun dipasang iaitu Jalan Tanjung Berembang ke Parit Kasar, Jalan Batas Pinang. Sekarang ini papantanda itu telahpun tertutup dengan rumput — tak nampak. Jadi kita mintalah supaya pihak yang berkenaan dapat menyegerakan pembinaan jalan ini memandangkan kawasan ini juga adalah satu kawasan yang boleh menyambung di antara jalan kampung ke jalan besar yang lain untuk memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk yang ada di kawasan pendalaman supaya mereka dapat menggunakan jalan ini bukan sahaja untuk memberi kemudahan mengeluarkan barang-barang perusahaan mereka seperti padi, kelapa dan sebagainya tetapi juga akan memberi kemudahan kepada murid-murid sekolah yang akan pergi ke sekolah. Masalah ini dapat kita lihat sepertimana telah disebut tadi dalam musim hujan murid-murid ini akan membawa kasut kerana tidak boleh pakai kasut daripada rumah, kemudian barulah pakai kasut untuk ke

sekolah. Kita harap pihak yang berkenaan akan dapat memberi perhatian dalam perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tadi saya telah bangkitkan masalah parit tidak bertuan. Sekarang saya bagi satu istilah baru iaitu pintu air tidak bertuan. Ini adalah masalah di luar bandar. Masalah pintu air yang tidak bertuan ini berlaku akibat dari perpecahan ladang-ladang. Pada masa dahulu ladang-ladang (*estates*) yang ada di kawasan Seberang Perai Selatan dapat di-kawal dengan begitu baik bukan sahaja dari segi tanaman tetapi juga ban-ban, parit serta pintu air. Tetapi oleh kerana perpecahan ladang kepada projek perumahan, akhirnya pintu air itu ditinggalkan sehingga sekarang dengan tidak mempunyai tuan. Bila hujan turun, kawasan-kawasan perkampungan ini akan dibanjiri air dan ini akan menjadi masalah kepada penduduk-penduduk.

Saya telahpun membawa perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan tetapi jawapannya ialah parit ini belum lagi masuk di bawah jagaan Jabatan Parit dan Taliair. Jadi parit ini saya tidak tahu siapa punya kerana pihak ladang pun tidak mengaku sebagai kepunyaannya. Jadi melalui Dewan ini saya berharap semoga masalah-masalah ini akan dapat diatasi untuk melindungi dan menjaga harta-benda dan juga tanam-tanaman penduduk di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan ladang-ladang yang berkenaan. Keterangan lanjut boleh kita bagi dan kita boleh bawa tunjuk sekiranya pihak jabatan yang berkenaan ingin memeriksa dengan lebih lanjut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah membuat satu anggaran baru pada tahun ini iaitu anggaran kepada Jabatan Ugama yang mana dengan peruntukan yang telah dimasukkan dalam Anggaran Pembangunan tahun 1984 yang akan dilaksanakan nanti terdapat beberapa

projek baru iaitu peruntukan bagi membina dan memperbaiki surau-surau dan juga masjid-masjid di Negeri ini.

Dengan adanya peruntukan ini maka saya ingin menarik perhatian Dewan ini ataupun pihak yang berkenaan supaya kawasan saya juga hendaklah mendapat peruntukan sepertimana yang telah di-anggarakan dan dimasukkan dalam Anggaran Pembangunan tahun 1984. Di kawasan saya ada dua buah masjid iaitu Masjid Simpang Tiga yang nampak begitu uzur dan perlu menampung jemaah-jemaah untuk menunaikan fardhu dan sebagainya. Kedua ialah Masjid Sungai Bakau, terutama memandangkan Masjid Sungai Bakau ini telah begitu lama dan masjid ini juga telah membuat permohonan kalau tidak silap saya pada tahun 1974. Permohonan telah dikemukakan untuk mendapat peruntukan bagi memperbaiki atau membina bangunan negeri ini, begitu juga Masjid Simpang Tiga, tetapi sampai sekarang ini belum lagi mendapat peruntukan itu. Jadi dengan adanya peruntukan ini saya berharap jabatan yang berkenaan akan memberi pertimbangan kepada dua buah masjid yang telah saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, satu lagi perkara yang saya ingin menarik perhatian Dewan ialah di bidang pertanian. Pihak Kerajaan hendaklah menimbang ataupun mengadakan satu peruntukan lagi untuk dimasukkan di bawah Jawatankuasa Pertanian Negeri iaitu anggaran pembangunan kepada nelayan-nelayan. Jabatan Haiwan ada peruntukan dan Jabatan Pertanian pun ada peruntukan, tetapi Jabatan Perikanan tidak ada peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk memberi pertolongan kepada nelayan. Jadi dengan adanya peruntukan ataupun anggaran yang baru yang akan dapat dimasukkan dalam anggaran pembangunan tahun ini ataupun tahun akan datang mudah-mudahan Negeri Pulau Pinang dapat seimbang dengan negeri-negeri lain di mana kita dapat lihat di dalam anggaran pembangunan di negeri-negeri lain tidak ketinggalan peruntukan

juga diberi untuk membangun dan memajukan kaum nelayan. Kaum nelayan adalah satu golongan masyarakat yang masih ketinggalan jauh di belakang dalam serba-serbinya.

Jadi mudah-mudahan dengan adanya peruntukan-peruntukan dalam rancangan pembangunan ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memberi khidmat yang lebih kepada semua golongan masyarakat yang ada di dalam Negeri ini. Mudah-mudahan rakyat juga akan sentiasa mendampingi Kerajaan dan Kerajaan juga akan dapat mendampingi rakyat. Jadi itu adalah konsep kita. Kerjasama bukan sahaja daripada Kerajaan malahan kita juga berharap mendapat kerjasama daripada rakyat. Usaha-usaha untuk membangunkan Negeri ini bukan sahaja tertumpu kepada Kerajaan malahan seluruh rakyat juga mempunyai tanggungjawab yang sama untuk membangunkan Negeri kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, itulah pandangan-pandangan yang dapat saya sampaikan dalam Dewan ini sebagai menyambung ucapan yang dibuat oleh rakan-rakan saya yang lain. Akhirnya saya juga sekali lagi mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telahpun membentangkan satu anggaran yang begitu baik dan kita percaya dengan anggaran ini seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang akan mendapat faedah dan saya sekali lagi menyokong Anggaran Pembangunan ini dengan sepenuhnya.

Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Lim Heng Tee):

Tuan Speaker, izinkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan atas usul Anggaran Pembangunan Negeri bagi tahun 1984.

Tuan Speaker, semasa menghadapi kekurangan wang di waktu kemelesetan ekonomi adalah perlu kita mengurangkan

perbelanjaan. Walau bagaimanapun, beberapa perbelanjaan yang tertentu mesti terus diuruskan bukan sahaja untuk terus menjalankan tugas-tugas yang perlu malahan untuk meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi supaya mendatangkan pendapatan yang lebih besar untuk masa hadapan sungguhpun ini akan mengakibatkan satu kekurangan dalam anggarannya. Ini adalah Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1984.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menganggarkan jumlah perbelanjaan pembangunan sebanyak \$68,057,520.00 dengan kekurangan sebanyak \$4,898,056.00. Ini bukan bermakna bahawa Pihak Berkuasa Negeri tidak bertanggungjawab ataupun tidak cekap, sebaliknya ini adalah satu tanda keyakinan yang kuat yang dipunyai oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam kebolehanannya untuk mendapatkan tabung tambahan yang mencukupi untuk mencapai matlamat-matlamatnya. Oleh yang demikian satu anggaran yang realistik telah disediakan kerana tidak berguna menyediakan satu kekurangan yang sangat besar jika tidak ada harapan untuk mencapai matlamatnya.

Dalam konteks perhubungan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Pusat patutlah mempertimbangkan dengan *serious* untuk membahagikan lebih banyak bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya tempoh pembangunan seperti yang dicadang dapat dikekalkan demi untuk kepentingan rakyat kita. Sementara ini tabung-tabung yang kita memerlukan tidak boleh kita bergantung banyak kepada Kerajaan Pusat. Dalam hal ini, kita ada pengalaman. Kita semua tahu bahawa Negeri Pulau Pinang sentiasa menerima kurangan bantuan kewangan daripada negeri-negeri lain di Malaysia oleh kerana Kerajaan Pusat berpendapat bahawa Pulau Pinang telah banyak maju maka ianya tidak memerlukan begitu banyak bantuan. Oleh hal yang demikian, Pulau Pinang mesti berusaha seberapa daya untuk mencapai kepercayaan

diri sendiri ataupun berdikari. Kita semua haruslah rajin bekerja dan bersama-sama membawa lebih banyak projek-projek pembangunan supaya rakyat kita bersedia untuk masa hadapan. Adalah gembira apabila kita memperhatikan bahawa walaupun pemulihan ekonomi akibat kemelesetan agak perlahan namun Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan satu rancangan perumahan yang besar supaya kita dapat memenuhi keperluan perumahan yang bertambah besar.

Tuan Speaker, Sekim Perbekalan Air Mengkuang yang dijangka siap pada tahun 1984 merupakan satu kejayaan yang besar di mana ia akan menjamin perbekalan air yang mencukupi di dalam negeri pada jangka masa 10 tahun. Pencapaian tersebut adalah hasil daripada perancangan masa hadapan (*forward planning*) yang positif oleh pimpinan Negeri kita yang dinamik. Satu lagi perbelanjaan pembangunan yang penting ialah peruntukan sejumlah \$3 juta untuk reklamasi. Ini merupakan satu cara penanaman modal yang besar bagi rakyat Pulau Pinang pada masa hadapan. Ini adalah juga akibat dari pandangan jauh serta rancangan masa hadapan oleh pimpinan Negeri kita.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat telah bersama-sama membelanjakan sejumlah besar wang dalam usaha memulih beribu-ribu ekar tanah rang di kawasan Seberang Perai dan Pulau Pinang. Ini merupakan satu kejayaan yang terpuji seperti mana telah mencegah tanah-tanah yang berguna dari menjadi tandus. Walau bagaimanapun, ingin saya mengemukakan satu cadangan untuk pertimbangan. Sebagaimana yang kita ketahui salah satu sebab utama kawasan tanah padi kian luas dijadikan tanah rang adalah akibat daripada kekurangan pengairan atau taliair. Dalam banyak kawasan sudah tidak mungkin untuk kita menambahkan perbekalan taliair kerana punca air adalah terhad. Terdapat juga beberapa kes lain walaupun ada kemungkinan untuk membawa masuk lebih banyak taliair tetapi kosnya mungkin ter-

lalu besar dan tidak menguntungkan (*not economic*).

Tuan Speaker, petani-petani merupakan segolongan besar penduduk kita setelah halnya beberapa generasi. Mereka masih hidup dalam keadaan kemiskinan hari ini walaupun mereka rajin bekerja dan bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi telahpun diberi kepada mereka. Mengapa? Sebab-sebabnya adalah tradisi, sejarah, sosial dan ekonomi yang susah untuk diatasi. Untuk menolong petani-petani tersebut menambahkan pendapatan mereka salah satu cara ialah dengan menggalakkan mereka memperbagai-kan (*to diversify*) tanaman-tanaman atau menanam tanaman-tanaman lain seperti tanaman kontan (*cash crops*) jangkamasa pendek. Dengan cara ini masalah kekurangan pengairan dapat diatasi dan pendapatan petani-petani akan bertambah.

Tuan Speaker, apabila orang menyebut tentang pembangunan hari ini biasanya pembangunan kawasan luarbandar dititikberatkan tetapi hanya dan malangnya ramai orang nampaknya sentiasa terlupa atau tidak sedar tentang cara hidup beribu-ribu penduduk di perkampungan-perkampungan atau kampung-kampung baru yang terletak di pinggir bandar atau luarbandar ataupun di tengah kampung-kampung lain. Keadaan dalam kampung-kampung baru itu adalah lebihkurang sama dengan 30 tahun yang lalu iaitu waktu mereka dipagarkan oleh pentadbiran penjajah British semasa kecemasan. Rumah-rumah lama dengan tambahan beberapa buah bangunan baru, jalan-jalan serta longkang-longkang yang telah dibina sejak 20 atau 30 tahun yang lalu masih ujud. Walaupun terdapat satu kementerian yang menjaga kampung-kampung baru tersebut tetapi jumlah peruntukan yang diberi, jika ada, adalah langsung tidak mencukupi untuk memperbaiki jalan-jalan dan longkang-longkang itu. Setengah-setengah orang ahli politik dan juga pegawai-pegawai Kerajaan atau lain-lain sentiasa suka menganggap kampung-kampung baru sebagai *gazetted town area* dan ditinggalkan dari banyak program pembangu-

nan, misalnya dalam sekim subsidi tandas curah, projek jalan tar di kawasan luar-bandar, rancangan pemulihan kampung (RPK) dan lain-lain.

Tuan Speaker, adalah tidak sihat untuk kita membahagikan penduduk-penduduk bandar dari penduduk-penduduk luar bandar. Selain dari itu pula terdapat setengah orang yang cuba membahagikan lagi penduduk di luar bandar kepada dua golongan yang berasingan iaitu penduduk-penduduk di kawasan kampung dan penduduk-penduduk di kawasan kampung-kampung baru. Ini adalah bertentangan dengan objektif rancangan-rancangan pembangunan Malaysia, iaitu menyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan dengan tidak mengira kaum dan ugama.

Tuan Speaker, pembangunan patut dibawa kepada semua rakyat yang memerlukan dengan tidak mengira di manakah mereka tinggal ataupun siapakah orang-orang itu, tetapi apa yang mustahak sekali ialah mereka mesti rakyat Malaysia. Saya ingin menggesa pihak berkuasa berkenaan supaya memberi perhatian dan peluang yang sama kepada penduduk-penduduk di kampung dan penduduk-penduduk di bandar dalam semua program pembangunan.

Dengan ini, Tuan Speaker, saya mohon menyokong Usul itu.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Hj. Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya mohon izin untuk mengambil bahagian membahas dan menyokong Anggaran Pembangunan 1984 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebagai Ketua Pentadbir bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengikut kuasa yang telah diberikan dalam Seksyen 41, Akta Pembangunan 1966, dan Akta yang sama, Seksyen 9, yang terpakai kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Permohonan peruntukan wang ber-

jumlah \$68,053,520.00 bagi tahun 1984 untuk pembangunan. Dalam peruntukan ini saya dapati dalam pembangunan bagi tahun 1984 terdapat kekurangan sebanyak \$4,889,560.00 atau kira-kira 5 peratus daripada yang dianggarkan. Ini bermakna adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengekalkan kepesatan pembangunan bagi Negeri ini dengan membelanjakan setiap sen bagi faedah rakyat dan pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang. Oleh itu adalah diharapkan pihak-pihak akan membelanjakan wang peruntukan ini supaya benar-benar memberi manfaat dan faedah kepada rakyat di Negeri ini terutama sekali di kawasan luarbandar yang kekurangan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur sosio-ekonomi bagi meninggikan lagi taraf hidup rakyat khususnya kepada para petani, nelayan dan penoreh getah dan juga masyarakat umum yang kurang bernasib baik agar mendapat faedah sepenuhnya dari hasil pembangunan yang dirancang itu.

Saya suka ucapkan tahniah di atas kesedaran Kerajaan Negeri yang telah menyusun begitu teliti Anggaran Pembangunan bagi dibentangkan hari ini. Kita dapati ianya sangat realistik dan munasabah sekali bagi pembangunan Negeri Pulau Pinang. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, Anggaran ini dibuat mengikut seperti pepatah orang-orang tua, "Memotong baju mengikut badan sendiri". Oleh yang demikian kita berharap wang yang akan dibelanjakan ini benar-benar memberi faedah kepada rakyat keseluruhannya.

Adalah amat diharapkan bahawa peruntukan yang telah dipohon daripada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Persekutuan akan mendapat perhatian dan sokongan, bukan sahaja permohonan pinjaman tetapi kurniaan-kurniaan yang lebih besar patut diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat. Sepertimana yang dirayu oleh pihak rakan-rakan saya adalah diharap semoga Kerajaan Pusat dapat meluluskan peruntukan ini dengan permohonan-permohonan lain yang di-

minta, tidak sepertimana dianggap oleh pihak Pembangkang bahawa permohonan kita tidak dilayan. Saya rasa ini hanya pendapat Pembangkang sebab mungkin Pembangkang sendiri memohon tetapi tidak dapat. Sebagai Kerajaan Negeri yang duduk di bawah satu unit Kerajaan Persekutuan, sebagai anak dan bapa, tentu permohonan ini dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Speaker, dalam pelaksanaan pembangunan rancangan rumah murah telah diperuntukkan jumlah yang begitu besar sekali. Beberapa rancangan telah disusun di mana dalam Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 12 projek yang mengandungi 2,394 unit berada dalam peringkat pembinaan. Kita yakin dan percaya ianya hampir siap dan kita harap pembahagian kepada pemohon-pemohon itu biarlah kepada pemohon-pemohon yang benar-benar berkehendakkan dan memerlukan rumah itu terutama sekali kepada mereka yang tidak mempunyai rumah dan tanah dan ingin mendapat tempat perlindungan yang lebih selesa daripada yang mereka hadapi sekarang ini. Kita tidak mahu melihat setelah rumah-rumah ini diberi kepada pemohon-pemohon, dalam tidak berapa minggu sahaja mereka datang tinggal ke rumah itu dengan kereta besar berada di hadapan atau di bawah rumah pangsa itu. Orang-orang yang sedemikian kita yakin mereka mampu membeli rumah yang dibuat oleh pihak swasta atau mana-mana badan pemaju perumahan.

Berkenaan dengan enam projek yang masih dalam peringkat perancangan di mana telah dinyatakan bahawa lebih-kurang 2,715 unit rumah sedang dirancang, adalah diharapkan pemberian taburan kawasan kepada KADUN akan dibuat secara adil supaya tiap-tiap KADUN mendapat peluang pembahagian perancangan rumah-rumah yang akan didirikan itu mengikut keperluan permohonan yang dibuat oleh pemohon-pemohon di KADUN masing-masing. Keadaan seperti yang kita lihat pada masa pembinaan rumah-rumah

kos rendah Kerajaan tidak seimbang di antara satu KADUN dengan satu KADUN. Semoga perkara sedemikian ini dapat pertimbangan yang *serious* dari pihak Kerajaan Negeri.

Begitu juga mengenai 16 projek yang melibatkan sebanyak 7,056 unit rumah bernilai \$176.4 juta, kita harap permohonan daripada Kerajaan Negeri di atas kajian semula Rancangan Malaysia Keempat akan mendapat persetujuan dan kelulusan segera daripada pihak Kerajaan Pusat dan saya merayu supaya Kerajaan Pusat dapat memperkenalkan permohonan kita itu.

Menyentuh kepada pinjaman Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak \$6,340,000.00, saya berharap Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan dapat membina lebih banyak rumah kos rendah daripada rumah-rumah berharga mahal seperti yang dilakukan sekarang ini kerana pembinaan rumah yang sedemikian itu akan membawa kesulitan kepada orang-orang yang berpendapatan kecil. Dan adalah diharapkan supaya pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dapat mengikut syarat Kerajaan Pusat bahawa harga sebuah rumah itu tidak melebihi \$25,000.00 seunit bagi membolehkan orang-orang yang berpendapatan rendah dapat menikmati projek daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

Tuan Speaker:

Dewan ditangguhkan 5 minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.12 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 6.17 petang.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Hj. Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, Pihak Berkuasa Air

telah diperuntukkan sebanyak \$14,100,000.00 secara pinjaman. Dalam Butiran 45 dan Butiran Maksud 101 peruntukannya berjumlah \$8,050,070.00 dalam jangka masa 10 tahun. Adalah diharapkan Pihak Berkuasa Air akan membuat kajian semula di atas sebab-sebab tekanan air rendah khasnya di Kawasan Balik Pulau, Telok Bahang dan sekitarnya oleh kerana perkara ini sentiasa menjadi sungutan orangramai. Walau bagaimanapun, pada masa ini satu tangki khas telah dibuat untuk kemudahan kawasan pekan tetapi tekanan rendah masih berlaku. Oleh yang demikian, adalah diharapkan banyak lagi cawangan tangki yang sedemikian dapat dibina daripada hasil pembangunan ini supaya setiap kawasan tekanan rendah ini mendapat bekalan air yang baik seperti di kawasan Kampong Genting, Pulau Betung, Sungai Burung dan Jalan Baru. Adalah diharapkan kerja-kerja yang perlu dapat dilaksanakan supaya sungutan daripada rakyat di kawasan-kawasan ini tidak timbul lagi.

Begitu juga saya dapati banyak sungutan daripada orangramai mengatakan Pihak Berkuasa Air amat cerewet sekali untuk membekalkan air kepada penghuni-penghuni rumah yang mendapat nombor rumah secara T.I. atau secara nombor rumah sebelah atau belakang yang telah diluluskan oleh Pihak Kerajaan Tempatan di mana katanya oleh sebab rumah itu mempunyai nombor rumah yang sama nombor berhampiran, pada hasilnya pihak Majlis Perbandaran atau Kerajaan Tempatan telah mengiktirafkan rumah-rumah tersebut dan mengutip cukai tahunan. Oleh sebab itu saya berharap Pihak Berkuasa Air dapat mengkaji dan memberi arahan kepada pegawai-pegawainya mengenai rumah-rumah yang terdapat nombor yang sedemikian ini oleh sebab pihak Majlis Perbandaran sendiri telah memberi kebenaran untuk mendapat bekalan air atau api daripada hasil kebenaran nombor sebelah atau T.I.

Tuan Speaker, menyentuh peruntukan

kepada reklamasi tanah di Negeri Pulau Pinang yang diperuntukkan sebanyak \$3 juta bagi reklamasi kawasan-kawasan laut, adalah amat baik sekali dan patut kita beri pujian kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana Negeri kita Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang kecil dan kini kita dapati amat kurang sekali tanah. Adalah lebih baik kita adakan kawasan-kawasan reklamasi ini untuk dijadikan kawasan pembangunan daripada kita mengambil tanah yang sedia menjadi hakmilik orang-orang perseorangan kerana pada masa ini terdapat kekurangan tanah bagi tempat tinggal penduduk-penduduk khasnya di kawasan luarbandar. Pembangunan reklamasi tanah jangka masa yang panjang ini patutlah kita memberi pujian dan mendapat sokongan yang sepenuhnya dan saya juga berharap supaya rancangan ini dapat dikenalpasti di kawasan pantai Barat Daya kerana mengikut apa yang telah dikanunkan untuk pembangunan, kawasan ini tidak termasuk. Kawasan pantai Barat Daya ini banyak tanah lumpur yang boleh direklamasikan untuk kegunaan pembangunan.

Tuan Speaker, dengan adanya reklamasi ini dapatlah kita mengekalkan kawasan-kawasan tadahan air yang amat penting bagi sumber-sumber air di Pulau Pinang untuk kepentingan dan kegunaan sosio-ekonomi dan pertanian kerana kita dapati banyak tanah-tanah bukit telah runtuh atau diambil tanah untuk dijadikan kawasan pembangunan. Kita khuatir pembangunan akan melarat dari tanah bukit ke kawasan tanah hutan simpanan yang penting dipelihara untuk kepentingan tadahan air yang saya sebutkan tadi.

Tuan Speaker, menyentuh berkenaan dengan Jabatan Pertanian yang telah diperuntukkan lebihkurang \$1,981,000.00, sebahagian wang ini dapat digunakan untuk pemulihan tanah rang atau tanah terbiar dan pemulihan pertanian seperti sayur-sayuran, industri orkid; begitu juga \$500,000.00, untuk projek akua-kultur akan dijalankan bagi pembangunan oleh pihak Kerajaan Negeri. Ini menunjukkan

kesungguhan Kerajaan Negeri hendak memberi bantuan dalam sektor pertanian bagi tujuan meninggikan taraf para petani di Negeri ini. Adalah diharapkan peruntukan-peruntukan ini akan diberi kepada beberapa kawasan yang memerlukan, tidak kepada satu tempat sahaja, termasuk di kawasan saya Barat Daya yang sedang berusaha memulihkan tanah mengikut seperti peruntukan yang diberi oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita sendiri.

Kita berharap juga supaya rakyat akan memberi sokongan kepada seruan-seruan yang telah dibuat oleh Kerajaan dan di-harap rakyat juga menerima seruan bagi mengubah sikap kepada ingin menolong diri sendiri dalam dasar hendak memulihkan tanah rang yang terbiar supaya mereka dapat memulihkan tanah rang yang terbiar, supaya mereka dapat meninggikan semangat bekerja untuk menolong diri sendiri dan supaya dapat kita meningkat dan memperbaiki lagi usaha-usaha ke arah memajukan kira-kira 52,800 para petani di Negeri ini. Mereka boleh diibaratkan hidup seperti kata pepatah "kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang". Begitulah nasib para petani dan nelayan yang hidup di kawasan-kawasan kampung atau daerah luarbandar yang setiap hari kita melihat kadangkala pendapatan mereka sungguh menyedihkan.

Dengan ini saya suka ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil perhatian penuh terutama sekali kawasan saya sendiri adalah kawasan pertanian dan memerlukan banyak bantuan dan perhatian penuh bukan sahaja daripada Kerajaan Negeri tetapi dari jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan MARDI dan lain-lain lagi untuk memaju dan memulihkan semula tanah yang terbiar seperti mana yang telah saya sebutkan tadi.

Saya juga suka menyentuh seperti rakan saya dari Sungai Acheh dalam rancangan pembangunan tidak ada langsung peruntukan yang dibuat bagi para nelayan

kita. Kalau kita dapat melawat kampung nelayan, kita boleh lihat keadaan hidup nelayan adalah sangat daif kerana mereka sama seperti petani. Kalau musim ribut mereka tidak boleh pergi ke laut dan setengah daripada mereka tidak dapat makan sehari sekalipun. Dengan hal yang demikian patutlah satu peruntukan khas dibuat bagi menolong para nelayan kita sebab Negeri Pulau Pinang ini adalah boleh dikatakan banyak punca kehidupan penduduknya yang tinggal di tepi pantai adalah dari hasil penangkapan ikan. Oleh itu adalah diharapkan pihak Kerajaan Negeri akan berikhtiar bagi membolehkan satu peruntukan pembangunan nelayan ini dibuat.

Tuan Speaker, di sini saya suka menyentuh berkenaan Jabatan Parit dan Tali-air di mana peruntukan yang begitu besar telah diberi iaitu berjumlah \$1,535,000.00 bagi mengatasi masalah banjir dan bagi memperbaiki ban yang sedia ada. Tetapi saya tidak dapat melihat satu peruntukan bagi kawasan pantai dari Kuala Pulau Betung ke Kuala Jalan Baru di mana sebuah ban telah mengalami hakisan dan hampir tidak berapa baki sahaja daripada ban besar yang ada. Saya ada bangkitkan dalam soalan lisan dalam persidangan yang lalu tetapi tidak mendapat perhatian sungguhpun saya dengar permohonan telah dibuat kepada Kerajaan Pusat tetapi tidak termasuk dalam pembangunan bagi pihak Kerajaan Negeri. Saya khuatir sekiranya hakisan ini tidak dibendung dengan segera hakisan pantai ini akan menjadi lebih merbahaya kepada ban tali-air yang ada di kawasan tersebut dan jika perkara ini berlaku akan mengakibatkan kemasukan air masin ke kawasan-kawasan pemulihan tanah rang yang sedang dijalankan oleh pihak yang telah diberi peruntukan khas oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita. Oleh yang demikian saya berharaplah supaya perkara ini mendapat pandangan yang serious dan dapat diperbaiki dengan segera.

Adalah diharapkan juga kepada Jabatan Parit dan Tali-air dan jabatan yang ada hubungan dengan Jabatan Pertanian supaya

menyusun semula infrastruktur bagi tanah-tanah sawah khasnya di kawasan saya Teluk Bahang kerana infrastruktur yang ada sekarang tidak sesuai lagi. Maka itulah sebab-sebabnya tanah ini terbiar selain daripada masalah pekerja-pekerja. Infrastruktur yang ada hari ini terutama sekali tanah-tanah di kawasan saya ini tidak rata dan tinggi rendah dan pengaliran air yang ada tidak sesuai lagi sekarang ini kerana tidak dapat kita mengalirkan air dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Oleh itu saya rasa perlu dikaji dan diselidiki semula supaya satu sistem moden bagi kemudahan pengaliran di kawasan itu. Begitu juga mengikut kemudahan-kemudahan asas moden hari ini cara-cara tradisi tidak lagi sesuai dan perlu para petani menggunakan jentera-jentera yang moden seperti traktor dan *harvester* untuk mengambil padi dan lain-lain lagi dan perlu juga satu infrastruktur yang tersusun seperti jalan masuk bagi membolehkan laluan traktor dan *harvester* serta lori-lori pengangkutan. Ini amatlah perlu sekali. Sekiranya infrastruktur sedemikian dapat disusun dengan baik kita yakin dan percaya musuh-musuh pokok seperti tikus dan yang lain-lain juga akan lari sebab takut bising yang disebabkan kemasukan traktor dan *harvester* di kawasan sawah itu. Ini dapat kita buktikan sebab rancangan pemuliharaan yang dirancang melalui Jabatan Perdana Menteri ini telah memberi hasil yang baik. Kita harap peruntukan yang lebih banyak dalam masalah pemuliharaan ini dapat diberi supaya hasil dapat meningkatkan seperti mana yang dapat kita buktikan dalam masa setahun yang lalu ini. Oleh sebab itu kemudahan infrastruktur untuk pertanian adalah amat penting sekali.

Saya berharap juga kepada pihak Jabatan Parit dan Taliair janganlah berasa keciwa atau kecil hati di atas kecaman yang dibuat ini oleh sebab bukanlah bertujuan lain dari untuk memperbaiki dan bagi kepentingan rakyat. Kecaman yang dibuat ini ialah kepada pegawai-pegawai yang lalu. Saya dapati pegawai yang ada sekarang memang berusaha, boleh dikatakan setiap minggu dan bulan selalu membuat lawatan dan run-

dingan bagi memperbaiki keadaan yang ada. Cuma apa yang perlu ialah infrastruktur yang betul-betul dinamik untuk kepentingan pemuliharaan tanah ini perlu dibuat dengan segera jika kita berkehendakkan sektor pertanian ini berjaya.

Tuan Speaker, saya suka juga menyentuh kepada pihak Jabatan Kerja Raya yang telah diperuntukkan sebanyak \$7,164,570.00. Pada masa yang lalu bila-mana diadakan perjumpaan atau Mesyuarat Tindakan Daerah selalu jawapannya ialah tidak ada wang, kurang tenaga pekerja atau kakitangan tidak dapat ditambah disebabkan ada pembekuan pengambilan pekerja. Kita harap peruntukan yang diberi ini akan dapat memberi satu kemudahan kepada pihak Jabatan Kerja Raya bagi menjalankan kerja-kerja pengawasan dan pengurusan kerana pada akhir-akhir ini kita dapati keadaan jalanraya kita buruk sekali. Tebing ban di tepi jalan semak-samun penuh dengan lalang dan rumput rampai, kadangkala kita dapat melihat di tiang-tiang telefon dinaiki oleh pokok, siput tunggal seolah-olah menjadi hiasan yang cantik bagi Negeri Pulau Pinang ini. Kalau Yang Berhormat sekalian hendak melihat, ada saya ambil gambar dan di zaman sekarang gambar ada tarikh, haribulan dan jam kita mengambilnya. Saya ada ambil, jangan khuatir. Saya harap masalah semacam ini tidak timbul dan menjadi cakapan dalam masyarakat yang mana kita seru dan berkempen mengenai kebersihan di kampung dan di mana-mana juga tetapi malangnya pihak Kerajaan sendiri tidak menunjukkan sikap kebersihan dengan baik. Itulah Kepimpinan Melalui Tauladan seolah-olah seperti ketam hendak menyuruh anaknya berjalan betul.

Adalah diharapkan juga pihak Jabatan Kerja Raya dapat memberi perhatian yang *serious* kepada jalan Negeri dan juga kawasan-kawasan di luarbandar, terutama sekali seperti saya sebutkan tadi di KADUN Telok Bahang saya dapati tidak ada kerjasama di antara satu jabatan yang berkaitan umpamanya Jabatan Telekom tidak ada

kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya. Bilamana dalam Mesyuarat Tindakan kita tanya mengapa berlaku sedemikian, masing-masing Jabatan Kerja Raya tidak mahu terima untuk memperbaiki semula jalan itu oleh sebab apa, kita pun tidak tahu. Kita minta Jabatan Telekom tambak sendiri lubang-lubang yang telah dikorek melalui kontraktor, Telekom menjawab mereka tidak *expert* atau tidak mempunyai pengalaman untuk menambun, maka dengan itu jalan yang dikorek itu setelah dikorek terus menjadi seperti parit kecil yangmana bila hujan air bertakung dan kalau kereta atau lori berselisih dengan kenderaan yang lain kalau ada orang di tepi jalan maka akan basah kuyup hamba Allah itu. Perkara ini selalu berlaku di kawasan saya.

Berkenaan dengan kebersihan di tepi jalan, diharapkan supaya kiri-kanan jalan yang semak-samun itu biarlah sentiasa dibersihkan. Kita khuatir sebab ramai murid-murid di kawasan luarbandar biasanya pergi ke sekolah dengan tidak menunggang basikal dan tidak juga menaiki kereta besar atau bas, dan terpaksa berjalan kaki, kalau tepi jalan penuh dengan semak samun, kita takut kalau ada ular dan sebagainya. Oleh yang demikian diharapkan satu sistem kebersihan akan dapat disusun dan dibuat dengan baik.

Saya hendak ucapkan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya hari ini kerana kelmarin saya telah sebut berkenaan bila saya lalu jalan ini sama ada untuk ke Telok Bahang atau ke Bandaraya Georgetown didapati lima-enam orang berkumpul, seorang bekerja dan yang lain menghisap rokok. Alhamdulillah hari ini apabila saya hendak datang ke Dewan ini seramai lebihkurang 10 orang sepanjang jalan Tun Sardon sedang bekerja dengan jarak 30 – 50 kaki seorang. Alhamdulillah kalau keadaan ini dapat dilanjutkan saya yakin dan percaya kebersihan Jalan Tun Sardon dapat dijaga dengan baik.

Saya suka ulangkan lagi sekali di sini berkenaan tembok-tembok yang terdapat

di Telok Bahang di bawah jagaan Jabatan Kerja Raya Bandaraya atau kawasan Tanjung. Dari penara bukit Balik Pulau sampai kepada penara bukit Telok Bahang kawasan ini dijaga oleh seorang T.A. dari Balik Pulau sementara daripada penara bukit Telok Bahang bawa sampai ke kawasan Ahli Dewan Tanjung Bungah barangkali ada pula seorang dan begitu juga daripada penara bukit kepada Balik Pulau membawa ke Bayan Lepas ada seorang yang lain. Dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah hanya wakil daripada Balik Pulau yang hadir. Bila saya bentangkan masalah ini, masalah kawasan dari penara Bukit Telok Bahang membawa ke Sungai Pinang dapat diperbaiki dengan baik, malangnya daripada penara Bukit Telok Bahang membawa ke Pekan Telok Bahang keadaan batu-batu tembok di sebelah lahou itu masih dalam keadaan roboh dan tidak diperbaiki. Apakah sebab keadaan yang demikian boleh berlaku? Saya harap perkara ini akan mendapat perhatian yang serious daripada pihak yang berkenaan. Ini untuk kepentingan para pelancong oleh kerana kita dapati ramai pelancong yang lalu-lalang di kawasan ini. Kalau keadaan begini diteruskan tentu imej kita amat buruk sekali kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain yang sedang membangun di Negara Malaysia. Saya khuatir perkataan "*Penang Always Leads*" akan ketinggalan di belakang.

Tuan Speaker, saya suka juga menyentuh lagi berkenaan jalan-jalan Negeri yang dibina dengan tanah merah yang patut ditar dengan segera. Ini mendapat sungutan sebelum pilihanraya. Kita kata pihak kita akan berikhtiar tetapi hingga hari ini jalan-jalan ini masih jalan yang berwarna merah lagi. Di kawasan saya ada dua batang dan di kawasan Y.B. Encik Mohd. Zain ada sebatang, di Pulau Betong ada tiga batang yang sentiasa menimbulkan sungutan sebab di musim hujan ianya menjadi becak sementara di musim kemarau ianya penuh berdebu. Ini adalah masalah yang kita hadapi lebih-lebih lagi di kawasan saya, kawasan Telok Bahang. Di Kampong Dalam bukan sahaja jalan itu tanah merah, tetapi janji

kita hendak membina sebuah jambatan sehingga hari ini tinggal janji dan belum nampak sebarang ura-ura atau rancangan untuk membinanya. Ini menjadi masalah sebab ada sebuah jambatan yang buruk dan saya khuatir kalau kereta yang berat melalui jambatan itu mungkin akan mendatangkan bahaya. Saya harap perkara ini dapat di siapkan supaya tidak timbul sungutan daripada penduduk-penduduk tersebut.

Begitu juga jalan-jalan dari Simpang Tiga, Ayer Puteh bawa ke kawasan Pekan Pulau Betong dan begitu juga dari Pekan Pulau Betong bawa ke Pekan Genting, saya dapati surat daripada pihak J.K.K.K. memohon supaya jalan ini diperbesarkan kerana jalan itu telah lama dan telah ada semenjak sebelum merdeka lagi. Sehingga hari ini belum ada satu rancangan hendak memperbesarkannya. Mengikut apa yang dimasukkan dalam peruntukan pembangunan, Kerajaan Negeri cuba hendak memperbesarkan jalan-jalan Negeri yang ada supaya tidak ketinggalan untuk pembangunan jalan yang saya sebutkan tadi. Begitu juga satu kawasan di antara jalan Negeri yang telah berkali-kali saya bangkitkan dalam Majlis Tindakan Daerah Balik Pulau masih tidak ada tindakan yang boleh dibuat bagi mengatasinya. Di suatu kawasan di Sungai Burung, jalanya rendah dan selalu bila musim hujan ianya menjadi becak. Pihak Jabatan Kerja Raya hanya pergi untuk menambun tanah merah dan apabila menambun tanah merah bukan sahaja ianya menjadi bertambah elok bahkan bertambah buruk seolah-olah berlumpur langsung sehingga bila musim panas pun kawasan itu menjadi becak. Saya harap kalau tidak dapat diusahakan dengan segera sekurang-kurangnya menabur anak batu adalah lebih baik daripada tanah merah.

Tuan Speaker, dalam soal ini saya harap janganlah pihak Jabatan Kerja Raya berasa kecil hati. Sungutan-sungutan yang dibuat mungkin kita tahu jawapan seperti mana yang diberi kepada kita ialah kaki tangan terlalu kurang tetapi kalau diatur dengan baik kita yakin dan percaya masa-

lah-masalah begini dapat diatasi kerana peruntukan wang yang cukup.

Tuan Speaker, menurut ucapan Y.A.B. Ketua Menteri, rancangan pembahagian lembu dan kerbau, kambing dan biri-biri mengikut sistem pawah akan diteruskan. Saya ucapkan terima kasih kerana rancangan ini sungguh memberi banyak manfaat dan faedah kepada para petani khususnya penduduk-penduduk di luar bandar. Adalah diharapkan bahawa ketika memesan anak-anak lembu yang hendak diberikan kepada petani-petani, biarlah baka yang baik dan dapat diberi mengikut jadual yang telah ditetapkan. Perkara ini telah menjadi sungutan setengah penternak lembu bahawa ketika menerima, lembu itu kecil dan kadangkala selepas dipelihara berbulan-bulan lembu itu terus kecil dan tidak membesar. Ini juga satu masalah yang patut dibuat kajian.

Begitu juga dengan jadual untuk menetapkan pemberian yang menyusahkan para penerima oleh kerana mereka diminta hadir pada sekian hari dan waktu, tiba-tiba pada waktu yang ditetapkan lembu itu tidak hadir dan penduduk-penduduk terpaksa balik dengan hampa dan menunggu pula seminggu kemudian. Jadi saya harap perkara ini tidak akan timbul kerana kalau hendak bagi, biarlah lembu itu ada dahulu dan kita pelihara sehari-dua dan jika didapati lembu benar-benar sesuai dan patut kita berikan pada masa itu baru kita menjemput petani-petani dan tidaklah berlaku kita tunggu tetapi lembu tidak datang, orang-orangnya sahaja datang, tertunggu dan ternganga dan membuang masa begitu sahaja.

Lagi satu perkara ialah saya tidak nampak satu pun dalam ucapan mengatakan tentang pusat mengumpul susu akan dibina di kawasan saya di Balik Pulau. Sebenarnya ada 100 ekor lembu diberi oleh Jabatan Haiwan dan lembu-lembu ini sudahpun mula mengeluarkan susu dan pihak penternak ini berasa susah hendak mencari pasaran. Oleh yang demikian ada-

lah diharapkan bahawa pusat mengumpul susu sepertimana yang dirancangan dapat diadakan di kawasan Daerah Barat Daya di Pulau Pinang ini. Dengan adanya tempat mengumpul susu dapatlah penternak lembu tenusu mengumpul susu mereka di pusat ini dan hasil daripada pengumpulan ini dapatlah sama ada hendak diproses seperti tempat yang telah kita buat lawatan di Johor Bahru. Ini terpulanglah kepada Jawatan-kuasa Dewan untuk melaksanakannya, semoga susu yang didapati oleh para penternak itu tidaklah sia-sia dan hanya untuk digunakan bagi penjualan di sekitarnya yang tidak begitu memuaskan.

Begitu juga dalam projek pemberian anak ayam dalam Buku Hijau bagi kegunaan sendiri untuk mendapat makanan protin memang adalah baik dan patut dipergiatkan. Adalah diharap lebih ramai lagi rakyat yang memerlukan bantuan dapat diberi anak ayam ini dan mereka yang sudah diberi anak ayam ini patut diberi bimbingan dan panduan bagi menggalakkan mereka terus berusaha menternak anak ayam bagi tujuan projek Buku Hijau supaya mereka dapat menggunakan ayam untuk kegunaan sendiri di samping pendapatan sampingan.

Tuan Speaker, menyentuh kepada Jabatan Hutan, saya berharap jabatan ini dapat mempergiatkan lagi kawalan bagi membenteraskan peneroka haram yang berlaku di kawasan perhutanan. Perkara ini memang berlaku kerana setengah daripada mereka ini setelah meneroka mereka datang berjumpa dengan saya dan mereka meminta tolong supaya Pegawai Daerah memberi Lesen Tumpangan Sementara (TOL). Ini berlaku. Saya harap perkara ini tidak payah disiasat atau dikaji sebab memang perkara ini berlaku dan patut diambil tindakan untuk mengelakkan seperti yang saya sebutkan tadi dalam soalan saya tempoh hari untuk mengelakkan kawasan tadahan air tercemar.

Saya suka juga mengucapkan tahniah kepada Jabatan Hutan yang mana telah

memperkenalkan Muzium Hutan yang sungguh menarik yang terletak di kawasan saya. Sepertimana yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat memanglah ini satu-satunya projek muzium yang terbaik dan termoden sekali dan mendapat perhatian daripada masyarakat di sekitar di Negeri Pulau Pinang dan Malaysia amnya. Adalah diharapkan projek ini boleh menarik pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri.

Sejak dari pembukaan rasmi yang dibuat pada 4hb. Mei, 1983 ini kita dapati beratus-ratus orang yang telah membuat kunjungan lebih-lebih lagi dalam masa cuti persekolahan ini. Kalau ada peruntukan yang lebih banyak mereka boleh memperindah lagi kawasan itu dan juga sekitar muzium itu. Jadi saya suka hendak mengucapkan terima kasih kerana muzium ini kebetulan terletak di kawasan saya dan ini adalah satu cara yang boleh kita memperkenalkan kawasan Telok Bahang.

Saya juga berharap jabatan-jabatan lain dapat memberi kerjasama kepada Jabatan Kebun Bunga. Peruntukan telah dibuat untuk memperindahkan lagi kawasan itu dan begitu juga taman-taman akan dibuat oleh pihak Jepun dan lain-lain. Apa yang saya berasa hairan pada masa ini berbanding semasa saya masih kecil bila saya melawat kebun bunga, kebun-kebun bunga biasanya dipenuhi dengan pokok-pokok bunga, tetapi malangnya kalau kita melawat kebun-kebun bunga sekarang ini jarang kita boleh nampak bunga. Yang kita nampak ialah "bunga-bunga" yang lain berdua-duaan di situ. Ini patut mendapat kebun-kebun bunga itu benar-benar dihiasi dengan bunga-bunga berbagai anika semoga dapat menarik para pelancong dan pelawat-pelawat. Pada hari ini kalau kita melawat, apa yang kita boleh lihat hanya penuh dengan "bunga-bunga" yang saya sebutkan tadi sahaja.

Tuan Speaker, selain dari itu kita juga selalu mendengar mengenai pengunjung-pengunjung di kebun-kebun bunga yang

mendapat gangguan daripada anasir-anasir yang kita tidak mengingini. Patutlah juga pihak berkuasa Kebun Bunga mengadakan pegawai-pegawai bagi menjaga keselamatan supaya pengunjung-pengunjung kebun bunga ini apabila mereka melawat akan berhati lega tanpa rasa takut daripada anasir-anasir yang tidak diingini itu. Perkara ini tidak dapat dinafikan sebab kita selalu mendapat berita dari dalam akhbar dan dari pihak polis.

Tuan Speaker, saya suka juga mengucapkan terima kasih di sini kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah membuat peruntukan khas yang bertambah bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk pembinaan dan memperbaiki mesjid. Kebetulan di kawasan saya ada sebuah mesjid yang telah usang. Ada rancangan untuk membina sebuah mesjid yang baru untuk menggantikan mesjid yang lama itu dan dengan usaha-usaha daripada pihak penduduk-penduduk kampung itu, mereka telah mendapatkan wang daripada orangramai berjumlah lebih daripada \$50,000.00. Adalah diharapkan dengan adanya peruntukan ini pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam dapat membuat peruntukan \$50,000.00 kepada kampung tersebut iaitu Kampong Titi Teras yang juga tempat saya tinggal. Ini adalah satu peluang yang baik sebagai permulaan memberi peluang kepada tiap-tiap ADUN untuk membina mesjid baru supaya peruntukan pembinaan ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya bagi kita menunjukkan satu tahap penghayatan agama Islam dan menerapkan agama Islam dalam ciri pentadbiran Negeri seperti yang dikehendaki oleh Perdana Menteri kita. Saya berharap perkara ini jangan pihak Pembangkang khuatir oleh kerana Islam tidak pernah memaksa sesiapa melainkan Islam satu agama yang sejahtera dan menghormati segala agama yang ada, cuma kadangkala ada berlaku salah faham yang dibawa oleh fanatik agama. Tentulah masalah itu amat mendukacitakan.

Tuan Speaker, saya suka juga menyen-

tuh di atas dua projek yang akan dibina di kawasan Telok Bahang, Balik Pulau, iaitu satu projek untuk membuat tempat melihat anak bulan. Adalah diharapkan setelah ada peruntukan pembangunan ini pembinaan tempat untuk melihat anak bulan di Pantai Aceh itu dapat disegerakan kerana pada masa-masa yang lalu orang-orang yang diberi kuasa untuk melihat anak bulan telah menghadapi kesukaran sebab mereka terpaksa menyerah diri kepada nyamuk dan sebagainya, lebih-lebih lagi pada masa melihat anak bulan untuk hari raya mereka terpaksa berbuka puasa dan sembahyang dalam keadaan yang tidak memuaskan hati. Adalah diharapkan apabila pusat ini siap dibina ianya akan memberi keselesaan kepada pihak-pihak yang ditugaskan melihat anak bulan itu.

Begitu juga dengan pembinaan Pejabat Kadhi atau Kompleks Hal Ehwal Agama yang ditempatkan di Balik Pulau, diharapkan dapat disegerakan oleh kerana saya difahamkan tapak tempat pembinaan ini telah siap dan hanya menunggu peruntukan bagi pembinaan sahaja. Adalah diharapkan dengan peruntukan pembangunan ini projek ini dapat disegerakan supaya tahun ini tidaklah lagi perlu kita serahkan diri kepada nyamuk bila menyertai dalam melihat anak bulan.

Tuan Speaker, rakan saya dari Machang Bubok telah menyatakan dan telah memberi satu cara untuk meninggikan taraf hidup rakyat yang miskin, untuk menghapuskan kemiskinan dan hal-hal yang demikian. Saya ingin tahu apakah rancangan yang Kerajaan kita telah susunkan bagi menghapuskan kemiskinan oleh kerana kita sentiasa bercakap sahaja berhubung dengan hendak meninggikan taraf hidup rakyat terutama sekali para petani, nelayan dan sebagainya.

Tadi rakan saya telah menyebutkan tentang berbagai subsidi dan sebagainya telah diberi tetapi keadaannya masih seperti kata pepatah, "hidup segan mati tak mahu". Jadi eloklah kita mengadakan satu

rancangan yang lebih konkrit untuk mencari jalan bagaimana hendak menghapuskan kemiskinan rakyat kita tanpa mengira bangsa dan keturunan sama ada dalam masa jangka panjang atau jangka pendek. Ini patutlah dirancangan oleh sebab kita dapati sejak negara kita merdeka 26 tahun yang lalu kalau kita tengok Pak Dolah masih menanggung tajak atau menanggung pukut pergi ke laut, keadaannya begitu juga. Kalau kita tanya Pak Dolah mengapa begitu, jawabnya ialah "inilah nasib nelayan". Jadi apakah rancangan yang lebih baik dapat kita sediakan untuk memberi bantuan dan sokongan yang lebih berkesan supaya mereka dapat menikmati dari hasil kemerdekaan yang kita dapat sebagaimana yang telah kita rancangan bagi meninggikan taraf hidup rakyat kita yang tidak bernasib baik. Ini patut kita adakan satu penelitian dan kita minta supaya pakar yang mengetahui dalam segi sosial kemasyarakatan dapat menyusun satu cara hidup yang boleh memberi pertolongan kepada rakyat kita yang memerlukan pertolongan oleh kerana sejak Merdeka berbagai cara telah Kerajaan Negeri jalankan tetapi keadaan mereka itu masih kita nampak jauh ketinggalan dari rakan-rakan yang lebih bernasib baik. Ini patut kita sama-sama bincang supaya keadaan ini tidak berpanjangan terutama sekali kepada para petani dan nelayan kita yang masih hidup dalam keadaan yang daif sekali. Adalah diharapkan juga cara pemulihan sedemikian ini akan dapat menghapuskan kemiskinan rakyat kita terutama sekali seperti saya sebutkan tadi untuk mencerminkan Dasar Ekonomi Baru di negara kita.

Di sini juga saya suka supaya Kerajaan Negeri mengambil perhatian sekali lagi terhadap pegawai-pegawai Kerajaan kita yang ada di sini sama ada di peringkat Negeri mahupun di peringkat Pusat atau Persekutuan yang sepatutnya mengikuti persidangan Dewan yang mulia ini supaya mereka dapat sama-sama datang mendengar mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh Dewan dan rakyat di Negeri ini. Dengan cara ini pandangan-pandangan yang

diberi di Dewan ini dapat diambil kira. Walaupun mereka itu sebagai perjawatan Persekutuan tetapi perkhidmatan mereka dikehendaki dalam Negeri ini. Maka perlu kita mendapat kerjasama mereka terhadap Kerajaan Negeri yang sedang berikhtiar untuk meninggikan kedudukan pembangunan di Negeri ini.

Begitu juga saya harap tiap-tiap jabatan yang ada dalam Negeri ini hendaklah memberi kerjasama yang erat antara satu sama lain oleh kerana pada masa yang sudah ada yang kurang erat. Oleh itu sepatutnya dieratkan sebab tujuan kita memberi perkhidmatan tidak lain tidak bukan ialah untuk kemajuan pembangunan di Negeri Pulau Pinang untuk kepentingan seluruh rakyat Pulau Pinang tanpa mengira keturunan, fahaman ugama dan lain-lain lagi.

Akhir sekali sebelum saya berundur diri, saya suka hendak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah membentangkan satu Anggaran Pembangunan yang begitu baik sekali dan juga harus kita memberi tahniah kepada Pegawai Kewangan Negeri yang begitu teliti menyusun bersama-sama bagi membentangkan anggaran ini dan dengan ini juga dapat kita sama-sama menikmati segala pembangunan yang akan dilaksanakan mengikut keperluan untuk memberi faedah kepada rakyat dan setiap masyarakat yang ada di Negeri ini.

Banyak lagi perkara yang saya hendak cakapkan tetapi oleh sebab memandangkan masa sudah pukul tujuh dan hendak masuk waktu Sembahyang Maghrib, saya minta dengan ini memberi sokongan dengan sepenuhnya di atas Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong Usul saya untuk Anggaran Pembangunan bagi tahun depan.

Tuan Speaker, oleh sebab sekarang telah masuk masa Sembahyang Maghrib, saya akan berucap secara ringkas dan selepas itu saya harap kita boleh menanggung Dewan ini selama satu jam dan selepas itu kita semua boleh balik ke Dewan selepas 8.30 malam untuk menyelesaikan susunan yang kita ada pada hari ini. Sesungguhnya hari ini adalah satu hari yang istimewa di mana kita telah mendapat peluang berbincang dengan panjang lebar daripada semua pihak di Negeri Pulau Pinang untuk pembangunan kita. Oleh sebab itu kita ucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Hari ini kita telah mendengar banyak perkara tetapi ada lima *classification*.

Pertama ialah daripada Y.B. Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota yang tidak berapa tahu sama ada beliau mesti menyokong benar atau menyokong, setengah-setengah tetapi apa yang selalu beliau lakukan ialah beliau cuba memperkecilkan kebolehan Kerajaan. Beliau kata kita telah dalam tahun 1983 mencapai pembangunan mengikut Anggaran Pembangunan 1983. Di sini boleh dikatakan beliau telah membaca buku yang tidak betul. Anggarannya tidak betul oleh sebab apa yang beliau baca adalah sampai bulan Jun sahaja, bukan sampai akhir tahun ini. Apa yang sungguh terjadi ialah bagi tahun 1983 kita telah menganggarkan sebanyak \$49,683,210.00 untuk pembangunan tetapi apa yang kita telah mencapai ialah \$86,107,053.00 yang sesungguhnya Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota tidak boleh tahu apa yang telah tercapai oleh kita dan tidak payahlah beliau mengancam dengan mengatakan kita tidak boleh beri.

Kata beliau, nampaknya Jabatan Kerja Raya sahaja telah meluluskan 5.8% tetapi apa yang sungguh terjadi ialah Jabatan Kerja Raya telah mencapai sampai sekurang-kurangnya 50% pada tahun ini tetapi banyak rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya adalah berkaitan dengan modal atau "*capital physical structure*". Itu kita telah menang-

guhkan oleh sebab masalah kewangan. Jabatan Kerja Raya tidak boleh menjalankannya oleh sebab wang untuk digunakan tidak sampai kepada Jabatan Kerja Raya tetapi lain-lain pejabat seperti Pertanian telah mencapai 83.6% dan Jabatan Parit dan Taliair telah mencapai 82.2%. Ini tidak payah. Saya bagi banyak keterangan tetapi apa yang telah tercapai bagi tahun 1983 ialah bukan kurang 100% tetapi lebih sampai 173.3%. Ini saya ingat kita tidak payah mengikut Yang Berhormat tetapi saya harap Yang Berhormat boleh mengikut kita.

Kedua ialah mengenai Y.B. Ahli Kawasan Paya Terubong yang telah menjadi anggota Kerajaan tetapi beliau telah membaca Anggaran Pembangunan sampai beliau tidak tahu di mana juta, di mana kosong atau di mana bahagian. Seperti yang telah saya jelaskan kelmarin, beliau telah banyak membaca, tapi ada salah faham sebab ucapan beliau panjang. Tetapi apa yang saya telah kata dalam ucapan saya ialah bagi tahun-tahun yang akan datang kita harus mengkaji semula keseluruhan jumlah peruntukan perbelanjaan pembangunan seperti yang tertera dalam risalah-risalah pembangunan. Ini kita telah faham dan beliau, saya ingat, tidak payah takut Kerajaan tidak mengambil perhatian berat.

Ketiga ialah banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyokong penuh kepada Buku Hijau, Anggaran Hasil dan Perbelanjaan dan Anggaran Pembangunan. Saya ingat kita di dalam Dewan ini telah menyokong dengan penuh semangat. Ini yang menjadi "Manual Procedure Kerajaan" tahun hadapan. Saya harap semua Yang Berhormat boleh bekerjasama dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan dengan pegawai-pegawai Kerajaan untuk kita menjalankan apa yang termasuk dalam Anggaran yang ada untuk tahun 1984 serta mengkaji dan menjaga semua rancangan yang telah dijalankan mengikut jadual.

Bagi bahagian keempat ialah bagi perkara-perkara tertentu oleh sebab semua

Ahli-ahli Yang Berhormat telah membawa beberapa perkara-perkara baru dan kita akan menjalankan mengikut kewangan yang kita ada. Kita mesti sediakan lagi untuk hari depan. Yang Berhormat-Yang Berhormat telah mengambil bahagian di dalam jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Pengerusi yang terdiri daripada rakan-rakan saya dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan. Perkara-perkara ini telah diambil perhatian yang teliti dan selepas perbincangan dalam jawatankuasa, kita akan mengemukakan perkara-perkara itu di dalam Dewan. Ini pun baik. Sebagai wakil rakyat kita boleh bawa perkara-perkara ini ke dalam Dewan kita. Kita mestilah mengkaji dan saya harap pegawai-pegawai yang berkenaan akan mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang berbangkit dalam perbahasan hari ini dan kita mesti mengambil perkara-perkara ini satu persatu dan mempertimbangkannya untuk mengkaji semula Anggaran Pembangunan, barangkali dalam enam bulan tahun hadapan dan oleh sebab itu saudara-saudara saya yang tidak dapat menjawab di atas perkara-perkara yang dibangkitkan akan mengambil perhatian dalam jawatankuasa.

Bahagian kelima ialah pelbagai (*miscellaneous*) iaitu lain-lain hal. Ada dua perkara yang telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Bakap. Saya harap kalau ada penduduk-penduduk di KADUN Sungai Bakap yang tidak ada kerja, beliau boleh menghantar senarai nama kepada kita sebab apa yang kita dapat tahu ialah ramai di antara pekerja-pekerja kita telah pergi sampai ke Ipoh, Taiping atau sampai ke Kulim kerana hendak mencari kerja, dan mereka tentu lebih berpuas-hati kalau sampai di Sungai Bakap mereka boleh mendapat pekerjaan. Tidak payah pergi sampai ke Singapura. Apa yang saya dapat tahu ialah banyak pekerja dari Singapura masuk ke Pulau Pinang. Saya harap Yang Berhormat boleh menolong kita.

Lagi satu perkara kecil yang selalu dibawa kepada perhatian kita ialah masalah

kempen kebersihan. Kempen Kebersihan bukan satu kempen untuk menarik pelancong tetapi ialah untuk dijadikan amalan hidup setiap orang rakyat untuk menjadi semangat masyarakat kita. Saya harap semua saudara-saudara boleh mengambil perhatian dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri.

Ada lagi, satu perkara yang telah dibawa oleh Ahli dari Kawasan Paya Terubong, iaitu perkara Thean Teik Estate. Saya telah menjawab bahawa perkara tersebut patut diserahkan kepada pemilik-pemilik tanah berkenaan iaitu Khoo Kongsi, pihak Pemaju Farlim (M) Sdn. Bhd. dan penyewa Khoo Kongsi untuk cuba mencari penyelesaian yang memuaskan terhadap masalah mereka. Perkara ini telah diambil keputusan oleh Mahkamah dan kita sebagai pihak Kerajaan mesti mengambil perhatian dengan tidak bercampur tangan dengan pihak swasta. Apa yang telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Paya Terubong ialah satu dasar baru. Adakah munasabah jika sesebuah Kerajaan Negeri campur tangan dalam masalah ini dan kalau ada masalah swasta kita mesti bagi tanah-tanah untuk menyelesaikan masalah mereka? Hari ini Khoo Kongsi ada masalah. Khoo Kongsi sebagai tuan tanah menghadapi kesusahan hendak menyelesaikan masalah mereka tetapi Khoo Kongsi mesti menyelesaikan perkara itu dengan cubaan mereka sendiri. Kerajaan Negeri, saya fikir, tidak ada kuatkuasa hendak memberi tanah kepada penyewa-penyewa di tempat itu untuk menyelesaikan masalah ini. Apa yang telah dikatakan oleh Datuk Goh Cheng Teik kepada Yang Berhormat Ahli dari Paya Terubong saya tidak tahu, tetapi saya tidak mendapat apa-apa hubungan daripada beliau kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, tidak payah saya bercakap banyak. Saya lagi sekali ucapkan terima kasih kepada semua saudara-saudara dan inilah akhir tahun untuk kita dan saya ucapkan terima kasih sebab ini peluang untuk mengucapkan "*Merry X'mas*" kepada rakyat yang beragama Kristian dan kepada

semua Ahli yang lain Selamat Tahun Baru.

Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.20 malam.

Dewan bersidang semula pada jam 8.39 malam.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

7. PEMILIHAN SENATOR

Tuan Speaker:

Sebelum Dewan ini menjalankan urusan memilih dua orang Senator, saya suka memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong telah menasihatkan Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri mengikut Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 1 dalam Jadual yang Ketujuh kepada Perlembagaan Persekutuan iaitu dua kekosongan antara Ahli-ahli Dewan Negara telah berlaku disebabkan tamat tempoh jawatan Yang Berhormat Datuk Khoo Kay Por dan Yang Berhormat Encik Ishak bin Abdul Rahman masing-masing pada 27hb. September, 1983 dan 22hb. Oktober, 1983. Maka pemilihan dua orang Senator bagi memenuhi kekosongan-kekosongan tersebut adalah diperlukan.

Di bawah Seksyen (3) Fasal 45 Perlembagaan Persekutuan, tempoh jawatan seseorang Senator ialah tiga tahun. Oleh itu tempoh jawatan orang-orang yang dipilih untuk memenuhi kekosongan-kekosongan ini ialah tiga tahun mulai hari ini.

Calon-calon untuk pilihan mestilah dicadangkan dan disokong oleh Ahli-ahli Dewan, dan disertai pula dengan kenyataan bertulis bahawa calon itu bersedia untuk berkhidmat jika dipilih. Mengikut Artikal 47(a) Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap warganegara yang bermastautin di dalam Persekutuan ini dan berumur tidak kurang

daripada 30 tahun adalah layak untuk menjadi seorang Senator dengan syarat tidak terlucut kelayakannya mengikut Artikal 48.

Sekarang saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengemukakan cadangan masing-masing untuk calon pertama iaitu untuk kekosongan disebabkan tamatnya tempoh perkhidmatan yang Berhormat Datuk Khoo Kay Por pada 27hb. September, 1983.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan Datuk Khoo Kay Por sebagai Senator mengikut Artikal 45 dan Jadual 7 Perlembagaan Persekutuan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, Datuk Khoo telah dipilih sebagai Senator pada 24hb. Disember, 1981 bagi mengisi kekosongan di atas perletakan jawatan oleh Encik Oh Swee Aun. Datuk Khoo telah menyempurnakan baki tempoh masa khidmat ahli sebelumnya yang tamat pada 27hb. September, 1983. Dalam tempoh masa tersebut Senator Datuk Khoo Kay Por telah didapati menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya dengan begitu baik dan sungguh memuaskan. Datuk Khoo Kay Por telah mendapat pendidikan di Sekolah Tinggi Chung Ling dan St. Xavier's Institution dan pada masa kini beliau menjadi Penasihat Perniagaan di Chartered Bank, Pulau Pinang. Pada satu ketika dahulu beliau pernah menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga bekas ADUN ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Kawasan Kampong Kolam. Datuk Khoo telah mula menceburkan diri dalam bidang politik dalam tahun 1956 apabila beliau menjadi ahli MCA. Dalam tahun 1961 beliau merupakan salah seorang daripada pengasas Parti UDP yangmana dalam tahun 1967 telah dirombak ke dalam parti GERAKAN, dan akhirnya telah bergabung dalam Barisan Nasional. Beliau mula ber-

tanding dalam pilihanraya umum dalam tahun 1964 di mana beliau telah berjaya dan sekali lagi berjaya dalam pilihanraya umum tahun 1969. Beliau berjaya kali ketiga dalam tahun 1974. Beliau telah dilantik dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 1969, dilantik semula dalam tahun 1974 dan telah berkhidmat sehingga tahun 1978.

Tuan Speaker, sebagai seorang pemimpin masyarakat yang disanjung dan dihormati, Datuk Khoo Kay Por telah memegang jawatan dalam beberapa Lembaga Sekolah. Beliau juga adalah seorang penasihat kepada beberapa pertubuhan seperti Naib Pengerusi dan pemegang amanah kepada Khoo Kongsi dan pada masa ini beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri bagi Parti GERAKAN serta Naib Pengerusi Jawatankuasa Pusat dan salah seorang pemegang amanah parti Gerakan Rakyat Malaysia.

Dengan pengalaman beliau pada awal tahun pencapaian kemerdekaan sehingga politik yang lebih *sophisticated* pada hari ini, Datuk Khoo telah memperolehi banyak sekali pengalaman dan jasanya tidak ternilai dalam menyatupadukan negara. Saya percaya dengan pengalaman beliau yang begitu luas sebagai seorang ahli politik dan penglibatan dirinya dalam hal-hal masyarakat akan dapat menempatkan beliau dalam satu kedudukan yang baik sebagai seorang Senator.

Oleh itu, Tuan Speaker, saya dengan bangganya mencadangkan Datuk Khoo Kay Por sebagai Senator bagi Negeri Pulau Pinang selama tempoh tiga tahun dengan berkuatkuasa mulai hari ini juga.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah,

menerima satu nama menurut susunan huruf:-

No. 1 — Datuk Khoo Kay Por dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas dan disokong oleh Yang Berhormat Tuan Haji Yahaya bin Ahmad.

Oleh sebab tidak ada cadangan lain, dengan ini Yang Berhormat Ahli-ahli sekalian, saya mengisytiharkan Y.B. Datuk Khoo Kay Por dipilih menjadi Senator bagi tempoh tiga tahun mulai hari ini.

Penasihat Undang-undang Negeri:

Tuan Speaker, oleh kerana diperlukan mengambil nama-nama Ahli-ahli yang berseutu untuk mencalonkan (gangguan).

Tuan Speaker:

Ada di sini.

Sekarang saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengemukakan cadangan masing-masing untuk calon kedua iaitu untuk kekosongan disebabkan tamatnya tempoh perkhidmatan Yang Berhormat Encik Ishak bin Abdul Rahman pada 23hb. Oktober, 1983.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan pemilihan Encik Ishak bin Abdul Rahman sebagai Senator mengikut Artikel 45 dan Jadual yang Ketujuh Perlembagaan Persekutuan. Kekosongan ini berlaku apabila tempoh masa khidmat Encik Ishak sebagai Senator telah tamat pada 22hb. Oktober, 1983.

Encik Ishak bin Abdul Rahman ialah seorang pemimpin masyarakat yang terkemuka dan dihormati di Bukit Mertajam dan telah dilahirkan di Kampong Tanah Liat, Bukit Mertajam, dan kemudian telah meneruskan pelajarannya di Sekolah Al Masriah dalam bidang pengajian Ugama.

Beliau telah memulakan kerjayanya dalam tahun 1948 sebagai seorang guru pelatih di Sekolah Melayu Butterworth. Selaku seorang guru, Encik Ishak bin Abdul Rahman telah melibatkan dirinya dalam kegiatan pengakap dan pernah memegang teraju sebagai Penolong Pesuruhjaya Pengakap bagi Daerah Bukit Mertajam. Encik Ishak bin Abdul Rahman adalah seorang yang dihormati dalam masyarakatnya yangmana kalangan ahli masyarakat dan lain-lain juga menemui beliau untuk mendapatkan nasihat dan panduan. Penglibatan beliau dalam perkhidmatan pertubuhan sukarela jelas menunjukkan ciri peribadinya. Selain dari kegiatan beliau dalam Pergerakan Pengakap, beliau juga telah bergiat dalam Pertubuhan Bulan Sabit, RELA, Persatuan Guru-guru dan Ibu-Bapa Sekolah Kebangsaan Seri Penanti, Majlis Perhubungan Masyarakat, Lembaga Pelawat Hospital Bukit Mertajam, Pertubuhan Koperasi Peladang Kawasan Bukit Mertajam dan banyak lagi aktiviti lain yang dianjurkan untuk Pejabat Daerah Bukit Mertajam.

Tuan Speaker, Encik Ishak bin Abdul Rahman adalah juga seorang ahli UMNO yang dikenali ramai di Kawasan Bukit Mertajam. Selain dari itu beliau juga adalah seorang Ahli Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri dan Ahli Jawatankuasa Penyelaras Barisan Nasional Negeri.

Bagi menghargai akan jasa-jasa beliau terhadap masyarakat, Encik Ishak bin Abdul Rahman telah dikurniakan Ahli Mangku Negara (AMN) oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dalam tahun 1968 dan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan Darjah Johan Negeri (DJN) oleh T.Y.T. Yang di Pertua Negeri dalam tahun 1976 dan 1982.

Tuan Speaker, saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokong saya di atas pemilihan Encik Ishak bin Abdul Rahman sebagai Senator bagi Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Saya menerima hanya satu nama mengikut susunan huruf:-

No. 2 — Encik Ishak bin Abdul Rahman dicadangkan oleh Y.B. Datuk Khor Gark Kim dan disokong oleh Yang Berhormat Encik Teoh Kooi Sneah.

Oleh sebab tidak ada cadangan lain, dengan ini saya mengisytiharkan Encik Ishak bin Abdul Rahman dipilih menjadi Senator bagi tempoh tiga tahun mulai hari ini. Saya juga memaklumkan bahawa Yang Berhormat Encik Ishak bin Abdul Rahman telah mengemukakan surat penerimaannya.

9. PENANGGUHAN

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, oleh sebab keadaan tidak mengizinkan, saya tarik balik cadangan untuk memberi ucapan penangguhan.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, topik ucapan penangguhan saya pada hari ini adalah ke atas "Kempen Kebersihan yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri". Soalan yang

pertama yang ada dalam fikiran saya ialah mengapakah perlunya kempen selama satu bulan itu dan jawapannya hanyalah bahawa keadaan kebersihannya sudah semestinya begitu buruk dan tidak boleh tertanggung lagi hinggakan Kerajaan Negeri terpaksa mengambil tindakan dengan melancarkan kempen tersebut.

Di dalam kegemilangan dan publisiti yang meluas, Y.A.B. Ketua Menteri telah pada 9hb. Oktober tahun ini, 1983, melancarkan sekali lagi kempen seumpama itu yang mana di dalam pandangan saya adalah satu langkah yang akan gagal dari mula oleh kerana lazimnya kempen seumpama ini yang sering dianjurkan oleh Kerajaan hanyalah lebih cakap dari perbuatan. Kempen selama sebulan ini bertujuan untuk membersihkan alam sekitar itu adalah kosong belaka tetapi hanyalah satu kejutan publisiti yang direka oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk menutup segala kegagalan untuk memberi perkhidmatan secukupnya bagi memastikan satu alam sekitar yang bersih dan sihat bagi rakyat untuk tinggal. Seringkali terdengar bahawa orang ramai selalu disalahkan oleh pihak berkuasa Kerajaan menyebabkan keadaan yang tidak sihat dan kotor dengan membuang sampah merata-rata dan tidak bekerjasama serta tidak bersemangat masyarakat yang cukup, tetapi pernahkah Pihak Berkuasa Negeri bertanya diri mereka sendiri sebelum meletakkan kesalahan kepada orang ramai, sama ada pihak berkuasa Kerajaan telah memberikan perkhidmatan yang cukup dan baik untuk orang ramai? Sudah semestinya semua orang mahu tinggal dan duduk di kawasan yang alam sekitarnya sihat dan bersih, dan orang ramai saya pasti akan bekerjasama dengan pihak berkuasa Kerajaan jika pihak berkuasa Kerajaan mengambil langkah untuk memberikan perkhidmatan yang baik kepada orang ramai.

Tuan Speaker, persoalan mengenai alam sekitar yang bersih bukan satu perkara yang baru malah ianya adalah satu pertambahan kegagalan yang lama oleh Kerajaan yang mana menyebabkan keadaan

yang tidak sihat hari ini. Saya masih ingat beberapa tahun lalu, pekan Butterworth telah dinamakan sebagai pekan yang paling kotor sekali di Negara kita dan hari ini selepas bertahun-tahun keadaan di Butterworth dan di lain-lain tempat di dalam Negeri ini masih tidak berubah. Pengutipan sampah sarap adalah satu masalah yang paling besar yang dihadapi oleh pihak berkuasa Kerajaan dan ianya masih belum ada sebarang penyelesaian untuk mengatasi masalah tersebut. Sistem pengutipan sampah Conwaste adalah gagal memandangkan masalah yang telah timbul darinya yang mana ia sepatutnya menyelesaikan masalah pembuangan sampah sarap. Saya tidak faham kenapa pihak berkuasa Kerajaan Negeri masih bergantung kepada sistem pembuangan sampah Conwaste yang mana telah gagal sama sekali, malah dari laporan tahunan Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran tahun 1980, didapati bahawa sistem pembuangan sampah sarap tersebut adalah tidak sesuai untuk Negeri ini disebabkan 4 perkara tersebut:

- 1) tong sampah yang besar yang menghalangi lalu lintas;
- 2) ianya yang sepatutnya menerangkan kawasan sampah sarap telah membuatkan sampah berselerak semasa tong-tong sampah tersebut diangkut;
- 3) pengutipan sampah sarap oleh Conwaste di waktu-waktu yang tidak menentu menjadikan ianya satu gangguan kepada orang ramai; dan
- 4) tong-tong sampah yang besar dan berat itu menyebabkan kerosakan jalanraya dan longkang-longkang.

Tindakan-tindakan yang sepatutnya diambil tetapi walaupun masalah yang dilakukan oleh sistem pengutipan sampah Conwaste diketahui, pihak Majlis Perbandaran masih membaharui kontrak dengan syarikat Conwaste. Disebabkan oleh kegagalan Conwaste dalam pembuangan sampah-sarap awal tahun ini, pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah terpaksa

mengambil langkah dengan mengambil alih setengah-setengah kawasan yang sepatutnya dikutip oleh Syarikat Conwaste, tetapi malangnya majoriti kawasan pilihanraya saya, Pengkalan Kota, masih di bawah perkhidmatan Conwaste. Adalah menjadi satu hakikat bahawa kawasan saya, Pengkalan Kota, ialah satu kawasan yang paling kotor di dalam bandaraya Georgetown disebabkan kelalaian pihak berkuasa Kerajaan Negeri, di mana orang ramai tinggal di kawasan alam sekeliling yang tidak sihat dan kotor dengan sampah sarap berselerak oleh kerana tong-tong sampah Conwaste yang telah penuh bertimbun-timbun di atas jalanraya yang kadangkala tidak dikutip hingga beberapa hari menyebabkan bau yang busuk dan longkang-longkang yang tertutup akibat dari sampah sarap tersebut yang mana menjadikan ianya tempat pembiakan nyamuk dan lalat. Malah semasa wabak denggi yang lalu, adalah dilaporkan bahawa kawasan dari Jalan Magazine ke Jalan Cecil telah ditunjukkan sebagai kawasan denggi di mana ianya salah satu kawasan yang paling banyak kes-kes demam denggi. Rungutan dan bantahan yang tidak terkira dari orang ramai telah dibangkitkan bersabit dengan isu-isu keadaan longkang, keadaan kotor dan tidak sihat di kawasan tersebut, tetapi malangnya rungutan-rungutan itu tidak diperdulikan dan menjadi lebih buruk.

Saya telah secara peribadi membangkitkan isu ini kepada pihak Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran malah pihak Jabatan Kesihatan sendiri telah mengakui bahawa keadaan kawasan tersebut memang kotor dan mereka menyedari masalah tersebut dan melakukan seberapa daya yang boleh untuk mengatasi masalah tersebut. Adalah diketahui umum bahawa apa yang dilakukan oleh mereka seperti yang dikatakan sebagai, dengan izin, "*doing their best*" adalah tidak mencukupi melainkan pihak Majlis sendiri mengambil langkah pertama untuk mengatasi masalah tersebut, orang ramai tidak boleh disalahkan jika mereka tidak bekerjasama dengan pihak berkuasa yang bertanggungjawab.

Kempen kebersihan tersebut adalah satu langkah yang baik dengan menggalakan orang ramai terlibat dan bertanggungjawab untuk satu kawasan alam sekeliling yang bersih dan sihat. Kebersihan adalah tanggungjawab semua orang, tetapi ianya akan hanya menjadi efektif jika pihak Kerajaan Negeri jujur dengan memberikan teladan dengan melakukan segala cakapan dengan perbuatan dan tidak menggunakan kempen tersebut sebagai menutup segala kegagalan mereka untuk mengadakan satu alam sekitar yang bersih dan sihat bagi orang ramai.

Keputusan yang dihayatkan itu akan hanya boleh dicapai bukan saja dengan kempen selama sebulan tetapi dengan usaha-usaha yang disokong penuh secara berpanjangan oleh pihak berkuasa Negeri untuk memberikan perkhidmatan yang baik dan di masa yang sama mengasuh dan mendidik orang ramai oleh kerana sebahagian dari sebabnya masalah ini timbul adalah disebabkan oleh didikan dan pengajaran yang salah dalam menghadapi masalah tersebut.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, ada satu pepatah bunyinya lebih kurang begini : Buruk pengkalan buruk baunya. Jadi saya hendak padankan pepatah itu dengan ADUN Pengkalan Kota. Saya ingat buruk kawasan buruk juga wakilnya. Jadi DAP memang takut kalau kita hendak menjalankan Kempen Kebersihan sebab kotor dengan DAP adalah *synonym* — lebihkurang sama. Jadi mereka takut kalau kita sapu sampah, kita akan sapu dengan mereka sekali. Ini yang menakutkan DAP, sebab bila menyentuh berkenaan kebersihan dan satu keadaan yang baik orang-orang seperti DAP tidak dapat hidup. Mereka adalah manusia yang menangguk di air yang keruh dan di mana ada kelam kabut atau kacau bilau, mereka boleh hidup.

Saya suka menafikan dengan sekeras-kerasnya tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota yang mengatakan bahawa Kempen Kebersihan yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri gagal. Ia sebenarnya telah menampakkan kejayaan.

Menyentuh perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli yang tersebut tentang perkhidmatan mengutip sampah dan kebersihan yang telah dijalankan oleh Majlis Perbandaran, suka saya memberi ulasan seperti berikut. Pada setiap hari kira-kira 220 ton sampah sarap dipungut dan dilupuskan dengan cara yang bersih. Kemudian banyak lagi kerja lain yang dibuat oleh Majlis seperti kebersihan parit-parit awam yang dijalankan setiap hari kecuali pada hari Ahad atau pada hari rihat di mana satu perkhidmatan yang kita panggil "*skeleton*" dijalankan. Majlis juga menyapu jalan-jalan awam yang dijalankan pada setiap hari kecuali pada hari Ahad di mana perkhidmatan "*skeleton*" juga dijalankan. Perkhidmatan-perkhidmatan pelupusan Majlis adalah dijalankan selalu di kawasan Bandaraya oleh pihak Majlis. Di kawasan-kawasan luarbandar Majlis mengadakan perkhidmatan secara pengswastan iaitu menyerahkan kepada kontraktor untuk melakukan kerja-kerja itu. Bukan itu sahaja yang telah dilakukan oleh Majlis. Kita lihat pantai-pantai misalnya, Persiaran Gurney, Padang Kota Lama, dibersihkan dua kali dalam satu minggu. Dari Pantai Miami sehingga ke Kampong Nelayan di Telok Bahang, kebersihan adalah dijalankan setiap hari. Muara-muara sungai dan kuala-kuala sungai yang besar adalah dibersihkan dari sampah sarap jika dan apabila diperlukan; Di mana sekim tapisan sampah disediakan seperti di Sungai Emas dan Batu Feringghi, sampah sarap adalah dibuang tiap-tiap hari.

Tuan Speaker, kepimpinan pihak berkuasa berkenaan adalah ditunjukkan melalui penganjuran Kempen Kebersihan seperti yang saya katakan telah dirasmikan atau

dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 9hb. Oktober, 1983 di Pulau Pinang, kemudian diikuti pula dengan gotong-royong yang dibuat besar-besaran di seluruh negeri dan daerah-daerah, mukim-mukim, kampung-kampung, rumah-rumah ibadat dan berbagai lagi. Dan semasa gotong-royong telah dijalankan, boleh dikatakan semua pemimpin masyarakat kecuali DAP turut mengambil bahagian sama ada Ahli-ahli Exco, ADUN atau Ahli-ahli Majlis. Malangnya, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota yang mengatakan kawasan-nya kotor sepatutnya panggil kita bekerjasama dan bergotong-royong tetapi tunggu mesyuarat baru bercakap. Karut punya budak. Jadi untuk pengetahuan Dewan, Ahli-ahli Exco kita telah memilih jalan-jalan tertentu untuk dijadikan jalan angkat (bukan anak angkat) iaitu Ahli Exco itu akan memerhati dan melihat jalan-jalan yang kita anggap sebagai jalan-jalan protokol atau jalan-jalan yang menjadi pintu masuk ke Pulau Pinang misalnya di Pulau Pinang, Y.B. Datuk Khor Gark Kim telah memilih jalan dari lapanganterbang hingga ke *flyover* di Jalan Udini; Y.B. Dr. Ong Hean Tee dari Jalan Sultan Ahmad Shah, Penang Road, Brick Kiln, Jalan Jelutong hingga ke *flyover* dan Jalan Udini dan seterusnya di jalan sepanjang Jalan Mesjid Negeri. Encik Lee Jong Ki dari Jalan Datuk Keramat ke Jalan Ayer Itam, dan di Seberang Perai ada juga Ahli-ahli Exco kita yang mengambil jalan-jalan untuk dijadikan jalan angkat masing-masing. Jadi pelancaran kempen yang tersebut yang telah disusuli dengan gotong-royong di sepanjang tempoh satu bulan merupakan kempen yang sangat berjaya. Jadi pada hari ini matlamat itu telah menunjukkan kejayaan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 9.10 malam.